

[Dokumen ini belum disemak]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Bil. 21**

**Khamis**

**16 Disember 2004**

---

### **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 27)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 16 Disember 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kontrak-kontrak penswastaaan di negara ini khususnya kontrak-kontrak yang agak berat sebelah di mana ianya boleh merugikan pihak kerajaan. Apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu badan pengawal selia ataupun "*regulator*" bagi memastikan projek tersebut benar-benar menepati objektif yang diinginkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada semua Ahli Dewan Negara yang baru dilantik. Minta maaf, tidak dapat ucap tahniah sebelum ini dan saya yakin Ahli Yang Berhormat akan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam membantu kerajaan untuk memastikan kita dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, saya ingin memaklumkan bahawa semua cadangan penswastaaan diteliti oleh Unit Perancang Ekonomi dan perjanjian yang dirujuk kepada Jemaah Menteri. Unit Perancang Ekonomi disokong oleh dua jawatankuasa kecil iaitu satu Jawatankuasa Penilaian Kewangan dan yang kedua Jawatankuasa Penilaian Teknikal dalam kita menimbangkan cadangan ini. Semua perjanjian konsesi diteliti oleh Jabatan Peguam Negara. Ini semua dilakukan untuk mengambil kira kepentingan kerajaan, kepentingan pengguna dan juga kepentingan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula semua kontrak penswastaaan seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat, kecuali ada yang melibatkan pelanggaran syarat dan terma perjanjian ataupun ada persetujuan di antara kedua pihak. Umpamanya, baru-baru ini kerajaan telah menyemak semula perjanjian

konsesi dengan SPANCO, syarikat yang membekal dan menyelenggarakan kenderaan bagi jabatan kerajaan dan ini menyebabkan pengurangan kadar sewa sebanyak 20% dan menjimatkan negara RM1.5 juta sebulan. Ini satu contoh di mana dengan adanya persetujuan di kalangan dua pihak, kerajaan telah menyemak semula perjanjian penswastaan, tetapi kita akan lakukannya jika adanya persetujuan di antara kerajaan dan syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan berkaitan dengan suruhanjaya ataupun *regulator* ataupun badan pengawal, memang kerajaan berhasrat menubuhkan badan pengawal ini. Sebagai contoh semalam, diadakan upacara majlis menandatangani perjanjian antara pihak Kerajaan Pusat, pihak kerajaan negeri dan PUAS untuk menswastakan bekalan air Lembah Klang iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya kepada SYABAS dan dalam ucapannya, menteri berkenaan menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) untuk mengawal selia perkhidmatan air dalam negara kita.

Ini, satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melindungi kepentingan pengguna dan seperti sedia maklum di dalam Dewan Rakyat, *first reading*, bacaan pertama telah pun dibentangkan untuk mencadangkan satu pindaan Perlembagaan bagi meletakkan perkhidmatan air di bawah senarai bersama dan dengan lulusnya pindaan Perlembagaan tersebut, kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN), membolehkan kita mengawasi bekalan air yang diswastakan untuk memastikan kadar tarifnya, memastikan *benchmarknya*, *non-revenue water* dan segala hal berkaitan pengurusan air ini dapat diuruskan dengan lebih baik dan lebih cekap lagi. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu panjang lebar. Tetapi, walau bagaimanapun soalan tambahan saya ini, berbalik kepada isu yang sama, bagaimana pula dengan penswastaan di mana kerajaan telah memberikan "surat niat". Apa maksud surat niat yang sebenarnya sehingga kadangkala, ada *private sectors* yang telah menggunakan surat niat itu menjalankan tugas dan akhirnya nanti, mereka mengalami kerugian apabila tidak dipanjangkan lagi perbincangan yang telah pun diluluskan daripada awal. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Surat niat tidak ada *legal force*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak mengikat kerajaan untuk melaksanakan sesuatu. Ia cuma

merupakan satu dengan izin, *statement* atau *intention* dan sehingga perjanjian penswastaan ditandatangani, maka tidak ada apa-apa perjanjian antara pihak swasta dengan pihak kerajaan. Umpamanya, bagi penswastaan PUAS kepada SYABAS.

Di Lembah Klang, perkhidmatan air sekarang dibekalkan oleh PUAS dan kita menswastakan kepada SYABAS yang mana Puncak Niaga mempunyai 70%, Kerajaan Negeri Selangor melalui Kumpulan Warisan mempunyai 30%. Perundingannya berlangsung sembilan tahun. Jadi, sehingga perjanjian ditandatangani semalam, tidak ada penswastaan bekalan air di Lembah Klang. Proses berlangsung sembilan tahun. Jadi, walaupun ada surat niat, kerajaan tidak terikat dengan apa-apa peruntukan ataupun peraturan sehinggalah perjanjian penswastaan ditandatangani.

Dalam kes bekalan air, contoh saya sebutkan tadi, ia dicadangkan tahun 1995, baru semalam ditandatangani, barulah berkuat kuasa. Jadi mana-mana surat niat, sama ada melibatkan kontrak ataupun paksaan, tidak ada *legal force* dengan izin, tidak boleh dikuatkuasakan undang-undang terhadapnya.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setahu saya, tentu sudah ada dalam sistem itu *regulator*. Sebagai contoh, apabila komunikasi itu diswastakan, maka ada juga *regulator*. Bila Tenaga Nasional Berhad (TNB) diswastakan juga ada. Bila pembedaan diswastakan, juga ada. Tetapi nampaknya, masih ada kelemahan dan ini telah mengakibatkan ketidakpuasan di antara pengguna-pengguna.

Jadi, akibat daripada itu, apakah perubahan-perubahan yang boleh dibuat oleh EPU supaya mengambil kira semua perkara yang telah dibangkitkan, dan menetapkan satu model pada masa hadapan yang telah mengambil kira semua ketidakpuasan yang dibangkitkan oleh rakyat. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita belajar daripada pengalaman. Memang ada beberapa kelemahan dan dari semasa ke semasa kita mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Dalam kes multimedia dan komunikasi, kerajaan telah pun menubuhkan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi dan perkara-perkara berkaitan dengannya, umpamanya internet ataupun liputan selular telefon dengan izin, ditandatangani oleh suruhanjaya ini untuk memastikan bahawa masalah-masalah yang dibangkitkan oleh pengguna dapat diatasi oleh pihak yang berkenaan.

Jadi, kerajaan sedar pentingnya peranan suruhanjaya ini. Oleh itulah, model yang kerajaan rasakan yang terbaik ialah Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

yang akan ditubuhkan. Dalam menimbang kenaikan tarif umpamanya, jika ada cadangan pihak syarikat di Selangor ini, suruhanjaya akan melihat kepada beberapa perkara. Umpamanya akan melihat kepada akaun syarikat berkenaan, akan ada ketelusan, *transparency*, antara dua perkara penting yang diputuskan oleh kerajaan apabila ditubuhkan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN).

Yang pertamanya, segala perbelanjaan modal ataupun *CAPEX*, modal oleh syarikat pengurusan air ini akan diteliti oleh SPAN dan perlu dilaksanakan segala cadangan itu melalui *open tender*, tender terbuka. Jadi, di masa hadapan, SYABAS yang telah mengambil alih daripada PUAS ini, apabila hendak menjalankan apa-apa kerja yang melibatkan modal, umpamanya *treatment, works* dan lain-lain, perjanjian menetapkan bahawa ia hendaklah melalui *open tender*, tender terbuka.

Yang keduanya, kerajaan akan memastikan di Selangor dan Lembah Klang ini, kadar tarif tidak akan dinaikkan sewenang-wenangnya. Kerajaan telah berpuas hati, tidak ada *automatic revision in tariff rate*, dengan izin. Dalam kes bekalan air di Lembah Klang ini, kerajaan tidak membenarkan syarikat untuk menaikkan kadar tarif air secara automatik. Ia akan diteliti oleh Syarikat Pengurusan Air Negara yang akan ditubuhkan apabila Dewan Negara meluluskan pindaan rang undang-undang.

Jadi, yang pertama saya hendak tekankan, kita belajar daripada pengalaman dan model suruhanjaya yang terbaik kita rasakan ialah Suruhanjaya Pengurusan Air Negara ini, di mana kerajaan akan melindungi kepentingan pengguna, di samping juga mengambil kira kepentingan syarikat. Syarikat pun ia kena hidup, ia kena ada keuntungan. Tetapi, tidak boleh keuntungan berlebihan. Jadi, tiga kepentingan. Yang pertamanya pengguna yang penting, yang keduanya kerajaan dan yang ketiganya syarikat. Ketiga-tiga kepentingan ini akan diberi perhatian, tetapi sudah pasti kepentingan kerajaan dan pengguna adalah amat penting. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru sekejap Yang Berhormat Menteri mengatakan kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kontrak-kontrak penswastan. Soalan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lalu, suara penyokong-penyokong kerajaan telah berpadu dengan pembangkang menyatakan tidak puas hati terhadap kenaikan tol Lebuh Raya Utara Selatan. Tidakkah hal-hal yang seumpama ini, suara-suara yang seumpama ini cukup kuat untuk menggerakkan kerajaan mengkaji semula kontrak-kontrak seumpama itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada peraturan, ada undang-undang. Kerajaan menghormati perjanjian. Kalau kita buat perjanjian nikah kahwin umpamanya, kita berjanji dengan isteri untuk berkahwin sampai bila-bila. Maka, kita harus menghormati perjanjian itu. Dalam undang-undang, kita kena menghormati perjanjian. Kita ada undang-undang dalam negara, maka kerajaan menghormati undang-undang dan peraturan.

Kalau kita sebuah kerajaan yang tidak menghormati undang-undang, maka kita akan menjadi *lawless society* dengan izin, tidak ada mahkamah. Jadi, oleh itulah saya katakan tadi, jika ada perjanjian syarat ataupun ada persetujuan antara kedua pihak, maka kerajaan akan mengkaji semula perjanjian. Dalam kes SPANCO umpamanya, ada persetujuan kita berunding. Dalam kes PLUS ini, masalah utamanya ialah kerana apabila kita membina lebuhraya, ia melibatkan kos yang tinggi. Lebuhraya Utara Selatan ini kosnya kira-kira RM7.236 juta, RM7.2 billion.

Untuk membelanjakan wang yang besar ini, ia kena pinjam. Pada masa kini jumlah pinjaman *out standing*, PLUS umpamanya ialah RM7.1 juta. Ada pinjaman dia kena bayar. Dia kena bayar kena *a cash flow* kena ada *incomesnya*, ada pendapatannya. Kerajaan membuat perjanjian dengan syarikat-syarikat lebuhraya termasuklah PLUS. Dalam perjanjian itu peruntukan tentang kenaikan takrif ataupun kadar tol. Kalau kerajaan tidak *owner* atau tidak menepati janji tersebut maka kita kena membayar pampasan. Dalam kes umpamanya PLUS ini kalau kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan kenaikan tol, kita telah bersetuju tahun 2002 dengan PLUS untuk menaikkan tol pada kadar rendah yang diminta lebih banyak lagi kita runding yang dipersetujui cuma 10% mulai 1.1.2005. Sekiranya kerajaan tidak bersetuju hendak menaikkan tol itu kita kena bayar RM154 juta. Jadi boleh kalau kita tidak hendak naikkan tol 10% tetapi kerajaan terpaksa ambil duit rakyat RM154 juta bagi kepada PLUS sebagai ganti rugi pampasan kerana apa kalau tidak dinaikkan tol maka dia tidak boleh bayar hutang. Ia akan rugi dan ini akan menimbulkan banyak masalah. Kita sudah berjanji, ada perjanjian, jadi kita *owner* kita tepati janji kita.

Dalam pada itu, kita ingin menekankan bahawa rakyat dan kerajaan harus menanggung sedikit beban dan dalam kes lebuhraya Utara-Selatan banyak faedah yang kita perolehi, masa perjalanan disingkatkan dan kita ada jalan alternatif memang pengguna ini kalau boleh *free* lagi bagus tetapi dalam dunia tidak ada yang *free* semuanya kena bayar. Itulah kita berharap rakyat akan memahami keadaan ini. Kita

ada perjanjian dan sekiranya jika kita tidak membenarkan syarikat menaikkan tol sepertimana yang telah kita janjikan pada 1.1.2005 kita terpaksa membayar RM154 juta kepada syarikat sebagai ganti rugi akibat daripada kekurangan kutipan tol.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebagaimana amalan biasa di Dewan Negara bagi menghormati kehadiran Menteri sendiri, saya tambahkan satu lagi soalan tambahan. Sila. Yang Berhormat Datuk Hajah Datuk Hajah Dayang Mahani.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita menswastakan sesuatu kemudahan, kebiasaannya tujuannya ialah untuk meringankan beban kerajaan. Saya ingin bertanya dari sudut penswastakan air umpamanya, di Sabah kita ada tiga *concessionaire* dan tiga *concessionaire* ini tidak payahlah saya sebut satu persatu, tetapi yang penting sebelum penswastakan itu dibuat kita ada badan-badan seperti Peguam Negeri ataupun Peguam Negara sebagai Badan Penasihat kepada kerajaan. Kalau kita nampak bahawasanya projek atau *agreement* itu sudah berat sebelah, kenapa diteruskan? Sebab dalam kes di Sabah umpamanya, ketiga-tiga kontrak ini hanya memberi kelulusan ataupun kontrak ini mengikat kepada *production* tidak pada *distribution* ataupun *billing* apatah lagi masalah lain. Minta penjelasan. Jadi soalan saya, dalam keadaan seperti ini apakah yang boleh dibuat oleh kerajaan untuk mengatasinya?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kerajaan Pusat telah pun memaklumkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Sabah khususnya berkaitan dengan penswastakan bekalan air dan saya dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa tidak semua isu-isu yang berbangkit pada hari ini dirujuk kepada Kerajaan Pusat sebelum projek-projek ini diswastakan. Pada hari ini kita dimaklumkan sepenuhnya tetapi semasa proses penswastakan tidak semua perkara dirujuk kepada kita. Tetapi sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kita harus menangani perkara ini dan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan saya sendiri telah pun berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah bagaimana hendak menangani masalah ini dan saya tidak mahu sebutlah hutang Kerajaan Negeri kepada syarikat-syarikat berkenaan, satu angka yang agak besar oleh kerana perjanjian penswastakan ini dilihat dengan ini *perceive to be unfair, I m not passing judgement* dengan izin dilihat sebagai kurang adil. Maka itu ada yang berpendapat bahawa syarikat-syarikat yang mendapat konsesi ini telah dibayar satu kadar yang agak tinggi.

Dengan itu mereka membuat keuntungan tetapi Kerajaan Negeri mengalami masalah oleh kerana kena bayar terlalu banyak. Jadi Kerajaan Pusat memang sedang memantau perkara ini dan telah pun mengadakan beberapa perundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk menyelesaikan masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini bermakna usaha-usaha telah diambil ke arah penyelesaian masalah ini.

**2. Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bilangan anggota polis yang ditambahkan pada setiap tahun dari tahun 2000 hingga 2004 mengikut unit operasi dan apakah rancangan kementerian tentang penambahan anggota polis dari tahun 2005 hingga 2010.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dikemukakan oleh Tuan Lee Sing Chooi mengenai dua bahagian iaitu bahagian pertama saya jawab seperti berikut. Setiap tahun Polis Diraja Malaysia menjalankan eksais pengambilan bagi mengisi kekosongan jawatan ekoran dari persaraan wajib atau pilihan sendiri, meninggal dunia, peletakan jawatan ditambah perkhidmatan atau pewujudan jawatan baru. Berikut adalah statistik pengambilan pegawai beruniform mengikut jawatan dari tahun 2000 hingga 2004.

<b>Jawatan Kadet ASP</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pengambilan</b>
1.	2000	40
2.	2001	30
3.	2002	30
4.	2003	50
5.	2004	50

<b>Jawatan Inspektor</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pengambilan</b>
1.	2000	216
2.	2001	220
3.	2002	301
4.	2003	378
5.	2004	500



<b>Jawatan Konstabel</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pengambilan</b>
1.	2000	4,142
2.	2001	1,116
3.	2002	2,855
4.	2003	4,500
5.	2004	4,294

<b>Jawatan Konstabel Tambahan</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pengambilan</b>
1.	2000	Tiada
2.	2001	419
3.	2002	468
4.	2003	90
5.	2004	233

<b>Nama Jawatan</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Keseluruhan Pengambilan Keempat-empat Jenis Jawatan</b>
1) Kadet ASP	2000	4,398
2) Inspektor	2001	1,785
3) Konstabel	2002	3,654
4) Konstabel	2003	5,018
Tambahan	2004	5,077

Semua calon yang dipilih akan dihantar menjalani latihan asas kepolisian selama 6 bulan sehingga setahun di pusat-pusat latihan polis. Setelah tamat latihan asas mereka akan ditempatkan di unit-unit operasi dan lain-lain unit atau cawangan di dalam PDRM yang merangkumi Jabatan Pengurusan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Jabatan Narkotik, Jabatan Siasatan Jenayah dan Cawangan Khas.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan ini, dari sudut perjawatan pihak Polis Diraja Malaysia telah membuat perancangan penambahan jawatan sejak tahun 1999. Ia berikutan daripada analisis modul struktur organisasi baru yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kegawatan ekonomi tahun 1997. Kerajaan baru ini merupakan penambahan perjawatan sebanyak 28,479 ataupun 28.3% dan telah dikemukakan kepada agensi pusat pada 11 November 2000. Permohonan ini dibuat berdasarkan kepada asas-asas seperti berikut:

- (i) penambahan penduduk persempadanan semula daerah polis atau awam;
- (ii) pertambahan kes-kes jenayah narkotik dan trafik;
- (iii) kes-kes baru seperti keganasan rumah tangga, keganasan kanak-kanak, ancaman sosial dan lain-lain;
- (iv) pendatang tanpa izin;
- (v) penstrukturan semula Jabatan Siasatan Jenayah bagi mewujudkan Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan.

Berikutan daripada permohonan pertambahan perjawatan ini pihak agensi Pusat telah membuat fasa-fasa di mana keutamaan diberikan kepada Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Jabatan Cawangan Khas dan Jabatan Narkotik. Manakala bagi Jabatan Pengurusan dan Logistik dimasukkan ke dalam sasaran kerja tahunan kedua pihak agensi Pusat iaitu tahun 2005. Sehingga kini penambahan perjawatan yang dipohon tahun 2000 diluluskan sebanyak 4,781 atau 20.3% sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang begitu *detail*. Soalan tambahan saya, bagaimana penambahan ini digunakan peningkatan perkhidmatan polis dan juga mengurangkan beban polis di setengah-setengah daerah dan apakah *effect* nya dengan penambahan ini? Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penambahan yang diluluskan oleh pihak agensi pusat digunakan untuk jabatan-jabatan yang penting seperti mana yang telah saya nyatakan tadi bagi Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan KDNK iaitu Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Jabatan Khas dan Jabatan Narkotik kerana jabatan-jabatan ini memerlukan anggota-anggota untuk melaksanakan tugas-tugas yang mencabar dan sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Jadi, dengan ada anggota-anggota yang diisi di jabatan-jabatan polis maka nisbah anggota polis berbanding dengan penduduk akan menurun. Terima kasih.

**3. Datin Paduka Jaya Partiban** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dan telah diambil oleh Kementerian ini untuk memastikan bahawa rakyat berbilang kaum di negara ini saling dapat memahami adat dan kebudayaan kaum lain.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di antara langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi memastikan rakyat berbilang kaum di negara ini dapat memahami kebudayaan lain ialah:

- (i) Memastikan penglibatan dan penyertaan pelbagai kaum dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kementerian seperti dalam program Penyemarakan Seni, Pemeliharaan Budaya, Pendidikan Seni, Pementasan, Seminar dan Bengkel.
- (ii) Penyediaan dan penyebaran maklumat-maklumat mengenai seni dan budaya pelbagai kaum melalui aktiviti-aktiviti seperti penerbitan, pameran interaksi, pertemuan-pertemuan dengan penggiat seni dan NGO. Selain itu juga diadakan pertukaran dan jalinan budaya antara kaum, wilayah dan negeri serta pengedaran bahan rujukan seni budaya ke perpustakaan sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi dan perpustakaan awam.
- (iii) Pemantapan aktiviti pemupukan seni dan budaya di peringkat tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah.
- (iv) Pelaksanaan rumah terbuka Malaysia di peringkat kebangsaan. Melalui program ini rakyat Malaysia di kalangan pelbagai kaum hadir menikmati persembahan kesenian daripada pelbagai kaum

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Adakah dicadangkan oleh kerajaan untuk menganjurkan satu program pada masa cuti sekolah misalnya di mana penuntut-penuntut sekolah menengah dapat duduk di rumah keluarga kaum lain untuk satu atau dua minggu supaya mereka mendapat lebih pengetahuan dan menerima kebudayaan orang lain?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam. Saya mengakui inilah satu cadangan yang baik. Kementerian saya akan meneliti cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat dan kalau program ini dianggap baik akan dijalankan oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

4. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk mentauliahkan PALAPES ke pangkat Kapten bagi mereka yang mempunyai kelayakan Ijazah dan Leftenan bagi pemegang Diploma lepasan Institusi Pengajian Tinggi Awam.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, terima kasih atas soalan ini. Soalan ini memaparkan dalam fahaman saya adakah PALAPES akan diberi pangkat iaitu pangkat Kapten ataupun Leftenan. Yang keduanya dalam fahaman saya ialah PALAPES ini kalau umpamanya kalau sudah habis waktu belajar dan kemudian menyertai dalam Angkatan Tentera adakah mereka akan diberikan pangkat. Kalau inilah yang terlibat.

Walau bagaimanapun, kita faham bahawa PALAPES adalah satu unit lebih kurang macam askar latihan yang ada di semua universiti (ada 12 universiti). PALAPES ini tidak ada di sekolah-sekolah. Kalau ada di Politeknik, itu adalah Unit Askar Wataniah daripada Kumpulan 500.

Bagi PALAPES yang telah menjadi PALAPES kemudian lulus di universiti ataupun PALAPES yang telah keluar dengan mendapat kelulusan Diploma, mereka ini tidak secara automatik akan diberi pangkat, tetapi mereka boleh mendapat pangkat apabila mereka telah terpilih ataupun dipilih menyertai kursus selama tiga bulan iaitu bagi mereka yang ada Ijazah ini, mereka akan diberi pangkat Leftenan dan Kapten.

Bagi pelajar-pelajar daripada sekolah ataupun universiti yang mahu menyertai Askar Wataniah ataupun askar biasa, mereka juga mesti mengikuti latihan selama tujuh bulan iaitu empat bulan lebih panjang daripada PALAPES untuk membolehkan mereka memakai pangkat yang berkenaan. Pada mereka yang mengikuti kursus dan latihan ini, keistimewaan yang terdapat kepada semua anggota dalam Angkatan Tentera akan didapati oleh PALAPES ketika mereka di dalam pusat latihan ataupun sewaktu mereka menjalani latihan yang berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Bagaimanakah sambutan penyertaan PALAPES untuk menyertai anggota ATM setakat ini?

**Dato' Zainal Abidin bin Zain:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, saya ingin maklumkan untuk ketika ini seperti saya sebutkan tadi, kita ada 12

pusat pengajian tinggi (IPTA), bukan pusat pengajian tinggi swasta (IPTS). IPTS kita tidak benarkan dan kita tidak *respond* kepada permintaan mereka.

Semua universiti yang telah diterima untuk mengadakan PALAPES berjumlah 2,874 orang dan kita percaya bahawa bukan sahaja PALAPES bahkan *graduates* atau lulusan daripada universiti-universiti tempatan kita terutama sekali apabila kita membuka peluang untuk mereka menyertai latihan ataupun penyertaan dalam Angkatan Tentera sebagai Pegawai Jangka Pendek dan Jangka Panjang, *response* mereka adalah amat baik.

Terima kasih.

**5. Datin Naomi Chong Set Mui** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi mengenal pasti jenis industri-industri yang bakal ditempatkan di Malaysia Timur dan boleh menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk memulakan suatu industri untuk Malaysia Timur dan hingga kini berapakah jumlah pelabur-pelabur asing yang membuat pelaburan di Sabah dan jumlah pelaburannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negeri-negeri di Koridor Pantai Timur termasuk Sabah dan Sarawak. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

- (i) menambah baik galakan cukai sedia ada dengan pemberian pengecualian cukai sehingga 100%,
- (ii) memberi pengecualian cukai kali kedua bagi syarikat wujud milik rakyat Malaysia yang membuat pelaburan semula dalam industri berasaskan sumber seperti kayu getah dan kelapa sawit,
- (iii) memberi pengecualian cukai bagi kali yang kedua kepada syarikat wujud yang menempatkan semula aktiviti pengilangan ke negeri-negeri di Koridor Pantai Timur dan menganjurkan misi penggalakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara pengeksport modal utama dengan penglibatan kerajaan negeri dan sektor swasta.

Dalam Pelan Induk Perindustrian Sabah, kerajaan telah mengenal pasti beberapa industri yang diberi keutamaan, antaranya termasuk:

- (i) industri berasaskan sumber seperti kelapa sawit, kayu dan produk kayu, koko, buah-buahan diproses dan sayur-sayuran dan ternakan dan produk tenusu,
- (ii) industri bukan berasaskan sumber seperti *electrical* dan elektronik, produk mineral bukan logam, jentera dan peralatan, pembinaan dan penyelenggaraan volt dan petrokimia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1995 hingga September 2004, sebanyak 271 projek telah diluluskan di Negeri Sabah dengan nilai pelaburan berjumlah RM11.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, 134 projek atau 49.4% melibatkan penyertaan pelabur asing dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.1 bilion.

Bilangan projek yang diluluskan yang melibatkan penyertaan asing tertumpu kepada industri kayu dan produk kayu dengan 62 projek dan pengilangan makanan sebanyak 27 projek.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada kelulusan-kelulusan yang telah diumumkan, berapa banyak sebenarnya yang telah dilaksanakan dan apakah lagi cara yang harus kita buat untuk menggalakkan pelabur datang ke Sabah kerana faktor pengangkutan (*transportation*) terlalu mahal? Terima kasih.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang kita terima daripada *Statistics Department* dan MIDA, hampir 90% projek-projek yang telah lulus dilaksanakan. Memang tidak ada apa-apa masalah. Lebih daripada 90%. Berkenaan dengan masalah pengangkutan, ini memang satu masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan di Sabah dan Sarawak dan keadaan ini sedang dimajukan. Masalah memang diambil berat oleh pihak kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**6. Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi menyatakan mengenai air paip yang dibekalkan oleh pihak bekalan air, adakah ianya selamat diminum oleh orang ramai sebelum dimasak atau dirawat.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon izin untuk memberi jawapan mengenai perkara ini secara serentak kepada

pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid pada hari ini dan Tuan Wan Nordin bin Che Murat pada 20 Disember 2004 yang mana pertanyaan tersebut adalah mengenai kualiti bekalan air.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita dimaklumkan bahawa kualiti air yang dihasilkan pada peringkat loji rawatan adalah memenuhi *National Standard For Drinking Water Quality Revise 2000*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun, kebocoran paip dikenal pasti sebagai punca utama pencemaran air bersih semasa ia dibekalkan pada pengguna domestik dan industri.

Oleh yang demikian, kementerian ini sentiasa menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa bagi memantau kualiti air yang dibekalkan kepada orang ramai bagi memastikan bekalan air bersih yang disalurkan adalah selamat untuk diminum. Pemantauan yang dijalankan adalah berpandukan kepada Piawai Kualiti Air Minuman Kebangsaan (PKAMK) yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan.

Dalam melaksanakan tanggungjawab, kementerian ini juga bekerjasama rapat dengan Pihak Berkuasa Air Negeri, Jabatan Kimia dan Jabatan Alam Sekitar. PKAMK juga mensyaratkan supaya Jabatan Kimia mengambil sampel air mentah dan air bersih dari lokasi yang telah ditentukan untuk diuji kandungan bahan cemar.

Selain PKAMK, pemantauan air minuman juga didasarkan kepada standard kebangsaan QAP (*Quality Assurance Plan*). Pelan ini telah digubal oleh Kementerian Kesihatan dan dilaksanakan sepanjang tahun 1993. Mengikut peraturan yang ditetapkan, setiap loji rawatan air diwajibkan untuk memastikan bahawa air yang dirawat adalah mematuhi piawaian kualiti air minuman sebelum diagihkan untuk kegunaan domestik dan industri.

Pada amnya adalah didapati kualiti air minuman yang dibekalkan di seluruh negara adalah selamat dan mencapai keperluan piawaian berkenaan. Namun demikian sebagai langkah berjaga-jaga adalah satu amalan yang baik sekiranya pengguna dapat memasak dahulu air sebelum diminum.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pertanyaan Tuan Wan Nordin bin Che Murat, pada masa kini permasalahan bekalan air terutamanya berkaitan dengan kualiti air memang kerap berlaku di kebanyakan kawasan di negara ini termasuk di Lembah

Klang. Antara punca utama kualiti air yang tidak memuaskan adalah sebagaimana yang dinyatakan tadi iaitu kekerapan berlakunya paip pecah dan kebocoran disebabkan paip-paip yang sedia ada dari jenis asbestos yang sudah lama dan usang di mana sudah melebihi 30 tahun.

Pihak kerajaan amat menyedari perkara ini dan sentiasa berusaha mengatasi masalah ini. Keutamaan adalah kerja-kerja untuk penukaran paip-paip yang bermasalah di seluruh kawasan di Lembah Klang. Untuk itu bagi tahun 2004 hingga 2005, Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan berjumlah RM150 juta untuk menukar paip-paip asbestos-simen yang usang dianggarkan sepanjang 400 kilometer.

Terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai pengguna bekalan air paip, kita sering diajukan oleh demonstrasi alat tapisan air yang menunjukkan walaupun sudah dirawat air itu tetapi masih lagi terdapat *impurities*, dengan izin, ataupun *contamination*. Saya hendak tanya apakah standard yang digunakan oleh *filter* air ini.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya nyatakan bahawa kualiti air yang dirawat di loji-loji adalah memenuhi piawaian yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan. Kita juga mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh *World Health Organization* (WHO) cuma sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi mutu air merosot ketika sampai kepada pengguna terutamanya kerana air yang dibekalkan ini melalui paip yang begitu panjang sebelum sampai kepada paip yang disambungkan ke kawasan perumahan dan kadang-kadang bukan sahaja paip utama ini yang mengalami masalah dari segi kekotoran tetapi paip yang menyambungkan daripada meter ke dalam rumah itu sendiri. Inilah perkara-perkara yang perlu ditangani, bukan sahaja paip utama perlu diperbaiki oleh pihak kerajaan tetapi sebagai pemilik rumah, kita juga bertanggungjawab melihat bagaimana keadaan paip yang menghubungkan daripada meter paip rumah kita kepada paip yang kita gunakan di dalam kawasan rumah kita kerana ini menyebabkan kelodak yang menghasilkan banyak chlorides sebagai yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang luar perlu dibersih, yang dalam juga perlu dibersih. Terima kasih.



7. **Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan oleh kerana keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Boonsom Boonyanit, adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan yang segera bagi membuat pindaan ke atas Kanun Tanah Negara (*National Land Code*) untuk mengatasi "lacuna" dalam sistem undang-undang negara bagi melindungi kedaulatan sistem perundangan tanah negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1995 (KTN) adalah mencukupi dan memadai, manakala semakan atau kajian semula terhadap KTN pada masa ini adalah tidak perlu memandangkan perkara ini bukanlah disebabkan oleh *loopholes* ataupun *lacuna* undang-undang tetapi disebabkan oleh banyak faktor-faktor yang lain.

Terdapat pelbagai jenis penipuan, antaranya penipuan borang-borang urusan niaga yang tidak boleh dipersoalkan kesahihannya oleh pentadbir tanah, penipuan penggunaan nama firma guaman, pemalsuan geran, pemalsuan carian rasmi, pemalsuan perintah mahkamah, pemalsuan tandatangan pemilik, pemalsuan kad pengenalan pemilik asal dan penerima pindahan, pemalsuan hak milik dan pemalsuan tandatangan pendaftar. Kesemuanya bukan berpunca dari wujudnya *lacuna* ataupun dengan izin, *loopholes* undang-undang, akan tetapi lebih menjurus kepada faktor manusia itu sendiri.

Bagi menangani kes-kes seperti ini berulang lagi, kerjasama dari pelbagai pihak adalah amat diperlukan terutamanya pihak-pihak yang terbabit secara langsung dan tidak langsung seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, mahkamah-mahkamah dan pihak berkuasa negeri. Sekiranya berlaku lagi kes seperti ini, siasatan yang menyeluruh oleh pihak berkuasa hendaklah dilakukan ke atas pemberi dan penerima hak milik, peguam yang membuat penyaksian, pejabat tanah atau pejabat tanah negeri yang berkaitan dan mana-mana pihak yang berkepentingan dalam kes di mana dirasakan perlu untuk mendapatkan kebenaran dan keadilan bagi semua pihak.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya akan menghuraikan secara lebih lanjut mengenai kes ini di dalam penggulungan kementerian ini nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawapan cukup jelas. Silakan Puan Siw Chun

8. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah bilangan siswazah yang menganggur sehingga kini (2004) dan apakah punca-punca yang menyebabkan masalah pengangguran ini timbul.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia hanya mempunyai maklumat mengenai siswazah menganggur yang berdaftar untuk mencari pekerjaan dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sahaja. Sehingga 27 November 2004, terdapat seramai 6,468 orang pendaftar siswazah aktif berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja.

Walau bagaimanapun, kadar pengangguran di kalangan graduan, diploma dan ijazah adalah meningkat daripada 17,650 orang dalam tahun 2000 kepada 31,898 orang sehingga Oktober 2004. Semalam dalam Dewan ini saya menyebut 14,000, bilangan itu adalah bagi golongan siswazah sahaja. Pada umumnya terdapat beberapa sebab yang membawa kepada peningkatan kadar pengangguran di kalangan siswazah iaitu:-

- (i) proses globalisasi dan perubahan teknologi yang semakin pantas menyebabkan berlaku perubahan yang drastik di pasaran pekerjaan. Untuk terus berdaya saing, majikan terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut selaras dengan perubahan dalam dunia perniagaan. Sebagai contoh, bidang ICT yang diperlukan oleh majikan lebih fokus berbanding kelulusan asas ICT yang dimiliki oleh siswazah;
- (ii) pertambahan bilangan siswazah yang dikeluarkan oleh IPTA dan IPTS setiap tahun tidak seiring dengan pertambahan dalam peluang-peluang pekerjaan baru yang wujud;
- (iii) kebanyakan calon siswazah yang berdaftar untuk mendapat pekerjaan adalah *fresh graduate* yang tidak mempunyai pengalaman kerja;
- (iv) wujud masalah ketidaksecocokan (*mismatch*) dari segi kelulusan dan kemahiran yang diperlukan oleh majikan industri disebabkan IPTA/IPTS tidak dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dalam jangka pendek;
- (v) terdapat juga majikan yang terlalu memilih untuk mendapatkan calon pekerja yang berpengalaman serta mempunyai

kemahiran-kemahiran khusus dan kriteria-kriteria tertentu seperti kebolehan menguasai bahasa Inggeris, kemahiran berkomunikasi iaitu perhubungan awam, kepimpinan ataupun keterampilan, kebolehan menyelesaikan masalah, kemahiran ICT dan sebagainya.

Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bolehkah pihak kementerian menyatakan jumlah pengangguran mengikut pecahan jantina dan bangsa? Apakah perancangan dan langkah-langkah efektif yang telah dan juga yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini? Adakah kerajaan bercadang dan menggalakkan supaya siswazah-siswazah yang menganggur ini menceburi dalam bidang perniagaan supaya mereka boleh berdikari dan bukan hanya mengharap dan menunggu peluang-peluang pekerjaan sahaja. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pecahan bilangan lelaki dan wanita, saya tidak mempunyai satu angka yang tepat di sini, itu boleh diberikan kemudian dan kepada soalan yang seterusnya, memang usaha-usaha sedang dijalankan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia bagi membolehkan siswazah-siswazah ini mendapat pekerjaan bukan sahaja dalam bidang ataupun disiplin pendidikan keilmuan yang dipelajari di universiti-universiti ataupun pusat-pusat pengajian tinggi, tetapi juga pelbagai bentuk pekerjaan diberikan kepada mereka.

Memang terdapat bidang disiplin ilmu yang dipelajari tetapi mengikuti pekerjaan yang tidak menjadi disiplin keilmuannya termasuklah bidang perniagaan dan juga bidang-bidang yang lain.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian Sumber Manusia selalu menyebut mengenai bidang-bidang kerja yang kritikal, apakah bidang-bidang pekerjaan berkenaan dan seterusnya bolehkah Yang Berhormat Datuk menyebut siapakah yang terlibat dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Yang dimaksudkan bidang-bidang yang 3D iaitu *dangerous* – bahaya, *difficult* – yang sukar, yang susah, dan *dirty* – yang kotor. Inilah bidang-bidang yang sering menjadi peminggiran ataupun disisihkan oleh orang-orang Malaysia ataupun rakyat Malaysia sendiri dan bidang-bidang ini antaranya:-

- (i) perladangan ataupun pertanian;
- (ii) pembinaan (*construction*);
- (iii) pembuatan (*manufacturing*); dan
- (iv) perkhidmatan (*services*).

Disebabkan rakyat Malaysia sentiasa meminggir konsep 3D ini, maka ianya kebanyakan secara majoritinya diambil alih oleh pekerja-pekerja asing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat lebih kurang 1.3 juta pekerja-pekerja asing yang dianggap kehadirannya sah. Pekerja asing ini menguasai hampir-hampir 80% daripada empat bidang yang saya sebutkan dan ini tergolong kepada pernyataan 3D tadi iaitu *dirty, dangerous and difficult*. Terima kasih.

**9. Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian menyedari bahawa beberapa spesifikasi "*air-cond duct*" dan "*gas piping*" yang dijumpai di dua hospital di Johor dan Alor Setar tidak memenuhi piawaian hingga menyebabkan serangan kulat berlaku. Jika sedar, mengapa pihak kementerian masih menerima bangunan tersebut daripada pihak kontraktor.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Sultan Ismail, Johor telah siap dan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 15 Mac 2004 yang lalu dan telah beroperasi sehinggalah kepada penemuan kulat baru-baru ini.

Bagi *air-cond duct* dan *gas piping* di Hospital Sultan Ismail, Johor ianya dibina mengikut spesifikasi dan memenuhi piawaian yang ditetapkan. Kedua-dua perkara tersebut tiada kaitan dengan penemuan kulat yang dimaksudkan. Hasil daripada siasatan yang dibuat oleh syarikat pakar iaitu *Germ Guard Technologist* dan juga pemerhatian pihak JKR sendiri, punca utama masalah kulat di Hospital Sultan Ismail adalah pencemaran dari kawasan pembinaan di luar hospital yang dibawa oleh udara.

Bagi Hospital Alor Setar, Kedah, kulat yang dijumpai adalah di bangunan Hospital Alor Setar lama di mana kerja selenggaraan adalah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan sendiri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Hospital Alor Setar baru yang berada di bawah seliaan JKR masih lagi di peringkat pembinaan dan JKR akan memastikan *air-cond duct* dan *gas piping* dibuat mengikut piawaian yang ditetapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri cukup jelas, tidak ada soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam.

**10. Dato' Dr. S. Vijayaratnam** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah perkembangan satu projek oleh Syarikat Perumahan Negara Bhd. untuk membangunkan rumah-rumah kos rendah di Limbungan Klebang, Melaka yang dilaporkan ditinggalkan (*abandoned*) sejak awal tahun ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan projek perumahan kos rendah di Limbungan Klebang, Melaka. Projek ini adalah di jalankan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di atas tapak tanah seluas 40 ekar dan dibina rumah sebanyak 790 unit rumah kos rendah yang akan dijual dengan harga RM42,000 hingga RM45,000 dan juga 59 buah rumah kedai yang dijual dengan harga RM192,000.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kronologinya pada 29 Oktober 2002, Tetuan Pertam Construction Sdn. Bhd. (PCSB) telah dilantik untuk membangunkan projek perumahan kos rendah di Limbungan Klebang, Melaka. Pada 12 November 2002, PCSB ataupun Tetuan Pertam Construction Sdn. Bhd. telah memasuki tapak projek dan pada 29 Mac 2004, SPNB telah menerima surat permohonan penarikan diri daripada PCSB dan pada 3 April 2004 Lembaga Pengarah SPNB telah menamatkan kontrak PCSB. Pada 2 Julai 2004 Lembaga Pengarah telah melantik Tetuan Asas Teraju Construction Sdn. Bhd. sebagai kontraktor baru untuk menyiapkan projek terbengkalai tersebut. Pada 12 Julai 2004, surat tawaran pelantikan kepada kontraktor terbaru telah dikeluarkan iaitu kepada Tetuan Asas Teraju Construction Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 26 November 2004, kontraktor Asas Teraju Construction Sdn. Bhd hanya dapat menyiapkan sebanyak 32.47% kerja pemulihan berbanding dengan anggaran SPNB sebanyak 40.69%. Kelewatan sebanyak 8.22% atau 30 hari adalah berpunca daripada kelewatan kontraktor memasuki tapak projek kerana lewat mengemukakan bon pelaksanaan kepada SPNB. Projek ini dijangka siap pada 25 Julai 2005.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat di atas jawapan yang begitu *detail* dengan kronologinya. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan SPNB. Adakah kerajaan membuat pemantauan di atas semua projek-projek Syarikat Perumahan Negara Bhd. dan adakah kerajaan berpuas hati dengan usaha-usaha syarikat tersebut.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat SPNB adalah di bawah Kementerian Kewangan, memang kerajaan memantau segala aktiviti dan segala projek yang dijalankan oleh SPNB ini. Sebagai *indication*, dengan izin, pada tahun ini telah berlaku perubahan dari segi pentadbiran. Pentadbiran yang lama ramai telah dengan sendiri meletak jawatan dan kerajaan telah melantik orang yang baru. Terima kasih.

11. **Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah kaedah dan langkah kementerian dalam memajukan sektor pertanian dalam merealisasikan petani moden dan adakah kementerian menyediakan pusat informasi yang lengkap, tunjuk ajar, insentif dan kemudahan perladangan bagi penternak-penternak lembu dan kambing memandangkan industri ini memberikan keuntungan yang banyak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam merealisasikan petani moden adalah melalui perubahan minda supaya tahap penerimaan teknologi pengurusan air dan penggunaan input ditingkatkan. Kemudahan-kemudahan perladangan seperti penggunaan padang-padang ragut Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah konsep taman kekal pengeluaran makanan disediakan juga oleh kerajaan.

Dalam usaha memastikan kenaikan taraf sosio ekonomi penternak pendekatan MOAE dilaksanakan bagi memperolehi kerjasama khidmat teknikal dari semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memberikan bantuan teknologi terbaru dan kaedah pemasaran terbaik kepada penternak-penternak lembu dan kambing. Pelbagai intensif pelaburan disediakan untuk industri ternakan seperti berikut :

- (i) insentif untuk pengeluaran bahan makanan yang diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1997;(ii) taraf perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- (ii) Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986; dan
- (iii) Elaun Pelaburan Semula di bawah Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967.

Insentif-insentif lain yang berbentuk fizikal juga disediakan seperti:

- (i) insentif untuk syarikat berteknologi tinggi penyelidikan dan pembangunan, manakala insentif-insentif bukan fizikal ditawarkan melalui bentuk geran, pinjaman, khidmat sokongan dan teknikal;
- (ii) dalam memperkukuhkan khidmat nasihat teknikal bagi memudahkan lagi penerapan teknologi terkini oleh para pengusaha pertanian yang merangkumi pengurusan ladang secara komersial untuk memperoleh kecekapan kos dan meningkatkan produktiviti serta menghasilkan produk-produk yang selamat dunia berkualiti; dan
- (iii) meningkatkan kemahiran petani melalui latihan bagi melahirkan usahawan-usahawan sektor pertanian yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memajukan industri ternakan kementerian telah mengambil beberapa langkah-langkah berikut:

- (i) menyediakan skim transformasi usahawan ternakan, skim itu dinamakan "*Turst*", bagi membolehkan penternak memulakan usaha mereka usaha menternak;
- (ii) menyediakan peruntukan dana khusus untuk pengeluaran makanan bagi membesarkan saiz usaha ternakan mereka ;
- (iii) menyediakan latihan khusus sebagai usahawan di Pusat Latihan Pertanian Negara; dan
- (iv) latihan teknikal di Institut Haiwan Kluang.

Sebuah pusat informasi dinamakan *business develepmnt centre* telah diwujudkan di kementerian ini sebagai *one stop centre* bagi membolehkan pelanggan kementerian memperolehi maklumat awal dalam aspek pertanian, perikanan dan penternakan dan juga buku-buku panduan menternak telah disediakan dan diedarkan melalui semua pejabat-pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk soalan tambahan. Mohon izin ialah satu soalan yang panjang sedikit. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat, ini ialah mengenai penternakan lembu dan kambing. .

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat berhasrat untuk menambah berkali ganda produksi lembu dan kambing untuk kegunaan rakyat tempatan. Tanpa tanah keluasan yang besar kita tidak dapat menternak banyak lembu ataupun kambing dengan cara komersial. Soal tanah ialah soal kerajaan negeri, manakala hasrat ialah hasrat Kerajaan Pusat, susah hendak dapat tanah dari kerajaan negeri. Ini adalah jemput tetamu untuk jamuan makan dengan mangkuk yang kosong dan suruh tetamu makanlah, makanlah, macam mana hendak makan, tanpa benda makan. Nampaknya ini ialah jemputan Kerajaan Pusat. juga

Jadi bolehkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberitahu cara macam mana masalah ini dapat di atasi. Sekiranya ianya tidak di atasi ini adalah hanya satu *empty* slogan, dengan izin, dan rancangan kerajaan ini dari pandangan saya tidak akan berjaya. Apakah pandangan, cadangan dan nasihat kementerian dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk memperolehi tanah kepada yang berminat ternak lembu dan kambing dengan cara komersial. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua :** Banyak soalan dalam soalan tambahan, tetapi soalan yang panjang tidak semestinya mendapat jawapan yang panjang, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ya, terima kasih. Terima kasih kepada yang Senator Datuk Ratnam, memang saya tahu ini keluhan tiap-tiap kali sesi Parlimen daripada Yang Berhormat Datuk Ratnam dan saya rasalah Yang Berhormat Datuk, keluhan ini sampai jugalah ke telinga-telinga mereka yang sepatutnya mendengar keluhan Yang Berhormat ini. Untuk makluman Yang Berhormat memang kita sedar apa keluhan yang disebut oleh Yang Berhormat dan kita juga memang mengambil beratlah tentang ini, sebab ini adalah satu masalah yang kita cuba atasi bersama, iaitu masalah tanah adalah daripada kerajaan negeri dan memanglah kita telah mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk kita bangunkan sebagai menambahkan kepada pembangunan pertanian di seluruh negara dan ini kita telah mengadakan beberapa perbincangan bersama dengan kerajaan negeri iaitu melalui satu program kita dinamakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan sebenarnya beberapa MOU telah ditandatangani tetapi malangnya tanah-tanah itu belum digezetkan lagi.



Jadi, kami macam Yang Berhormat juga memanglah kami merasakan untuk kami berjaya di dalam membangunkan pertanian khasnya sekarang ini dinamakan *the third engine of growth*, jadi kita juga insya-Allah memohon jasa baik kerajaan negeri supaya dapat mempercepatkanlah tanah-tanah yang dipohon dan dikenal pasti dan semalam di dalam *post* kabinet kita telah berbincang dan insya-Allah Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sendiri akan membawa sekali lagi ke kabinet masalah ini dan juga membawakan perkara ini di dalam mesyuarat di antara menteri-menteri besar dan ketua menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya juga turut simpati di atas keluhan Yang Berhormat Datuk Ratnam, tadi.

12. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kenapakah dibiarkan trend kewujudan pusat-pusat hiburan seperti pub dan pusat karaoke di taman-taman perumahan yang padat penduduk. Ada yang beroperasi melebihi had waktu yang dibenarkan. Kenapa tidak ada tindakan tegas oleh pihak penguat kuasa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa sekiranya pengusaha atau operator hendak menjalankan sebarang aktiviti hiburan maka lesen hiburan perlu diperolehi daripada pihak Penguasa Tempatan (PPT) ataupun Pejabat Daerah yang berkenaan selaku pihak atau pegawai Pelesen.

Ini termasuklah pub dan pusat karaoke. Tidak ada sebarang aktiviti hiburan dibenarkan tanpa sebarang lesen dan tindakan boleh diambil ke atas mana-mana premis hiburan yang beroperasi tanpa lesen. Aspek kesesuaian lokasi sentiasa diberi perhatian oleh pihak penguasa tempatan (PPT) dalam meluluskan aktiviti hiburan. Ia bagi memastikan aktiviti pusat hiburan tidak menimbulkan sebarang masalah kacau, ganggu kepada penduduk sekitarnya. Oleh itu, aktiviti hiburan di kawasan taman-taman perumahan adalah tidak digalakkan kerana lazimnya ia hanya diadakan di kawasan pusat bandar dan pusat hiburan yang telah ditetapkan. Kementerian juga dari masa ke semasa sentiasa mengekalkan semua kerajaan negeri dan juga aktiviti agar mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas serta mengetatkan lagi syarat-syarat pengeluaran lesen hiburan. Sekian.

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kementerian sedar sebenarnya bahawa banyak kawasan rumah-rumah kedai yang dikelilingi oleh taman-taman perumahan terutamanya di Johor Bahru masih mengendalikan aktiviti-aktiviti pusat hiburan terutamanya karaoke. Terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sentiasa memberi arahan kepada PBT untuk memberi perhatian tentang tempat-tempat yang operasi pusat hiburan tanpa lesen atau tempat berlesen, tetapi menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekelilingnya. Jadi untuk mereka meningkatkan kemudahan seperti contohnya *sound proving*, dengan izin, kami akan sentiasa memberi perhatian, sekian.

**[Soalan No. 13 – Y.B. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (tidak hadir)]**

14. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) bagaimanakah usaha kerajaan untuk bertindak segera mengharamkan penggunaan tayar celup yang tidak mencapai piawaian antarabangsa tetapi bebas dijual di pasaran tempatan; dan
- (b) berapa banyakkah kemalangan yang berlaku berpunca daripada penggunaan tayar celup sepanjang tahun 2003 dan 2004 ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menguatkuasakan secara mandatori standard kualiti kepada tayar tempatan dan import. Pengeluaran, pengedaran dan penggunaan yang tidak menepati kepada standard akan menjadi satu kesalahan dan boleh didakwa dan didenda.

Untuk menjawab bahagian dua, jumlah sebenar kemalangan yang berlaku berpunca daripada penggunaan tayar celup sepanjang tahun 2003 dan 2004 tidak dapat lagi kita tentukan pada masa sekarang. Sekian terima kasih.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan sahaja penggunaan tayar celup ini dan menukar kadar harga tayar baru sebagai pengganti. Sekian terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian mendengar juga pandangan-pandangan daripada pengeluar dan juga pihak pengguna supaya kita dapat cari satu penyelesaian tentang isu tayar celup ini.

Buat masa sekarang perbincangan sedang dijalankan dan kita juga mendengar pandangan dari kementerian yang lain supaya industri tayar, termasuk tayar celup ini kita dapat satu cara untuk mengawal, kalau didapati bahawa tayar celup ini tidak patut digunakan, kementerian akan membatalkan lesen untuk mengeluarkan tayar celup ini. Sekian terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Untuk mengurangkan kemalangan jalan raya, kita tahu tayar celup ini membahayakan pemandu-pemandu, jadi apakah tidak boleh kementerian terus mengharamkan penggunaan tayar celup ini? Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Baik, terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang salah satu fakta untuk menjadikan kemalangan, tayar celup ini adalah salah satu faktornya, tetapi pada keseluruhannya, punca kemalangan ini bukan semata-mata kerana tayar celup ini. Saya difahamkan bahawa tayar celup ini kebiasaannya digunakan bukan di jalan raya, kebiasaan di ladang-ladang ataupun estet-estet dan sebagainya.

Walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat kita ambil kira dan kita pastikan supaya masalah tayar celup ini dapat kita selesaikan dalam masa yang pendek ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[15 Disember 2004]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini pihak kerajaan akan menjawab dan menggulung ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini. Untuk mendahului jawapan ini saya minta Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

**11.15 pagi.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2005 dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff mengesyorkan supaya kerajaan mengurangkan jurang kemiskinan antara Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Saya harap Yang Berhormat pun tanya juga Kerajaan PAS di Kelantan suruh buat sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan dasar pembangunan negara yang dilancarkan sejak tahun 1991, perancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan telah menjurus kepada mewujudkan keseimbangan antara negeri, antara bandar dan luar bandar serta antara kaum.

Sehubungan ini kerajaan telah mengambil langkah untuk merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi di antara negeri-negeri. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan peruntukan pembangunan kepada negeri-negeri kurang maju telah meningkat berbanding dengan tempoh sebelumnya. Misalnya peruntukan bagi negeri Kelantan, ini penting, Yang Berhormat ya. Catat, ya. Ia telah meningkat daripada

RM2,036.5 juta, bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh kepada RM3.778.2 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi, tidak ada diskriminasi, walaupun PAS memerintah di sana, kita tetap bertanggungjawab untuk membantu soal menghapuskan kemiskinan dan soal pembangunan di negeri Kelantan, sebab itu kita naikkan peruntukannya daripada satu Rancangan Malaysia ke satu Rancangan Malaysia.

Bagi negeri Terengganu pula, ia telah meningkat dari RM2,558.7 juta kepada RM4,261 juta bagi tempoh yang sama. Antara projek yang dilaksanakan ialah meningkatkan taraf infrastruktur yang diharapkan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri berkenaan. Misalnya, projek fasa 2 Lebuhraya Pantai Timur dan menaikkan taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu. Lebuhraya Pantai Timur ini, kita hanya dapat lakukan setakat Pahang sahaja sebab Kerajaan PAS di Terengganu tidak bekerjasama untuk membina lebuhraya ini, jadi kalau disabitkan kerana itu kurang bukan salah Kerajaan Pusat, tetapi kerana Kerajaan PAS Terengganu pada ketika itu tidak mahu memberi kerjasama. Dia tidak hendak projek ini, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang sudah tukar kerajaan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, sekarang alhamdulillah, alhamdulillah, rakyat pun faham, rakyat sudah pilih Barisan Nasional. Alhamdulillah, insya-Allah boleh kita laksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat pun dari Terengganu kan, memang menunggu itu. Selain itu pelaksanaan program dan projek pembangunan sosioekonomi akan diteruskan. Misalnya usaha pembasmian kemiskinan melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) akan terus ditumpukan kepada projek-projek yang boleh menjana pendapatan dan usaha memupuk nilai positif termasuk membina harga diri dan sifat berdikari di kalangan golongan termiskin.

Antara projek-projek yang boleh menjana pendapatan adalah perniagaan kecil, industri desa, ternakan, akuakultur dan pengeluaran tanaman makanan secara komersial. Usaha-usaha merapatkan lagi jurang di antara negeri-negeri akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2006. Usaha-usaha pembasmian kemiskinan akan diberi penekanan di

negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi termasuk negeri-negeri di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, isu kenaikan harga petroleum di pasaran antarabangsa telah menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Sesungguhnya kerajaan memandang berat kenaikan harga petroleum di pasaran antarabangsa. Langkah-langkah sewajarnya sedang diambil untuk mengurangkan kebergantungan kepada produk petroleum dan membangunkan sumber tenaga alternatif. Sehubungan ini kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengkaji impak kenaikan harga produk petroleum ke atas ekonomi negara serta mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Meningkatkan penggunaan gas asli, *natural gas for vehicles* (NGV) oleh pengangkutan awam.
- (ii) Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, *renewable energy* dengan izin, seperti tenaga suria dan biomass.
- (iii) Menggunakan minyak kelapa sawit sebagai bio 'fuel'.
- (iv) Menggalakkan konsep *low energy office*
- (v) Membendung kegiatan mengambil keuntungan berlebihan.

Di samping itu kerajaan amat memerlukan kerjasama rakyat supaya mengamalkan perbelanjaan berhemah untuk mengawal inflasi akibat peningkatan harga minyak. Menggunakan bahan tenaga secara cekap dan berjimat, *energy efficiency* dengan izin serta perlunya sektor swasta menggunakan tenaga secara lebih *efficient*. Selain itu, usaha-usaha mendidik rakyat telah juga dilaksanakan di mana sejumlah 50,000 naskhah buku kecil bertajuk *Harga Minyak - Peranan Kerajaan dan Rakyat* telah diterbitkan.

Sebanyak 20,000 naskhah telah diedarkan di pondok-pondok tol di seluruh negara pada 13 dan 15 November 2004, iaitu sehari sebelum dan sehari selepas Hari Raya Aidilfitri manakala 28,000 naskhah telah diedarkan melalui Jabatan Penerangan di seluruh negara. Antara lain buku kecil ini menjelaskan mengenai:

- (i) sebab-sebab harga minyak dunia meningkat,
- (ii) perbandingan peningkatan harga minyak di negara ini dan negara-negara lain,

- (iii) sebab-sebab harga minyak di negara ini perlu dinaikkan,
- (iv) perbezaan harga minyak di Negara-negara ASEAN,
- (v) harga minyak jika tiada subsidi kerajaan,
- (vi) jumlah subsidi yang ditanggung kerajaan,
- (vii) sebab-sebab Petronas tidak wajar menampung keseluruhan subsidi produk petroleum,
- (viii) komitmen kerajaan dalam menangani kenaikan harga minyak dan yang ke sembilan kerjasama yang diperlukan daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek supaya kajian kemiskinan dijalankan terhadap orang Hulu yang terjejas akibat pelaksanaan projek hidroelektrik Bakun, adalah dimaklumkan bahawa kajian kemiskinan yang melibatkan penduduk-penduduk yang terjejas akibat pembangunan empangan Bakun adalah merupakan kajian setempat yang lazimnya dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri berkenaan. Kajian kemiskinan yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri lebih bersifat makro atau menyeluruh.

Oleh yang demikian, kajian kemiskinan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat adalah wajar dirujuk kepada pihak Kerajaan Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 1994, kajian sosioekonomi ke atas penduduk-penduduk yang terjejas, dengan pembinaan Empangan Bakun telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak. Berikutan kajian tersebut, skim penempatan semula penduduk-penduduk terbabit di Sungai Asap telah dilaksanakan oleh dengan izin *Land Custody and Development Authority* Sarawak pada tahun 1997.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng memandang berat proses dan prosedur kerja baru dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang boleh membukakan ruang kepada amalan rasuah.

Sesungguhnya kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat iaitu menyediakan perkhidmatan yang lebih mudah, cepat telus dan boleh dipercayai. Usaha ini dibuat dengan mengkaji semula dan menambah baik prosedur kerja yang merangkumi langkah-langkah ..... dan memendekkan proses kerja. Mengkaji semula kriteria bagi memberi kelulusan, menurunkan kuasa dan proses

pemberian kelulusan, memperkemas dan mengurangkan penggunaan borang-borang serta memperkenalkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Tindakan-tindakan ini bertujuan menutup peluang-peluang penyelewengan dan rasuah di kalangan anggota-anggota perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, peluang bagi anggota-anggota perkhidmatan awam untuk mengamalkan rasuah akan dapat dibendung. Kerajaan juga akan memastikan latihan secukupnya diberi kepada pegawai-pegawai awam supaya mereka dapat menjalankan tugas baru dengan lebih cekap dan berkesan. Sehubungan ini pendekatan *disclosure-based regulations* dengan izin telah mula dilaksanakan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saranan yang Dato' Dr.S. Vijayaratnam supaya penguatkuasaan rasuah di sektor swasta dipertingkatkan amat dihargai. Kerajaan sentiasa memandang serius terhadap rasuah.

Oleh itu pada awal tahun 2004, Badan Pencegah Rasuah telah membuat penstrukturan semula organisasi di mana tiga cawangan siasatan telah ditubuhkan. Cawangan-cawangan ini telah bertanggungjawab menjalankan siasatan dan pemantauan ke atas operasi syarikat-syarikat swasta. Penambahan anggota sedang dilakukan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi meningkatkan kemahiran, pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah dilatih dalam bidang-bidang seperti *forensic accounting*, *forensic engineering*, dan *forensic computer* sebagai persediaan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan pencegah rasuah di sektor swasta.

Badan Pencegah Rasuah dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah dan sedang melaksanakan pakej latihan modul pengurusan integriti di mana *good corporate governance* juga ditekankan dalam pakej ini dan latihan ini ditumpukan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat.

Di samping itu masyarakat juga turut didedahkan kepada *good corporate governance* melalui program-program penerangan yang dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah. Pada masa ini ada tajuk khusus berhubung perkara tersebut, tetapi ia sentiasa diterangkan dalam ceramah-ceramah, taklimat-taklimat dan pameran-pameran. Cadangan ini akan diberikan perhatian serius dalam merangka modul dan aktiviti penerangan yang akan dianjurkan pada masa hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri, mengenai hutang kerajaan-kerajaan negeri, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat milik kerajaan ataupun GLC dan syarikat-



syarikat bukan GLC dengan kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Adalah ditegaskan bahawa Perbendaharaan Malaysia sentiasa memantau prestasi bayaran balik pinjaman yang telah dikeluarkannya.

Bagi mengurangkan amaun tunggakan bayaran balik Perbendaharaan telah mengambil beberapa langkah seperti menjadualkan semula pinjaman, offset tunggakan dengan premium tanah, menukarkan pinjaman kepada geran ekuiti dan mengurangkan tunggakan melalui potongan daripada geran tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Siti Zailah Mohd Yusoff mempersoalkan mengenai sebahagian besar projek kerajaan akan dinaikkan papan tanda besar yang bertulis 'Satu Lagi Projek Oleh Kerajaan Barisan Nasional'. Adalah dimaklumkan bahawa tujuan kerajaan untuk mengadakan papan tanda tersebut ialah untuk memberitahu orang ramai bahawa pembiayaan projek berkenaan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat dan untuk membezakan dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak swasta atau pihak-pihak lain.

Kita juga terpaksa berbuat demikian kerana di dalam ceramah-ceramah politik, kadangkala penceramah-penceramah daripada parti PAS menyatakan iaitu bahawa tidak ada projek daripada Kerajaan Pusat yang dihantar ke negeri Kelantan kerana negeri Kelantan diperintah oleh PAS. Jadi untuk mengatasi masalah ini kita terpaksa mengadakan papan tanda ini untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa tidak benar apa yang didakwa oleh pihak PAS kerana kita memang menghantar projek-projek daripada Kerajaan Pusat ke negeri Kelantan tanpa mengira siapa yang memerintah.

Keduanya ialah untuk mengatasi masalah di mana kalau kita mengadakan projek penceramah-penceramah juga mengatakan bahawa projek itu datang daripada kerajaan negeri. Jadi sekali lagi rakyat terkeliru. Maka oleh kerana itulah kita mengadakan papan tanda ini untuk menunjukkan bahawa projek itu bukan projek kerajaan negeri tetapi projek Kerajaan Pusat. Jadi sebenarnya perkara ini tidak berbangkit kalau sekiranya tidak berlaku perkara sedemikian yang telah saya sebut sebentar tadi. Sebab itulah saya berharap supaya Yang Berhormat Puan Siti Zailah supaya meminta kepada pemimpin-pemimpin mereka sewaktu berceramah janganlah tipu tentang perkara-perkara seperti ini.

Sebab itu soalan ini bagus juga dibangkitkan supaya kita dapat memberi penjelasan mengapa kita berbuat demikian. Kita tidak berhasrat untuk menjadikan itu sebagai satu perkara untuk merasuah rakyat kerana saya percaya bahawa orang yang

mengatakan rakyat boleh dirasuah, mereka mengingatkan bahawa rakyat itu rendah pemikiran mereka di mana pengundi boleh dirasuah untuk bagi undi pada kita. Itu tidak betul, ya. Rakyat memahami siapa yang boleh perintah dan kita tidak pernah menggunakan projek-projek untuk mendapat undi daripada rakyat. Cuma apa yang kita lakukan ialah itu tanggungjawab kita. Apabila kita diberi mandat untuk menubuhkan kerajaan kita pastikan bahawa kita mesti mendatangkan pembangunan kepada rakyat di Kelantan walaupun kita tidak dipilih menjadi kerajaan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad membangkitkan mengenai ketidakseimbangan emolumen di antara Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan Ketua Hakim Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, memang terdapat perbezaan antara gaji Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat dengan Yang Arif Ketua Hakim Negara. Perbezaan gaji ini adalah kerana tugas serta tanggungjawab jawatan-jawatan tersebut agak berbeza. Jadi sebab itu ia ada perbezaan dari segi gaji. Sebagai contoh, di Parlimen kuasa perundangan yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, bukan Speaker ataupun Presiden; manakala dalam kehakiman ia diketuai oleh Yang Arif Ketua Hakim Negara. Itu sebab ada perbezaan dari segi tanggungjawab.

Macam di Dewan Rakyat, yang sebenarnya ketua kita adalah Yang di-Pertuan Agong; di mahkamah, ketuanya ialah hakim. Dari segi kedudukan dalam institusi perundangan, Yang di-Pertuan Agong adalah ketua badan perundangan, iaitu Parlimen, sedangkan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah hanya menjadi pengerusi urusan dalam dua komponen yang lain badan itu. Bagaimana pun, dalam institusi kehakiman, Yang Amat Arif merupakan ketua bagi badan kehakiman, iaitu dengan segala kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan undang-undang lain.

Antara hak yang ada pada Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara di bawah Perlembagaan Persekutuan tentang badan kehakiman termasuklah hak untuk dirunding di dalam pelbagai perkara yang melibatkan badan kehakiman. Contohnya, di dalam pelantikan Yang Arif Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Fungsi Ketua Hakim juga tidak hanya terbatas kepada badan kehakiman sahaja. Beliau juga diberi kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan iaitu di bawah Perkara 87(2) untuk melantik Pengerusi Tribunal Tanah yang menentukan

pertikaian nilai tanah antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri. Yang Arif Ketua Hakim Negara juga menjadi orang yang di hadapannya Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, mesti mengangkat sumpah jawatan sebelum Baginda menjalankan fungsi Baginda.

Jadi, kita tengok banyaklah tanggungjawab Yang Arif Ketua Hakim Negara yang menyebabkan, mungkin disebabkan perbezaan tanggungjawab, mungkin tanggungjawab yang lebih yang menyebabkan gaji mereka lebih sedikit daripada gaji Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf. Ini ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak perlu minta maaf.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okay, tidak perlu minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara peribadi saya tidak begitu ...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab saya perlu menghormati, sebab Tuan Yang di-Pertua boleh suruh saya berhenti berucap pula sebentar nanti.

Jadi selain daripada itu, ada juga soalan daripada Puan Hajah Sharifah Azizah bte Dato' Syed Zain. Beliau mencadangkan supaya soalan-soalan lisan yang tidak sempat dijawab diberikan jawapan bertulis kepada semua Ahli Dewan. Ini satu cadangan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap pertanyaan lisan yang tersenarai di dalam Aturan Urusan Mesyuarat sememangnya diberi jawapan bertulis oleh pihak kementerian pada hari yang berkenaan. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh meminta sesalinan jawapan bagi mana-mana pertanyaan yang tersenarai pada hari yang berkenaan daripada pihak Parlimen. Sebagai contoh, kalau macam hari ini ada .... [*Meneliti kertas Aturan Urusan Mesyuarat*] semuanya 42 soalan, sebenarnya memang sudah ada jawapan bagi 42 soalan ini. Walaupun soalan tidak naik di dalam *Chambers* tetapi jawapan telah pun disediakan oleh pihak kerajaan dan Yang Berhormat boleh minta daripada mereka. Jawapan memang ada walaupun tidak naik soalan di dalam *Chambers* ini.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, ya, Puan Siti Zailah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siti Zailah.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Parlimen ini, apakah pihak kerajaan ataupun pihak Parlimen boleh

memberi penjelasan kenapa *Hansard* laporan Parlimen kita tidak dibentangkan di Dewan Negara. Contohnya, apa yang dijawab oleh Menteri ataupun apa yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi kita hendak rujuk balik tidak ada. Kami memang susah untuk mendapat jawapan sebab tidak ada dibentangkan di dalam Dewan. Mungkin perlu ditambah staf dari segi penulisan dan sebagainya.

Satu lagi, jawapan yang diberi oleh Menteri-Menteri secara lisan ada soalan-soalan tambahan yang dijanjikan kepada kami untuk diberi jawapan kemudian, tapi sampai hari ini pun kami tidak menerima sebarang jawapan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, *Hansard* semestinya kalau mengikut amalan, kalau persidangan hari ini, besok semestinya sudah ada. Memang itu amalan tetapi masalahnya ialah bukan soal kita tidak menambahkan kakitangan tetapi sebenarnya, Yang Berhormat, tidak ada orang yang berminat untuk membuat kerja ini. Ini bukan kerja senang, ya. Kita telah menghadapi masalah ini bukan setahun tetapi kalau tidak silap saya, dalam ingatan saya sudah hampir lima, enam tahun dan kita mengiklankan tentang mereka yang boleh memohon kerja ini tetapi tidak ada. Kerjanya bukan senang dan tidak ada orang yang berminat untuk memohon kerja ini. Inilah merupakan masalah kita yang mana kita kurang kakitangan.

Sebab itulah kita lihat di Dewan Rakyat pun kalau bersidang hari Isnin, *Hansard* tidak keluar pada hari Selasa tetapi kadang-kadang keluar hari Rabu, yang hari Isnin punya. Walau bagaimanapun, kita tidak akan berdiam diri dan kita akan terus mendapatkan mereka yang berminat untuk bekerja. Kadangkala Yang Berhormat, kita terpaksa ambil staf yang lain yang tidak bekerja untuk menjadi pencatat untuk membantu kita kerja kurang staf, bukan kerana tidak ada jawatan lebih tetapi kerana tidak ada orang yang berminat untuk bekerja seperti ini.

Kemudian Yang Berhormat bertanya juga mengenai dengan janji, saya hendak memperingatkan kepada kementerian-kementerian, sememangnya kalau kita telah berjanji untuk menjawab secara bertulis kepada soalan tambahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, dia mesti ditunaikan. Saya harap Yang Berhormat juga akan memainkan peranan untuk memperingatkan kepada mereka bahawa mereka telah berjanji di dalam Dewan. Selaku Menteri yang menjaga Dewan Rakyat dan juga Dewan Senat, saya tidak mahu sewenang-wenangnya mana-mana wakil kerajaan tidak menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan

menyatakan bahawa “Saya akan jawab secara bertulis”. Kalau dijawab secara bertulis, mesti esok harinya. Kalau hari ini kita bercakap, esok harinya kita kena beri.

Saya akan memastikan bahawa setiap kementerian akan memberi jawapan secara bertulis kalau telah pun dijanjikan oleh wakil mereka dan saya berharap supaya Yang Berhormat akan memainkan peranan untuk memperingatkan mereka. Jangan lepaskan mereka daripada kita dilupai dan seterusnya tidak menjawab.

Ya, Senator Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah jawapan-jawapan yang diberi untuk soalan-soalan yang tidak naik semasa sesi soal-jawab diletakkan di *website*, laman *web* Parlimen supaya maklumat-maklumat itu boleh dirujuk? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Insya-Allah, saya rasa perkara ini boleh dilaksanakan dan memang sepatutnya dilaksanakan kerana kita sudah pun mempunyai jawapan sebenarnya daripada kementerian. Saya rasa biarlah berbaloi apa yang wakil kerajaan sudah buat, masuk dalam *website* dan ia boleh diambil. Jadi saya akan beri tahu kepada pihak Setiausaha kedua-dua Dewan untuk berbuat demikian.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang akhir sekali ada satu ....  
Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kalau boleh semua jawapan yang telah diberikan, misalnya sekarang ini saya lihat kalau soalan saya, jawapannya kepada saya sahaja. Tidak bolehkah diedarkan kepada semua Ahli Dewan. Katalah 90 orang Ahli Dewan bermakna kementerian yang menjawab itu menyediakan 90 helai jawapan itu dan diedarkan kepada kami semua kerana kadang-kadang jawapan itu kita lihat ada persamaan dan sekurang-kurangnya itu akan memberikan pengetahuan kepada Ahli-ahli Dewan yang ada ini supaya pada masa yang akan datang, mereka tidak akan membangkitkan lagi masalah yang sama, kemudian diberi jawapan, bangkit lagi masalah yang sama. Bolehkah perkara yang seperti ini dilakukan oleh pihak Dewan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dipaparkan dalam *web site*, itu sudah merupakan edaran. Adakah Yang Berhormat meminta supaya tambahan daripada dimasukkan ke dalam *web site* diedarkan pula kepada Ahli-ahli yang lain, naskhah bercetaknya?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon cara yang paling mudah sahaja supaya bila siap, edar sahaja. Seperti jawapan hari ini saya terima, misalnya satu atau dua jawapan dan jawapan kepada soalan saya itu diedarkan kepada yang lain supaya yang lain tahu. Sebenarnya sekarang ini jawapan ke atas soalan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Jadi, itulah saya minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila masuk ke *web site*...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Walaupun *web site* ini kadang-kadang kita hendak cari itu pun satu hal....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, itunya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** ...itu yang lambat. Jadi yang ini cepat saya rasa. Boleh cepat maklumat itu sampai kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih. Kalau bolehlah, kalau boleh, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau seperti mana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, kalau hendak kira mudah, *web site*lah senang kerana bukan semua yang berminat untuk mempunyai jawapan itu. Kita percaya kita adalah Senator, saya rasa kita tidak perlu di"*spoon fed*". Kita perlu bekerja, kalau kita minat, kita rujuk kepada *web site*. Kalau tidak, tidak perlu bagi kerana itu juga menyediakan jawapan ini kepada setiap Ahli Dewan Negara, kerja yang agak berat juga sebab kita terpaksa *print* dan kita terpaksa edar. Lebih baik letak dalam *web site* dan siapa hendak, rujuk kepada *web site*. Itu yang paling mudah, Yang Berhormat ya.

Akhir sekali, Datuk Yaakob, beliau membangkitkan isu kekosongan jawatan sebanyak 250,000 yang belum diisi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam diminta menyatakan kementerian serta di dalam kategori jawatan manakah kekosongan itu berlaku. Minta maaf, tulisan ini kecil sangat, saya tidak berapa nampak.

Jawapannya ialah SPA tidak pernah menerima permohonan pengisian jawatan sebanyak 250,000. Jumlah calon lantikan yang dibuat oleh SPA bagi tiga tahun adalah seperti berikut.

Tahun	Jumlah Yang Dilantik
2002	12,423
2003	12,509

2004 (sehingga 15 Disember)	13,944
<b>Jumlah</b>	<b>37,976</b>

Jadi, tidak adalah jawatan yang 250,000 seperti yang telah didakwa oleh Yang Berhormat Senator. Kemudian, oleh itu jumlah kekosongan sebanyak 250,000 seperti yang dibangkit adalah di luar pengetahuan SPA. Urusan perlantikan yang dibuat oleh SPA adalah bagi Skim Perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Sokongan I bagi Perkhidmatan Am Persekutuan dan Negeri Melaka, Perlis, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Bagi jawatan-jawatan Kumpulan Sokongan II telah diwakilkan kuasa kepada kementerian dan jabatan.

Jadi, yang ini tidak ada apalah ya. Mengikut rekod, tidak ada tunggakan kekosongan jawatan yang tidak dapat dibuat pengisian oleh SPA kecuali perkhidmatan berikut yang masih mengalami kekosongan kerana ketiadaan calon – pegawai perubatan ada 1,450 kekosongan. Jawatan ada, calon tidak ada.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pegawai pergigian – 330 jawatan, pegawai farmasi – 332 kekosongan. Walau bagaimanapun, urusan pengambilan jawatan tersebut dibuat secara berterusan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Maklumat yang diperolehi sebanyak hampir suku juta kekosongan sebenarnya telah pun dilaporkan dalam Dewan yang mulia ini oleh bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi, mungkin wujud dari segi penyelarasan sama ada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam harus selaraskan dengan SPA. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak tahu menahu berkenaan dengan jawapan itu tetapi apa yang sah ialah 250,000 itu adalah tidak benar mengikut jawapan yang terkini yang saya terima iaitu bahawa jawatan itu sendiri pun tidak sampai 250,000.

Jadi itu sahajalah Yang Berhormat, terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Dewan Negara yang telah pun mengambil bahagian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada 27 lagi pihak yang hendak menggulung dan menjawab. Saya bercadang untuk semuanya diselesaikan pada hari ini juga. Maka saya meminta kementerian-kementerian yang

akan menjawab mengambil kira perkara-perkara yang telah pun dijawab dan tidak mengulanginya bagi meringkaskan masa semua pihak.

Keduanya, jika Yang Berhormat juga mahu bekerjasama supaya Dewan dapat ditangguhkan pada masa yang dijangkakan, janganlah terlalu banyak mencelah dan memohon penjelasan melainkan amat perlu. Terima kasih. Maka saya jempuit Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

#### **11.46 pagi**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkisar kepada tujuh isu.

Bagi isu-isu yang telah disentuh ini, saya akan cuba memberikan penjelasan yang sewajarnya. Isu yang pertama adalah berkaitan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Isu ini telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff yang mana telah meminta Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dikaji semula kerana ia bercanggah dengan hak asasi manusia dan juga mempersoalkan mengapa orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak didakwa di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab hujah-hujah ataupun persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tadi bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tidak bercanggah dengan Undang-undang Malaysia. Ia digubal dan diluluskan menjadi Undang-undang Malaysia mengikut Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bagaimanapun terdapat isu-isu berkaitan dengan hak asasi manusia yang ditimbulkan oleh SUHAKAM dan lain-lain badan bukan kerajaan (NGO) yang menjurus kepada beberapa peruntukan di dalam peraturan-peraturan akta berkaitan iaitu *Internal Security Detained Persons Rules 1960*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan-peruntukan berkaitan ialah Peraturan 84(4) yang mana meminta dipinda, memberi lanjutan kepada keluarga yang membuat lawatan daripada 30 minit ke sekurang-kurangnya 60 minit dan Peraturan 81(5) juga diminta untuk membenarkan *interview* di antara orang yang ditahan ataupun tahanan ISA dengan peguam mereka.



Yang ketiga adalah berkaitan dengan peruntukan-peruntukan baru perlu diberi kepada tahanan ISA yang membenarkan sebanyak mana *visit* yang dibuat oleh peguam mereka jika peguam mereka memikirkan perlu dibuat.

Yang keempat adalah berkaitan dengan meminda Peraturan-peraturan Internal Security Detained Person Rules 1960 itu dipinda secara umum mengikut standard International Human Rights.

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun ia akan mengambil sedikit masa, saya suka menyatakan untuk meleraikan segala kekeliruan selama ini bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah juga undang-undang yang diperbuat di bawah undang-undang khasnya di bawah Bahagian 11 Perlembagaan Negara, maka selaras dengan *the rule of law*. Maka ia adalah undang-undang yang sah dan persoalan-persoalan kumpulan-kumpulan *human rights* menimbulkan kesangsian adalah tidak tepat kerana undang-undang tersebut dibuat di bawah Undang-undang Induk Negara Bahagian 11 Perlembagaan Negara sesuai mendukung prinsip *the rule of law*.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas penjelasan yang diberi. Sehubungan dengan isu yang timbul ini, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sememangnya mengambil kira pandangan dan cadangan semua pihak yang memastikan pelaksanaan undang-undang di negara ini memberikan keadilan kepada semua. Dalam isu yang berkaitan ini, semua cadangan dan pandangan yang telah diberikan oleh pelbagai pihak sedang dipertimbangkan.

Berkaitan dengan persoalan mengapa tahanan ISA tidak didakwa di mahkamah, kerajaan memang tidak bercadang untuk menghadapkan mereka ke mahkamah kerana mereka ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mana merupakan undang-undang yang pada dasarnya bertujuan mencegah sebarang anasir subversif melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh memudaratkan keselamatan negara atau kehidupan ekonominya. Justeru itu, peruntukan-peruntukan di dalam akta ini adalah menjurus kepada peruntukan-peruntukan penahanan tanpa perbicaraan.

Seterusnya, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff juga membuat dakwaan bahawa dalam kejadian pada 10 Disember 2004 di mana tahanan ISA telah dipukul dan ditendang oleh pihak berkuasa. Setakat ini tidak terdapat sebarang kebenaran seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan memandang serius terhadap dakwaan tersebut dan sebagai sebuah

negara yang mengamalkan sistem perundangan yang telus, siasatan terhadap perkara tersebut sedang dijalankan melalui proses dan prosedur yang ditetapkan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan baru-baru ini saya telah membawa salinan laporan polis yang dibuat oleh lima atau enam orang keluarga yang terlibat dan masalah pukul dan tendang ini benar-benar berlaku dan ada yang melibatkan pendarahan dan pihak tahanan tidak dibenarkan mendapat rawatan dan tidak dibenarkan untuk membuat *interview* dengan peguam masing-masing.

Jadi, apakah perkara ini satu perkara yang dikatakan oleh pihak Menteri tidak berlaku sedangkan perkara itu jelas ada buktinya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia berlaku katanya, adakah Yang Berhormat hendak menyatakan tidak berlaku? [*Bertanyakan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen*] Dalam siasatan?

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan tadi, setakat ini tiada bukti dakwaan yang dibuat oleh pihak yang berkaitan. Walau bagaimanapun, pihak polis sedang menyiasat berkaitan dengan dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkaitan. Memang benar laporan polis dibuat, tidak semestinya laporan polis yang dibuat itu adalah benar. Itulah sebabnya pihak penguat kuasa polis menyiasat di atas kebenaran itu dan apabila semua siasatan telah selesai, dan apabila jika ada bukti yang kukuh bahawa tindakan seterusnya menurut undang-undang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff adalah berkaitan dengan penglibatan anggota polis dalam rasuah dan juga melindungi operator-operator pusat hiburan. Berkaitan dengan perkara ini, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memandang serius dalam kejadian jenayah ini dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau kegiatan seperti ini dan sekiranya terdapat bukti yang kukuh terhadap mana-mana anggota yang terlibat, pihak PDRM tidak akan teragak-agak mengambil tindakan mahkamah atau tatatertib yang wajar terhadap mereka. Selain daripada tindakan mahkamah atau tatatertib, pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM dan ini termasuklah pendekatan agama serta bengkel kesedaran bagi memastikan perbuatan yang keji itu tidak berlaku.

Seterusnya berkaitan dengan isu ketiga iaitu kecurian kenderaan di Sarawak. Dalam isu ini, Yang Berhormat Senator Tuan Udam @ George Adam Talek telah membangkitkan perkara ini dan memaklumkan bahawa di Sempadan Sarawak terutamanya di Bau, Lubok Antu, Limbang dan Sarikei adalah merupakan pintu masuk bagi kes-kes kecurian kereta untuk dijual di Kalimantan dan meminta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memberi perhatian berkenaan dengan keselamatan di tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara ini Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak menafikan berlakunya kecurian di kawasan ini. Walau bagaimanapun, kementerian melalui PDRM sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan kes kecurian kereta di Sarawak dapat dibanteras. Tindakan-tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut;

- (a) kerjasama dengan pihak polis Indonesia dalam membanteras kegiatan penyeludupan kenderaan;
- (b) perancangan yang rapi untuk mencari maklumat risikan;
- (c) kerjasama erat di antara jabatan-jabatan kerajaan di pintu masuk negara;
- (d) memusnahkan 'jalan tikus' yang dapat dikesan;
- (e) mengadakan *task force* bagi mencari maklumat dan menangkap ahli-ahli sindiket yang terlibat dengan sindiket curi kenderaan.

Seterusnya isu keempat adalah berkaitan dengan pengharaman ruangan gosip di media. Isu ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohamed Jin bin Samsudin yang telah meminta agar kementerian mengambil tindakan bagi mengharamkan ruangan gosip di majalah-majalah dan di akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengamalkan dasar terbuka terhadap pengamal media bagi menentukan hala tuju majalah dan akhbar masing-masing. Kementerian ini juga sentiasa memberi ruang kepada penerbit-penerbit majalah hiburan dan akhbar tempatan agar cenderung ke arah pemberitaan bercorak positif dan membina minda masyarakat. Namun begitu, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sentiasa memantau majalah-majalah dan akhbar-akhbar berkaitan agar tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan kemoralan dan kepentingan awam serta menggemparkan pemikiran orang ramai sejajar dengan garis panduan dan syarat-syarat permit penerbitan seperti

mana yang diperuntukkan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana penerbit akhbar atau majalah yang didapati menyalahi peruntukan akta berkenaan.

Isu yang kelima pula ialah berkaitan dengan penyelarasan gaji anggota penjara. Perkara ini telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Shamsiah binti Samsudin yang mana telah membangkitkan mengenai perancangan kementerian dalam menaikkan penyelarasan gaji bagi kaki tangan Jabatan Penjara.

Tuan Yang di-Pertua, di atas isu ini Jabatan Penjara telah mengemukakan permohonan untuk menaiktarafkan skim perkhidmatan penjara. Berdasarkan skim baru ini, gred bagi jawatan Warden Penjara dicadangkan naik dari KX10 kepada KX17. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri setelah meneliti permohonan tersebut telah mendapati bahawa ia wajar dan menyokong permohonan skim baru tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga kini Jabatan Penjara masih belum mendapat sebarang jawapan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Permohonan ini dimaklumkan adalah dalam peringkat akhir oleh JPA.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu yang sama Yang Berhormat Hajah Shamsiah binti Samsudin pula telah memohon kementerian untuk menambah jumlah kaki tangan penjara memandangkan jumlah yang ada ketika ini menunjukkan nisbah anggota penjara dengan banduan adalah tinggi.

Berkaitan dengan perkara ini Jabatan Penjara telah pun mengemukakan permohonan kepada JPA untuk menambahkan jumlah kaki tangan seperti mana yang telah diluluskan mengikut kekosongan jawatan sedia ada dan juga mengikut keperluan-keperluan baru terutama setelah berlakunya pertambahan tanggungjawab seperti depot tahanan dan penjara baru serta kesan daripada peningkatan populasi penghuni penjara.

Purata nisbah yang terkini adalah satu anggota kaki tangan penjara bersamaan dengan 20 banduan. Dalam keadaan tertentu seperti di penjara-penjara besar seperti Sungai Buloh, Kajang, Simpang Renggam dan Taiping, nisbah adalah tinggi di mana satu anggota penjara dengan 100 penghuni ataupun banduan. Ini menunjukkan nisbah yang berlainan jika dibandingkan dengan nisbah yang ditetapkan oleh United

Nation Standard Minimum Rules. Keadaan ini berlaku kerana pada masa ini terdapat lebih muatan kira-kira 10,000 berbanding kapasiti sebenar.

Isu yang keenam pula adalah berkaitan dengan tambahan peruntukkan PDRM dan juga penyelarasan pencen pesara polis. Isu ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi. Sehubungan dengan isu ini Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi telah mencadangkan agar tambahan peruntukkan diberi kepada pasukan keselamatan termasuk Polis.

Selain peruntukan belanja mengurus dan pembangunan yang telah diluluskan pada tahun 2004 kerajaan telah memberi peruntukan khas sebanyak RM150 juta untuk pembelian kelengkapan PDRM seperti kereta peronda, alat komunikasi, peralatan pejabat, selenggaraan bangunan dan lain-lain lagi. Peruntukkan khas sebanyak RM200 juta juga telah dimasukkan ke dalam keperluan bajet pada 2005 untuk tujuan yang sama, sebanyak RM200 juta lagi akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Berkaitan dengan isu penyelarasan bayaran pencen kepada pesara polis. Yang Berhormat Senator Datuk Yaacob bin Haji Muhammad telah membangkitkan mengapa pesara polis tidak diberi bayaran ini. Memandangkan pegawai dan anggota polis menerima penyelarasan gaji. Penyelarasan gaji anggota polis yang sedang berkhidmat diuruskan oleh PDRM manakala para pesara pula menikmati penyelarasan yang sama dan diuruskan oleh JPA.

Selain itu kerajaan telah meluluskan kenaikan elaun bagi anggota dan pegawai Unit Tindakan Khas (UTK) dan Komando 69 dan ini tidak melibatkan anggota yang telah bersara kerana ia berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005.

Isu yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan isu dadah. Isu ini telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat iaitu senator Datuk Dayang Mahani Pengiran Ahmad Rafae, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Karim Ghani, Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun a/p Eam.

Dalam isu ini ramai Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan membahaskan antaranya ialah yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dayang Mahani di mana telah menyentuh perkara-perkara berikut. Pertama, meminta Agensi Antidadah Kebangsaan bekerjasama dengan majikan-majikan mengesan pekerja-pekerja yang terlibat dalam penagihan dadah dan mengadakan usaha pemulihan. Mengenai cadangan ini, tindakan sedemikian sememangnya telah diambil

sejak tahun 1997 lagi, di mana AADK telah melaksanakan satu program yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa ataupun ILO yang dikenali sebagai Drug Free Workplace.

Program ini diteruskan sehingga pada masa kini. Dalam program ini pihak majikan diberikan kesedaran tentang kepentingan tempat kerja bebas dadah dalam meningkatkan produktiviti syarikat dan diberikan rancangan pelan tindakan untuk menubuhkan jawatankuasa tempat kerja bebas dadah di tempat kerja. Sambutan yang diberi hingga kini adalah memuaskan.

Kedua, Yang Berhormat Dayang Mahani juga menyarankan supaya kementerian mengkaji kelemahan pengurusan pusat serenti dan kelemahan program pemulihan penagih. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dikaji dari masa ke semasa dan AADK sedang mengambil tindakan untuk mengatasi kelemahan ini.

Yang ketiga, Yang Berhormat Dayang Mahani juga meminta kementerian dan AADK berusaha mengurangkan penagih baru. Dalam isu ini pihak AADK dan Kementerian Pelajaran telah melaksanakan program-program pendidikan formal pencegahan dadah di peringkat sekolah rendah. Program yang dinamakan Program Intelek Asuhan Rohani ataupun ringkasnya PINTAR telah dimulakan sejak tahun 1998 untuk pelajar tahap 2, sekolah rendah dan juga termasuk tahun 4, 5 dan 6.

Program pendidikan pencegahan dadah di peringkat sekolah dilaksanakan untuk memberi pengetahuan dan *cooping skill* dengan izin kepada pelajar untuk menolak dan menjauhi dadah. Sehingga kini program PINTAR telah dapat dilaksanakan di 480 buah sekolah dari lebih 7,000 buah sekolah rendah di seluruh negara. Manakala aktiviti kokurikulum yang lain dan pameran dapat dilaksanakan hampir di semua Sekolah Rendah.

Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Sila.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Saya cuma hendak bertanya, kalaulah sekiranya program-program pemulihan ataupun tindakan telah diambil seperti Program Intelek Asuhan Rohani yang disingkatkan sebagai PINTAR telah dilaksanakan. Kenapa dan mengapa peratusan anak-anak muda masih terlibat dalam dadah, adakah kelemahan lain? Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan daripada Datuk Senator Dayang Mahani bahawa ada isu-isu yang lain umpamanya penagihan semula di mana terdapat daripada segi program-program dan modul-modul yang kita laksanakan tidak begitu berkesan dan di mana pada hari ini kerajaan telah menilai kembali untuk mengenal pasti bagi mendapatkan modul-modul yang lebih berkesan.

Dengan adanya Agensi Antidadah yang bakal diwujudkan, saya percaya bahawa segala program-program dan segala tindakan-tindakan akan dapat dilaksanakan dengan begitu berkesan dan begitu teratur. Dengan adanya cukup pegawai-pegawai yang mahir dan juga anggota yang secukupnya untuk melaksanakan tugas dalam membanteras ataupun membaik pulih penagih-penagih dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu dadah ini Yang Berhormat senator Puan Siw Chun a/p Eam dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Karim Ghani dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, menyentuh sejauh mana keberkesanan kempen perangi dadah habis-habisan. Program ini adalah program yang dilaksanakan dalam tahun 2003 iaitu Program Perangi Dadah Habis-habisan yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, iaitu pada 29 Mac 2003.

Ini adalah merupakan pendekatan baru kempen jangka panjang yang berteraskan penglibatan semua agensi kerajaan, sektor swasta serta masyarakat umum dan pelaksanaan program atau aktiviti dilaksanakan secara besar-besaran atau *maximum power* ataupun *big punch*, dengan izin bersepadu dan terancang melalui strategi pendidikan pencegahan serta publisiti rawatan pemulihan dan penguatkuasaan undang-undang. Bagaimanapun bentuk pendekatan yang dimulakan pada tahun 2003 itu tidak dapat diteruskan momentumnya disebabkan oleh keupayaan kewangan yang terhad.

Oleh kerana bentuk pendekatan ini baru dimulakan dan momentumnya tergendala, adalah sukar untuk menyatakan keberkesanan impaknya pada masa ini dan berkaitan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk melaksanakan program pendidikan pencegahan dan publisiti tahun 2003 "Perangi Dadah Habis-habisan" ialah sebanyak RM5.23 juta.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini jentera membanteras dadah negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan Januari 2004 yang lepas adalah seperti berikut:-

- (i) Peringkat kebangsaan Jawatankuasa Kabinet membanteras dadah;
- (ii) jawatankuasa tindakan membanteras dadah di peringkat kebangsaan;
- (iii) jawatankuasa bertindak pendidikan pencegahan dan publisiti;
- (iv) jawatankuasa bertindak penguatkuasaan undang-undang; dan
- (v) jawatankuasa bertindak rawatan dan pemulihan.

Bagi peringkat negeri pula Majlis Tindakan Membanteras Dadah peringkat negeri. Peringkat daerah dan bahagian Majlis Tindakan Membanteras Dadah peringkat daerah dan bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun a/p Eam juga meminta supaya pihak agensi penguat kuasa iaitu polis dan kastam memperketat atau mempertingkatkan kawalan pintu-pintu masuk dan sempadan serta meminta supaya pihak berkuasa mengenal pasti dan menangkap *kingpin* atau pengedar dadah besar. Pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam dan Unit Pencegah Penyeludupan telah berusaha menjalankan tugas mereka untuk mencegah kemasukan bekalan dadah ke dalam negara ini sama ada melalui darat, laut dan udara dengan bersungguh-sungguh.

Jabatan Kastam misalnya telah dibekalkan dengan peralatan seperti *scanner* yang terkini di pelabuhan dan pintu-pintu masuk lain untuk mengesan dadah yang disembunyikan di dalam kontena, kenderaan barangan seperti cekera padat, komputer, buku dan sebagainya. Seterusnya pihak polis melaksanakan rondaan di kawasan sepanjang pantai, mengadakan hubungan dengan Interpol, hubungan bilateral dengan polis negara-negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Brunei.

Mesyuarat *Working Groups* dan operasi bersama ataupun *joint operation*, dengan izin dibuat secara *regular* untuk membanteras penyeludupan dadah merentas melepasi sempadan.



Polis Diraja Malaysia juga mengadakan hubungan kerjasama teknikal secara *ad hoc* dalam bidang penyiasatan dengan badan-badan antarabangsa. Kesungguhan pihak berkuasa mencegah kemasukan bekalan dan pengedaran dadah dapat dibuktikan dari statistik jumlah rampasan dadah yang dibuat. Semenjak tahun 1975 hingga 2003 agensi penguat kuasa telah merampas heroin sebanyak 4,887.71 kilogram, *morphine* 277.81 kilogram, candu mentah 8,24.4 kilogram, candu masak 576.9 kilogram, ganja 33,225.09 kilogram, pil *ecstasy* semenjak tahun 1998 - 985,968 biji, pil *psychotropic*, semenjak tahun 1998 - 8,627,951 biji,....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** *One minute.* Syabu, sejak tahun 1995 324.5 kilogram.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang peralatan *scanner* yang dipasang di kawasan-kawasan sempadan, saya rasa untuk bahagian laluan awam ianya boleh dikatakan mencukupi bagi kita membuat pengesanan terhadap kemasukan dadah, pil dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat di bahagian perdagangan iaitu di bahagian *loading, uploading, kontena* dan juga barangan.....

Saya yang kebetulan tinggal di kawasan berhampiran sempadan juga, saya lihat tidak dibuat *thorough checking*, dengan izin terhadap semua kontena dan juga barangan-barangan itu, sesetengahnya terus diiring oleh pihak kastam ke *warehouse* ataupun ke gudang-gudang yang berdekatan tanpa membuat pemeriksaan yang teliti ataupun rapi. Saya takut terutamanya barangan-barangan seperti ikan, sayur, barangan-barangan yang agak berbau, bermakna ada kesempatan yang diambil oleh pihak-pihak tertentu untuk menggunakan bersama-sama kemasukan barangan-barangan ini bagi membawa najis dadah yang ditegah ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin ada berlaku, tetapi di atas maklumat-maklumat yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi, saya mengucapkan terima kasih. Saya akan memaklumkan kepada pihak-pihak agensi penguat kuasa di bawah Kementerian Keselamatan Dalam

Negeri untuk mengambil perhatian di atas maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga maklumat memproses dadah haram dapat dikesan. Bilangannya sehingga kini ialah sebanyak 140 buah kilang. Baru-baru ini dalam bulan April 2004 pihak penguat kuasa telah dapat mengesan makmal memproses dadah ATS di Semenyih Selangor yang melibatkan rakyat negara asing. Makmal tersebut menyimpan hampir dua tan bahan kimia: *precursor semi-product* dan *ephedrine* yang digunakan untuk menghasilkan dadah ATS seperti *ecstasy* dan syabu. Makmal tersebut dipercayai berupaya mengeluarkan hampir satu tan dadah jenis *ice syabu*. Makmal tersebut dipercayai berupaya mengeluarkan hampir satu tan dadah jenis *Ice Syabu*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah kingpins yang ditangkap, suka Kementerian Keselamatan Dalam Negeri menjelaskan kedudukan pada tahun 2003 dan 2004 adalah seperti berikut.

- Dalam bulan Januari 2003, penangkapan lima orang terdiri daripada rakyat Malaysia dan Singapura yang terlibat dalam sindiket penyeludupan *Ecstasy* antara Belanda dengan Malaysia dan merampas 25,000 biji pil *Ecstasy*.
- Dalam bulan April 2003, menangkap enam orang rakyat Malaysia yang terlibat dalam sindiket penyeludupan 183 kilogram *high-grade Ecstasy powder* dari Malaysia ke Australia.
- Dalam bulan Mei 2003, menangkap seorang rakyat Singapura yang terlibat dalam sindiket penyeludupan *Ecstasy* bersama tiga orang lelaki rakyat Malaysia yang ditangkap di *Brussels International Airport* dan merampas 52 kilogram *Ecstasy*.
- Dalam bulan November.....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Ya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sepanjang jawapan yang saya dengar, di dalam Dewan inilah, tidak pernah disebutkan tentang pembekal. Saya hendak tahu, negara manakah yang dapat dikesan, yang menjadi pembekal. Kita tahu penyeludup, pengedar yang banyak ditangkap. Pembekal kita tidak tahu. Jadi, saya minta kalau

ada maklumatlah tentang pembekal ini, baik dalam negeri ini ataupun di luar daripada negeri kita. Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam konteks ini, saya akan memberi nama-nama negeri yang membekalkan dadah-dadah inilah kepada Yang Berhormat secara bertulis.

- Seterusnya, dalam bulan November 2003, merampas 19,280 biji pil *Ecstasy* dari Penerbangan Malaysia dalam laluan Paris ke Kuala Lumpur.
- Dalam bulan April 2004, menangkap 15 orang terdiri daripada rakyat Malaysia dan China yang terlibat dalam sindiket makmal haram ATS di Semenyih, Selangor, dan merampas 29 kilogram Syabu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya. Sekiranya masih terdapat perkara-perkara yang tidak disentuh, pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pertahanan.

### **12.23 tgh.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan peruntukan dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan dalam perkara perbahasan Bajet 2005.

Kementerian ini mendapati isu-isu yang dibangkitkan pada sesi perbahasan pada kali ini adalah berkenaan dengan hal-hal anggota tentera, bakal pesara dan juga pesara tentera. Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani mencadangkan supaya kementerian membuat kajian menaikkan kadar pencen pesara anggota tentera. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kajian ini ataupun penyelarasannya hanya dibuat berikutan dengan perubahan yang berlaku tentang gaji dan pencen pada 1 Oktober 2004. Orang yang telah berpencen pada peringkat awal tidak termasuk dalam kajian dan pertimbangan ini.

Suka saya menjelaskan perkara yang dibangkitkan mengenai kekurangan minat bakal pesara tentera mengikut kursus latihan peralihan yang dijalankan oleh PERHEBAT. Kekurangan minat ini adalah satu kenyataan berdasarkan kepada keinginan dan jenis-jenis kursus yang dijalankan oleh PERHEBAT sendiri. Tetapi, ianya berkait rapat dengan keinginan individu dan kedudukan perhubungan mereka dengan tempat kerja, kursus dan pelbagai lagi.

Walau bagaimanapun, kempen untuk menjayakan program supaya anggota tentera yang akan bersara ataupun berhenti mencari ataupun mendapat peluang yang lebih pada masa yang akan datang dengan tawaran-tawaran jenis kursus dan pekerjaan, peluang pekerjaan dan peluang perniagaan yang dijalankan oleh PERHEBAT ataupun kesempatan yang didapati dalam pasaran terbuka untuk menjayakan program-program seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kita tidak bercadang untuk mewajibkan tetapi kita menggalakkan anggota tentera untuk mengikuti kursus yang dijalankan oleh PERHEBAT. Begitu juga peluang yang diberikan oleh *companies* ataupun syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita. Sehingga kini, kita percaya bahawa galakan yang telah dijalankan, penerangan yang telah dijalankan, kesempatan yang telah dijalankan, iklan yang telah diberi adalah amat membanggakan. Saya percaya bahawa PERHEBAT akan terus menjalankan usaha yang baik ini dengan anggota-anggota tentera yang berada di dalam perjawatan sendiri.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan tentang anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan sebelum berpencen. Suka saya jelaskan bahawa anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan tanpa berpencen kebelakangan ini tidak membimbangkan berdasarkan kepada statistik dan jumlah anggota ATM yang berhenti tanpa berpencen semakin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk ketika ini, dalam rekod kita bilangan anggota tentera Malaysia yang berhenti tanpa berpencen pada purata seramai 669 orang anggota pada tahap perkhidmatan 13 tahun. Pada tahap perkhidmatan 15 tahun, 270 orang sahaja dan purata 304 orang anggota berpencen, diberhentikan pada tahap 18 tahun bekerja. Oleh sebab itu, berbanding dengan anggota tentera yang ada, lebih daripada 80,000 dan yang berhenti lebih awal ataupun kerana dapat peluang yang baik, adalah tidak menyusahkan kita.

Sungguhpun demikian, kita terus berkempen memberi penerangan menggalakkan mereka untuk terus berkhidmat sehingga mereka berpencen dan selepas daripada itu, dengan usaha yang dijalankan oleh PERHEBAT dan peluang yang ada di dalam pasaran buruh dan kepakaran yang mampu mereka timba waktu bekerja dan mengambil kursus pencen dan pendapatan baru, akan memberi peluang kepada mereka untuk mendapat pendapatan yang lebih lumayan ketika mereka tidak berkhidmat dengan tentera lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan tentang imej ATM melalui pembinaan kem-kem baru. Suka saya jelaskan bahawa, Kementerian Pertahanan begitu juga Angkatan Tentera Malaysia tidak lupa ataupun secara sambil lewa tidak mengambil usaha bagi mengadakan kemudahan-kemudahan ini.

Ingin saya jelaskan di sini sebagai contoh, dalam pembinaan kem dan rumah keluarga:-

- Bukit Gedung Pulau Pinang yang perbelanjaannya menelan RM82 juta iaitu untuk dua divisyen dan termasuk rumah keluarga.
- Kem Gemas iaitu bahagian tempur dan artileri, RM118 juta wang yang akan dibelanjakan untuk bahagian tempur dan RM322 juta untuk bahagian artileri termasuk rumah keluarga sebanyak 517 buah.
- Kem Mersing, kita berbelanja sebanyak RM464 juta dengan mengadakan peruntukan 458 unit rumah keluarga di samping mengadakan kemudahan lain dan mengadakan sebuah sekolah yang tidak kurang belanjanya, lebih daripada RM7 juta untuk anak-anak keluarga di Kem Mersing ini.
- Kem Teluk Sepanggar iaitu pusat penempatan kita punya *naval base submarine* yang ada mempunyai kemudahan perumahan sebanyak 560 unit dan untuk kem di Sepanggar ini sahaja, menelan belanja RM533 juta. Ini tidak termasuk belanja kemudahan *submarine* yang lain-lain, ya.

Di samping itu, yang tidak termasuk dengan kem ialah persediaan untuk rumah keluarga di sekitar Lembah Klang 6,763 unit disediakan untuk kemudahan angkatan tentera kita.

Berdasarkan kepada keterangan ini, bahawa kita sedang berusaha untuk meningkat dan memberi kemudahan serta penyesuaian kepada keperluan anggota tentera kita sama ada laut, darat dan udara.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya berkenaan mereka yang berminat menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Latihan Khidmat Negara sentiasa memberi pertimbangan-pertimbangan di mana pengagihan dan peluang untuk anak-anak muda menyertai ini.

Di samping kita menawarkan ataupun menjemput mereka untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara ini, kita juga tidak menolak terdapat beberapa orang anak-anak muda yang berminat menawarkan diri untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara walaupun nama mereka tidak disenaraikan. Ini sebagai satu kenyataan bahawa pertimbangan diberikan kepada mereka dengan alasan-alasan yang munasabah.

Pada tahun ini, mulai 13 Disember ini, Jabatan Khidmat Negara menyediakan sepatutnya 76 kem, tetapi untuk ketika ini, kita hanya dalam tender dan kontrak yang telah dipersetujui, 66 kem sahaja yang mampu bagi mengadakan kemudahan latihan dan menampung 25,210 orang peserta dan 10 kem lagi ataupun 20 kem lagi akan siap pada siri yang kedua iaitu apabila akhir bulan Mac. Pada ketika itu, keselesaan dan kemudahan yang lebih akan ada yang boleh ditempatkan oleh Program Latihan Khidmat Negara kepada peserta-peserta.

Oleh sebab itu, selain daripada mereka yang tidak datang menerima tawaran untuk menyertai dan peluang mereka yang meminta untuk menyertai, kita akan mempertimbangkan berasaskan kepada kemampuan dan kemudahan yang ada supaya semua anak-anak kita yang mengikuti kursus Program Latihan Khidmat Negara ini akan mendapat kemudahan yang setimpal dan sama serta mendapat bimbingan yang sempurna seperti yang kita rancang. Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam mengendalikan Program Latihan Khidmat Negara ini, kita sentiasa dan berharap mendapat sokongan dan dorongan serta pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat dan Yang Berhormat Senator, juga Wakil Rakyat daripada Dewan Negeri.

Perkara-perkara yang ditimbulkan sentiasa kita beri pertimbangan dan kita atasi. Saya memberi keyakinan bahawa berasaskan kepada pengalaman yang lepas dan program yang telah kita susun untuk menjadikan Program Latihan Khidmat Negara ini sebagai satu program yang menarik minat dan memberi kebaikan kepada anak-

anak kita di seluruh negara kini lebih membanggakan dan kita lebih memberi perhatian yang serius. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**12.35 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu telah meminta pihak kerajaan menyediakan perkhidmatan helikopter penyelamat di Sabah dan Sarawak. Mengenai perkara ini pihak kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat telah merancang dan bercadang untuk membeli helikopter bagi kegunaan *search* dan *rescue* di negeri Sabah, Sarawak dan Labuan dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan. Buat masa ini berlaku kemalangan Jabatan Bomba dan Penyelamat mempunyai anggota-anggota kemahiran tinggi iaitu *multi skill team* bagi melaksanakan tugas-tugas *search* dan *rescue* dengan bantuan agensi-agensi kerajaan lain yang mempunyai helikopter seperti pasukan tentera, polis dan pihak swasta.

Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar telah menyentuh berkenaan dengan isu perumahan terbengkalai dan saya telah memberi jawapan kepada soalan jawapan lisan di Dewan yang mulia ini, mengenai perkara ini pada 13hb Disember 2004. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian telah mengenal pasti punca-punca projek terbengkalai seperti berikut iaitu krisis ekonomi yang lalu, pengurusan yang tidak cekap oleh syarikat pemaju dan pemasaran yang lemah dan jualan yang lembap untuk satu-satu projek yang tertentu.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah projek ini ialah:

- (i) menasihati pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa Pembeli yang sah dan mengadakan perbincangan dengan

kementerian untuk melantik pihak yang berminat bagi memulihkan projek;

- (ii) Kalau ini tidak memberi faedah, kita meminta Syarikat Perumahan Negara membuat kajian dan seterusnya memulihkan projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan amat prihatin dengan isu ini dan telah memperuntukkan dana yang mencukupi kepada Syarikat Perumahan Negara bagi membuat kajian dan seterusnya menyiapkan projek yang terbengkalai.

Selain dari itu beberapa pemindaan telah dibuat kepada Akta Perumahan supaya projek-projek perumahan dapat dipantau dengan lebih tepat dan supaya memberi peluang kepada kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan projek-projek perumahan mencapai suatu tahap dan supaya projek itu tidak menjadi terbengkalai.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua boleh minta laluan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila beri laluan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu selain daripada apa yang telah disebutkan itu, apakah tindakan yang diambil terhadap pemaju-pemaju yang terlibat dalam projek-projek terbengkalai itu? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Pada masa sekarang tidak ada peruntukan di dalam akta untuk mengambil tindakan terhadap satu-satu pemaju yang telah menghadapi satu projek terbengkalai, tetapi kalau mereka tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan di bawah rang undang-undang seperti, yang pertama, mereka mesti memaklumkan kepada kementerian berkenaan dengan kemajuan projek mereka setiap enam bulan sekali atau mereka tidak memberi maklumat kepada kementerian berkenaan bahawa mereka tidak mampu meneruskan sesuatu projek itu, maka mereka boleh didenda di bawah akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng berkenaan dengan sistem penyampaian perkhidmatan di pihak berkuasa tempatan. Mengenai sistem penyampaian perkhidmatan di pihak berkuasa tempatan, sukacita saya memaklumkan bahawa pihak kementerian telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah bagi menambahbaikkan sistem penyampaian perkhidmatan di PBT.



Baru-baru ini kementerian dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah pun menyediakan laporan penambahbaikan pengurusan PBT. Laporan tersebut merangkumi 32 tindakan jangka masa pendek, 21 tindakan jangka masa sederhana dan 11 tindakan jangka masa panjang perlu diambil oleh PBT bagi memperbaiki penyampaian perkhidmatan.

Antara tindakan yang terkandung dalam laporan ini adalah mengadakan Sistem *Grading* bagi premis perniagaan, mewujudkan Unit Tindakan Khas di PBT, serta menggunakan pendekatan *key performance indicator* untuk mengkaji keadaan perkhidmatan di pihak PBT.

Antara tindakan-tindakan lain yang telah diambil oleh kementerian bagi memperkemaskan sistem penyampaian perkhidmatan di PBT ialah:

- (i) menyediakan garis panduan proses kelulusan pembangunan pada tahun 2002; dan
- (ii) menyediakan garis panduan bagi menubuhkan *One Stop Centre* di pihak berkuasa tempatan bagi mempercepatkan pengeluaran sijil layak penduduk iaitu CFO pada tahun yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Mohamad Puad bin Zarkashi telah bertanya berkenaan pusat hiburan yang beroperasi di kawasan-kawasan perumahan dan yang mengganggu keselesaan dan yang beroperasi sehingga lewat malam ini telah dibangkitkan soalan lisan pada pagi ini dan telah dijawab oleh Timbalan Menteri pada pagi ini, tetapi kalau masih ada masalah yang wujud kerana daripada segi pihak kementerian, dari segi undang-undang dan garis panduan memang telah mencukupi. Tetapi kalau masih ada masalah, ia wujud dari kelemahan penguatkuasaan dan bukan daripada kekurangan garis panduan atau undang-undang.

Pihak kementerian sedang mengambil beberapa tindakan untuk menambahbaikkan penguatkuasaan supaya masalah-masalah ini tidak berlaku di kawasan perumahan tambahan pula Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah bertanya berkenaan dengan kegiatan Along. Along adalah nama gelaran bagi mereka yang menjalankan aktiviti pinjaman wang secara haram dan untuk membendung kegiatan Along, pihak kementerian telah mengambil tindakan dengan meminda akta Pemberi Pinjaman Wang pada tahun 2003.

Pihak kementerian dan Polis Diraja Malaysia sentiasa menjalankan operasi bagi menghapuskan aktiviti Along dan beberapa sindiket telah dapat ditumpaskan sampai masa sekarang. Pihak kementerian juga sedang mengumpul maklumat iklan-iklan Along dari masa ke semasa menjalankan pengeledahan ke atas premis-premis yang mengiklankan aktiviti-aktiviti pemberi pinjam secara haram. Sehingga ini 173 nama syarikat telah dikumpul dan sedang disemak dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan 95% daripadanya merupakan syarikat-syarikat palsu yang tidak mempunyai pendaftaran di dalam syarikat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah pihak kementerian menyenaraikan senarai syarikat-syarikat yang dalam siasatan. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Ya, pihak kementerian mempunyai senarai, kalau Ahli Yang Berhormat memerlukan senarai itu kita boleh memanjangkannya kepada Ahli Yang Berhormat. Dari segi undang-undang, seseorang peniaga peminjam wang mestilah mendapatkan kebenaran daripada kementerian sebelum membuat iklan dan memerlukan permit iklan dan mereka yang melanggar akta peruntukan ini boleh didenda sampai RM10,000 atau dipenjara selama satu tahun atau kedua-duanya.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan terlalu banyak mencelah Yang Berhormat. Sila.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak memberi laluan lagi? Sudah pun diberi.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang Berhormat, saya ingin tahu daripada kementerian, sekarang ini kita dapati bahawa banyak iklan yang dipamerkan mengatakan bahawa sesebuah syarikat ini membeli surat pajak. Adakah ianya mendapat lesen daripada pihak penguatkuasaan PBT ataupun memang ini adalah merupakan perniagaan secara haram?

**Dr. S. Subramaniam:** Pihak kementerian memberi dua jenis lesen. Satu ialah untuk peniaga peminjam wang iaitu di bawah Akta Peminjam Wang dan yang lagi satu ialah untuk peniaga pajak gadai di bawah Akta Pajak Gadai. Kedua-dua ini memerlukan lesen dan adalah golongan yang sedikit yang tidak mempunyai lesen dan untuk golongan itu memang kita boleh mengambil tindakan di bawah akta.

Soalan yang akhir Tuan Yang di-Pertua, ditanya oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah ialah berkenaan dengan masalah banjir kilat. Masalah banjir kilat ini berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya ialah:

- (i) sistem perparitan yang dibina berpuluh-puluh tahun dahulu dan mempunyai kurang kapasiti untuk menampung air yang lebih banyak daripada kegunaan pada masa sekarang;
- (ii) kebanyakan air hujan yang turun tidak boleh menyerap ke dalam tanah, kerana kebanyakan tanah telah dikonkritkan dan dibubuh *premix* yang mengurangkan tanah yang boleh digunakan untuk menyerap, dan ini adalah satu punca yang lain;
- (iii) sistem perparitan yang lama yang telah rosak dan tidak mempunyai kecerunan yang cukup supaya air itu boleh mengalir dengan licin, jadi inilah yang menyebabkan air bertakung di satu-satu tempat;
- (iv) pembangunan yang pesat yang berlaku di bandar-bandar pun memberi sebab banjir ini berlaku.

Memang pihak berkuasa tempatan tidak lari daripada tanggungjawab mereka untuk mengatasi masalah ini, tetapi ini adalah satu masalah yang besar yang mempunyai peruntukan yang terlampau banyak.

Oleh itu, kerja menyelenggarakan dan memperbaiki saluran perparitan itu sedang dibuat secara berperingkat. Kita berharaplah pada satu masa kita boleh mempunyai suatu sistem saluran perparitan yang cukup supaya masalah ini tidak akan berbangkit lagi.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala sokongan dan pandangan yang diberi dan saya akan membawa segala pandangan yang diberi kepada kementerian supaya dilaksanakan di dalam dasar-dasar kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kerja Raya.

**12.48 tgh.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar membangkitkan mengenai *monitoring system* untuk projek-projek yang dilaksanakan bagi mengelakkan dari terjadinya projek-projek terbengkalai atau tidak mengikut spesifikasi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mempunyai sistem pemantauan dan kawalan bagi projek-projek yang dilaksanakan bagi mengelakkan daripada terjadi projek-projek terbengkalai serta bagi memastikan projek-projek tersebut dibuat mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Sistem pemantauan yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Kerja Pembangunan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri;
- (ii) Jawatankuasa Pembangunan peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian;
- (iii) Sistem Pemantauan Projek Berkomputer (PMS II) yang berpangkalan di Jabatan Perdana Menteri;
- (iv) Sistem Kontrak Selia dan Laport ataupun lebih dikenali dengan SKALA di mana status mengenai projek boleh diketahui atau dipantau secara *on line*.
- (v) sistem *eye supervision* dengan izin satu kaedah pengawasan dengan menggunakan rangkaian kamera yang dipasang terus ke internet. Ini membolehkan pihak pengurusan atasan memantau pelaksanaan projek dengan lebih dekat dan kerap melalui laman web tanpa perlu melawat ke tapak projek.
- (vi) dengan mengurangkan kerenah birokrasi serta mempercepatkan bayaran kepada kontraktor iaitu kurang dari 30 hari,

- (vii) menurunkan kuasa kepada pegawai JKR berkonsepkan dengan izin '*left managers manage*' di mana kuasa-kuasa membuat keputusan diturunkan kepada Pengarah Negeri dan Jurutera Daerah,
- (viii) Mesyuarat tapak yang diwajibkan dan dibuat secara berjadual bagi pembentangan laporan kemajuan projek mengikut yang telah dijadualkan di kontrak dan bayaran kepada kontraktor mengikut tahap kemajuan sebenar projek,
- (ix) Mengadakan dialog dengan pihak kontraktor dua kali setahun untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh kontraktor di samping mendapat maklumat tentang kelemahan jabatan untuk penambahbaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Roslan bin Awang Chik mencadangkan agar pemberian lesen-lesen kepada kontraktor diperketatkan. Ahli Yang Berhormat juga meminta agar kajian lanjutan terhadap pelaksanaan sistem IBS dilaksanakan agar kontraktor-kontraktor kecil dapat mengambil peluang dan tidak hanya dimonopoli oleh kontraktor-kontraktor besar sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang mengambil berat dalam memastikan hanya kontraktor-kontraktor yang layak dan cekap sahaja diberikan peluang melaksanakan projek bagi membolehkan penghasilan kerja yang berkualiti, menepati piawaian yang ditetapkan dalam kontrak.

Di antara langkah-langkah yang telah dikenal pasti dan diambil tindakan oleh CIDB itu, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan adalah seperti; menggugurkan status pendaftaran kontraktor-kontraktor yang tidak aktif dalam tempoh tiga tahun; melaksanakan program akreditasi kontraktor; dan menggalakkan kontraktor mendapatkan persijilan ISO 9000 bagi mempertingkatkan dan memperkembangkan sistem pengurusan bagi tujuan tersebut.

Kriteria pendaftaran akan dirumuskan dengan memasukkan keperluan persijilan tersebut pada masa yang akan datang. Kementerian juga telah menekankan penggunaan sistem binaan berindustri atau dengan izin *industrialise building system* (IBS) sebagai salah satu usaha mengindustrikan sektor pembinaan ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat agar kontraktor kecil dan bumiputera juga diberi peluang dalam pelaksanaan IBS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pandangan tersebut telah diambil kira oleh kerajaan di dalam merangka dan di dalam pelaksanaan IBS menerusi dengan izin IBS *road map* seperti:

- (i) menyediakan program latihan dan persijilan kepada pekerja dan kontraktor bagi pemasangan sistem IBS,
- (ii) menyediakan program bersama pengeluar untuk memberi pendedahan kepakaran industri kepada para kontraktor dan menyediakan skim latihan, bantuan dan insentif kewangan untuk pengeluar kecil kontraktor bumiputera yang berminat.

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan program IBS di dalam industri pembinaan, semua pihak yang terlibat tidak akan tersisih, malah akan lebih berdaya saing dan cekap di samping mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing dan tidak mahir.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Roslan bin Awang Chik juga turut menyarankan agar kontraktor-kontraktor yang besar tidak diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang sama sahaja. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, semua pemberian kontraktor kerajaan adalah mengikut peraturan perolehan yang berkuat kuasa sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan.

Kuasa memilih kontraktor bagi Lembaga Perolehan Kementerian Kerja Raya adalah setakat RM50 juta sahaja dan dibuat secara tender terbuka. Manakala bagi jumlah yang melebihi RM50 juta, Lembaga Perolehan Kementerian Kerja Raya hanya boleh memperakukan kontraktor kepada pihak Perbendaharaan sahaja dan kuasa muktamad pemilihan kontraktor terletak di bawah Perbendaharaan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pemilihan kontraktor dibuat berdasarkan penilaian terperinci ke atas sesuatu syarikat dengan menilai bukan sekadar harga yang ditawarkan tetapi mengambil kira akan keupayaan kewangan iaitu pembiayaan dan teknikal serta prestasi kerja yang lepas dan prestasi semasa. Selain dari itu, sekiranya kontraktor yang diperakukan mempunyai kerja-kerja semasa maka tawaran ditimbang kepada lain-lain kontraktor yang layak dan masih tidak mempunyai kerja semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Roslan bin Awang Chik turut meminta Kementerian Kerja Raya mempercepatkan penutupan akaun muktamad agar bayaran .....

**Dato' Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat bangun banyak kali tetapi saya tidak dengar bunyi apa pun?

**Dato' Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebab dia sebut nama saya *all the time*, maknanya masih lagi belum menjelaskan habis lagi. Jadi, saya .....

**Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed:** Okey.,

**Dato' Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** .. habiskan dahulu baru saya .....

**Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya habiskan ya? Ahli Yang Berhormat, meminta Kementerian Kerja Raya mempercepatkan penutupan akaun muktamad agar bayaran muktamad yang tertunggak dapat dibuat kepada kontraktor yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha untuk mempercepatkan penutupan akaun muktamad yang tertunggak dapat dibuat kepada kontraktor berkenaan adalah dimaklumkan bahawa syarat-syarat kontrak JKR 203/203(A) – Perakuan muktamad hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tiga bulan selepas tarikh luput tanggungan kecacatan atau tiga bulan selepas perakuan siap memperbaiki kecacatan yang mana terkemudian.

Walau bagaimanapun, bagi mempercepatkan proses penyediaan dan kelulusan ke atas perakuan muktamad bagi projek-projek yang dikendalikan oleh JKR, JKR telah mengeluarkan satu pekeliling pada 20 September 2000 supaya semua perakuan muktamad hendaklah dikeluarkan dalam tempoh enam bulan selepas perakuan siap kerja dikeluarkan. Sehingga kini 90% bayaran muktamad projek JKR telah diselesaikan.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon penjelasan dalam beberapa perkara khusus dalam IBS, *final account* dan juga dengan tender - 3 perkara.

Yang pertama, di dalam IBS ini kita sedang mengetahui bahawa tindakan kerajaan atau melalui CIDB yang akan membuatkan sistem IBS ini kepada pembekal-pembekal. Persiapan-persiapan kepada kontraktor mungkin tidak mencapai lagi ke

tahap ini untuk menggunakan sistem IBS ini. Oleh yang demikian, apabila ianya akan digunakan oleh kerajaan, adakah kemungkinan dari segi ketinggalan serta kemunduran kontraktor-kontraktor bumiputera akan tertinggal di dalam menjalankan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuat sikit Yang Berhormat untuk dicatat.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Ya, dekat sedikitlah. Yang kedua, berkait dengan tender terbuka seperti yang diperkatakan tadi. Bagaimanakah pihak JKR bercadang untuk menjalankan di dalam kerja-kerja Lebuhraya Pantai Timur (LPT) sejumlah RM1.5 bilion yang akan dikeluarkan nanti. Juga di dalam *final account* iaitu dalam *final account* ini bukan JKR sahaja yang terlibat. Ada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pelajaran yang mengeluarkan tender-tender sekolah daripada tahun 1999 masih lagi tidak menutupkan akaun-akaun ini dan juga dengan JKR pun ada sebagai contoh boleh saya berikan seperti Politeknik di Dungun masih lagi belum ditutup bayarannya sehingga sekarang.

Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas perkara yang telah pun dibangkitkan. Dalam perkara yang menyentuh tentang *Industrial Building System (IBS)*, dengan izin seperti mana yang saya jelaskan, ia memerlukan satu dengan izin *capital expenses* yang besar untuk mewujudkan sistem dengan contoh untuk buat *column* ataupun hendak buat *slab* ataupun hendak buat dia hendak buat *shield wall*, hendak buat dengan perkara-perkara *element* yang dalam *construction*.

Kerajaan mengambil satu langkah dalam menyediakan IBS road map ini, pertama untuk menentukan supaya negara tidak terus bergantung kepada pekerja asing yang terlibat dalam industri pembinaan ini dan sekarang kita tahu bahawa kadang kala pekerja asing ini menjangkau angka ke juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***



***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dewan bersidang semula. Dipersilakan Yang Berhormat.

**2.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung balik penjelasan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan berhubung kait tentang tiga perkara yang telah pun diminta untuk penjelasan oleh pihak kementerian.

Pertama mengenai apakah dengan sistem *Industrial Building System* (IBS) ini akan menyebabkan kontraktor bumiputera terganggu apabila *completion* ini. Jadi, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa IBS ini adalah satu sistem yang hendak kita ketengahkan dalam industri pembinaan negara ini. Pertama, matlamatnya supaya mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja-pekerja asing yang sekarang ini telah mencapai hampir 1 juta lebih.

Yang kedua, ialah untuk membuat supaya masa untuk mendirikan sesuatu bangunan itu dipercepatkan dan yang akhirnya ialah untuk merealisasikan supaya industri pembinaan negara ini adalah sebagai satu penyumbang utama kepada kemajuan ekonomi.

Untuk mewujudkan IBS ini memerlukan satu modal teroka (*capital expenses*) yang tinggi dan ia adalah di luar jangkaan, kebanyakan daripada kontraktor bumiputera terutama yang kelas F. Tetapi saya ingin menekankan di sini bahawa kerajaan sentiasa memberikan perhatian dan keprihatinan supaya dalam merealisasikan IBS *road map* ini, masalah pencapaian bumiputera ini akan dapat dikenal pasti dengan memberikan satu usaha untuk menaik taraf cara bagaimana kontraktor bumiputera ini terutama yang kelas F ini boleh bergabung tenaga supaya industri pembinaan ini akan dapat terus dinikmati oleh semua golongan termasuk golongan bumiputera.

Perkara yang kedua ialah berhubung kait tentang apakah kerja-kerja yang telah pun diselesaikan dan kenapa ianya lambat untuk mengeluarkan bayaran akhir terhadap satu projek yang telah pun dikemukakan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa mana-mana kontrak di antara pihak kontraktor dan juga kerajaan ada perjanjian dan tempoh waktu yang telah pun ditetapkan dan apabila kerja telah pun

disiapkan untuk menentukan bahawa semua kerja itu memenuhi piawaian yang telah pun ditetapkan, satu penilaian terhadap teknikal yang berhubung kait tentang spesifikasi yang telah pun ditetapkan akan dijalankan dan jikalau pihak kerajaan berpuas hati, maka *Certificate of Completion*, dengan izin akan dikeluarkan dan dalam tempoh enam bulan selepas *defect liability period*, maka satu arahan supaya semua akaun itu *diclose* dan mana-mana tanggungan terhadap kontraktor itu akan diselesaikan mengikut tarikh waktu yang telah pun ditetapkan.

Perkara yang ketiga ialah apakah perancangan kerajaan untuk menentukan Lebuhraya Pantai Timur Ke-2 (LPT2) yang telah pun diumumkan, yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dan sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa 30% daripada jumlah LPT ini telah pun diperuntukkan kepada MTD dan saya percaya bahawa pihak MTD telah pun memulakan kerja-kerja awalan dan ini adalah satu sistem kerja yang telah pun dibuat, yang berasaskan kepada LPT1 dan selebihnya 70% bahawa kerajaan sedang menyediakan segala dokumen tender tawaran dan tawaran terbuka terhadap kontraktor-kontraktor yang memenuhi kelas akan dibuka dan saya yakin bahawa *priority* akan diberikan kepada kontraktor tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek telah membangkitkan mengenai kelewatan projek-projek seperti projek Jambatan Batang Rejang, projek Jambatan Batang Kayan dan projek jalan di Betong. Ahli Yang Berhormat mempersoalkan adakah kelewatan ini disebabkan oleh pemantauan yang lemah atau ada sebab-sebab lain yang menyebabkan projek-projek tersebut tidak dapat disiapkan mengikut jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab utama mengapa pelaksanaan projek-projek tersebut mengalami kelewatan adalah seperti berikut:-

- (i) proses pengambilan balik tanah yang agak lama;
- (ii) kelewatan pengalihan utiliti seperti talian elektrik, talian telekom dan paip bekalan air. Untuk makluman Yang Berhormat bagi projek ini pihak syarikat Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) telah mengambil masa lebih daripada satu tahun untuk mengalihkan kabel-kabel elektrik;
- (iii) masalah teknikal seperti kelemahan reka bentuk untuk projek-projek Jambatan Batang Rejang dan Jambatan Batang Kayan seperti keadaan sungai yang lebih deras dan lebih dalam

daripada yang dijangkakan. Ini menyukarkan pembinaan asas untuk tiang-tiang di tengah-tengah sungai tersebut. Ini yang disebut masalah, dengan izin Tuan Ir. Yang di-Pertua, "*In-situ problem*";

- (iv) masalah kesukaran untuk mendapatkan peralatan loji dan bahan-bahan binaan di Sarawak, sebagai contoh peralatan pengujian beban untuk cerucuk dan kesemua *rubber bridge bearing* terpaksa dibawa daripada Semenanjung Malaysia; dan
- (v) pengurusan kontraktor yang lemah termasuk kontraktor yang mengemukakan harga tender yang terlampau rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang seterusnya, kedudukan terkini projek-projek yang telah disebut adalah seperti berikut:-

- Projek Jambatan Batang Rejang telah mencapai kemajuan 81% dan insya-Allah dijangka akan disiapkan menjelang Jun 2005.
- Projek Jambatan Batang Kayan telah mencapai kemajuan 90% dan juga dijangka akan disiapkan pada bulan Jun 2005.
- Projek Jalan Betong Kayu Alam sepanjang 97.7 kilometer telah siap pada bulan November 2004.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungan Kementerian Kerja Raya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum sahabat saya duduk tadi, saya ingatkan panjang lagi hendak mendengar jawapan tadi. Salah satu jawapan yang Yang Berhormat sebutkan tadi adalah mengenai kelewatan kontrak yang akhir tadi adalah disebabkan kerana harga kontraktor yang masuk itu terlalu rendah.

Saya hendak tanya dengan kerajaan, dengan Yang Berhormat, apakah sistem sekarang ini semata-mata untuk melihat kontraktor yang masuk ini harga rendah kita bagi ataupun kita sesuaikan keadaannya, kalau kita rasa harga itu terlampau rendah kita tidak bagi. Jadi, kalau sudah kita bagi maknanya kita rasa dia mampu buat dengan harga tersebut. Siapa yang hendak kita salahkan? Bila lewat hari ini, kita kata oleh kerana kontraktor tersebut masuk harga terlampau rendah dan kita kata lewatnya

disebabkan itu. Pada hal kalau kita rasa boleh kita bantu pada awal lagi, *this is too low, we cannot give to you*, dengan izin.

Yang Berhormat oleh sebab itu saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, apakah konsep hari ini. Bagaimanakah caranya untuk kita memberikan kontrak-kontrak kepada kontraktor tempatan? Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertuan [Ir. Wong Foon Meng]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum jawab saya hendak sambung sikit sahaja. Boleh ya, beri laluan?

**Timbalan Yang di-Pertuan [Ir. Wong Foon Meng]:** Yang Berhormat, beri laluan?

**Dato Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Bolehlah, boleh jawab sekali.

**Timbalan Yang di-Pertuan [Ir. Wong Foon Meng]:** Sila Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu soalan pada kementerian Yang Berhormat. Adakah betul syarikat PMC ini mempunyai kuasa untuk memberi atau memilih tender-tender di kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah dan Yang Berhormat Senator Dato' Musa. Sebut abangnya pun payah [*Ketawa*] Soalan yang diminta penjelasan adalah dua perkara, ya. Yang pertama, apakah kaedah perolehan yang diterima pakai oleh kerajaan untuk menentukan supaya sesuatu projek itu dapat dijalankan atau dibangunkan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki?

Yang kedua, adakah PMC - PMC ini nama ringkas Project Management Consultant - yang digunakan oleh kerajaan untuk mengurus tadbir sesuatu projek mempunyai bidang kuasa untuk menentukan sesiapa yang layak ataupun tidak layak untuk mendapat sesuatu projek?. akan

Asas pertimbangan utama untuk menentukan sesuatu kontrak itu dibagi kepada pihak-pihak yang tertentu, berbagai perolehan kaedah yang telah pun dijalankan selama ini, ya. Pertama dari segi prinsip tender terbuka ataupun tawaran terhad ataupun *direct nego*. Jadi, semua kaedah-kaedah ini mempunyai matlamat untuk mendapat satu kontraktor yang terbaik supaya kos pembinaan yang dilakukan itu akan terkawal dan matlamat untuk menyiapkan bangunan itu akan dapat dicapai. Sebagai

contoh, jikalau satu tawaran yang dibuka dengan memenuhi tuntutan bentuk *open tender* terhadap kelas yang telah pun ditetapkan, dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat tidak semestinya tawaran yang terhad itu adalah merupakan tawaran yang terbaik.

Justeru kerana itu ada dua penilaian yang dibuat untuk menentukan sama ada sesuatu tender itu berkelayakan atau tidak. Selalunya ada dua aspek penilaian, iaitu dengan izin, satu *technical evaluation* iaitu mengkaji tentang keupayaan teknikal; dan yang kedua ialah tentang *commercial evaluation*. Yang ini juga mesti memenuhi tuntutan. Tuntutan yang kedua, mana-mana projek yang hendak dibangunkan yang hendak disiapkan mengikut satu jangka masa waktu yang ditetapkan yang kaedahnya dilakukan secara *fast track*. Jadi kaedah untuk melakukan secara *fast track* itu kita kena kenal pasti kontraktor yang baik, kontraktor yang mempunyai kemampuan teknikal dan kepakaran dan juga harga yang ditawarkan satu harga yang munasabah.

Dan mengikut kaedah yang dilakukan sekarang ini, oleh kerana JKR merupakan agensi, dengan izin, *the oldest technical service provider* kepada rakyat Malaysia dan banyak projek yang hendak dilakukan itu memerlukan satu pemantauan dan mengikut kaedah serta kerenah birokrasi yang selalu dialami oleh kerajaan, ini kadang kala menggugat tentang perjalanan untuk menjadikan satu projek itu dibuat mengikut waktu yang telah ditetapkan.

Justeru kerana itu untuk mempercepatkan proses supaya perolehan ini dapat dilakukan maka kaedah PMC atau *Project Management Consultant* akan diambil dan dia akan diberikan tanggungjawab sebagai fungsi macam JKR itu untuk menguruskan sesuatu projek. Saya percaya segala elemen yang berhubung kait untuk menentukan matlamat yang tersebut dicapai dapat dilaksanakan ..[Ketawa].

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Kalau itulah jawapannya, jawapan asal menyatakan kelewatan projek tersebut adalah kerana kontraktor menghantar atau memasuki dengan harga yang rendah sudah tidak relevan kepada jawapan yang kedua tadi, kerana dengan kaedah-kaedah yang telah pun kerajaan buat tadi menunjukkan bahawa sebenarnya kontraktor yang masuk tadi telah pun kerajaan mengkaji dengan kaedah-kaedah yang baik. Jadi, jawapan yang mengatakan kontraktor lewat kerana masuk harga rendah tadi sepatutnya tidak timbul lagi. Itu pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya setuju tentang pandangan Yang Berhormat kerana jikalau lazimnya sesuatu projek prosesnya mengambil masa yang lama. Sebagai contoh, kalau projek A yang hendak diumumkan perancangan *feasibility.study* kerajaan, kemungkinan ini dilakukan lima tahun yang ke belakang dan proses tender yang dibuat dua tahun, tiga tahun. Jadi bila harga, sebagai contoh harga besi keluli, Yang Berhormat, ya, harga pada hari ini dengan harga dua tahun dulu, tiga tahun dulu adalah satu harga yang berbeza, banyak juga *materials* yang berbeza. Itu sebab ada kaedah perolehan kontrak, dengan izin, yang dipanggil *cost-plus-fee*.punya kaedah untuk disesuaikan.

Jadi, keputusan sama ada untuk memberikan keizinan kenaikan harga terhadap barang-barang *materials* ini kadang-kadang dia terikat dalam kita punya kontrak. Jadi, Yang Berhormat, ada unsur-unsur kebenaran dan juga keprihatinan yang telah pun dibangkitkan. Yang itu saya setuju, Yang Berhormat.

Dan sebagai langkah untuk kita menentukan supaya perancangan kerajaan untuk mempertingkatkan kemudahan prasarana dan infrastruktur peningkatan negara, kerajaan sentiasa menilai dan melihat bagaimanakah kaedah yang terbaik supaya kita boleh mencapai matlamat. Salah satu perkara yang telah pun diketengahkan ini ialah untuk menentu dan merealisasikan supaya *road map* IBS ini atau *Industry Building System* ini mencapai matlamat dan tujuan.

Jadi, akhir sekali saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh segala perkara yang berhubung berkait tentang Kementerian Kerja Raya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertuan [Ir. Wong Foon Meng]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato', di atas jawapan tadi. Sekarang saya menjemput wakil dari Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

**2.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunakasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara atau isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi semasa perbincangan bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005 di Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan berhubung dengan perkara-perkara dasar yang telah dibangkitkan iaitu berhubung dengan isu pengurusan air negara .

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff ingin mengetahui adakah Kerajaan Persekutuan boleh memastikan ia mendapat keuntungan yang lebih besar dan memberi servis yang lebih baik sekiranya Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan air. Yang Berhormat Senator juga ingin mendapatkan penjelasan adakah pendapatan kerajaan negeri tidak akan terjejas sekiranya Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan air negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat antara faktor utama yang mendorong kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih pengurusan air negara adalah bagi menangani isu kekangan kewangan yang dialami oleh pihak kerajaan negeri memandangkan program dan projek berkaitan bekalan air memerlukan perbelanjaan modal yang besar. Di samping itu setengah kerajaan negeri turut menanggung bebanan hutang dan kerugian berikutan penswastan perkhidmatan air yang tidak mantap.

Faktor-faktor lain yang mempengaruhi keputusan Kerajaan Persekutuan untuk melibatkan diri dalam pengurusan perkhidmatan air adalah bekalan yang tidak stabil, kualiti air yang kurang memuaskan, tarif air yang berbeza-beza antara negeri, objektif dan terma-terma projek penswastan air yang tidak jelas, penguatkuasaan yang lemah serta tahap peratusan kehilangan air tidak terhasil NRW yang terlalu tinggi.

Proses pengambilalihan pengurusan air oleh Kerajaan Persekutuan sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap pada tahun hadapan. Antara yang dicadangkan adalah satu model industri perkhidmatan air yang mampan, termasuk sektor pembedaan, proses penswastan secara *holistic*, serta penubuhan badan kawal selia air iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau dengan kata ringkasnya SPAN.

Penglibatan Kerajaan Persekutuan di dalam pengurusan air negara adalah lebih menjurus kepada pengawalseliaan dan pemantauan demi mewujudkan industri perkhidmatan air negara yang mampan dalam jangka masa yang panjang. Kerajaan Persekutuan akan hanya mengambil alih daripada kerajaan negeri, pengurusan air bermula daripada aspek rawatan hinggalah kepada pengagihan dan pengambilan. Kuasa dan tanggungjawab ke atas sumber air dan kawasan tadahan akan dikekalkan

di bawah kerajaan negeri, di mana ia adalah potensi pendapatan kepada kerajaan negeri dari segi royalti yang dikenakan kepada syarikat-syarikat pengeluar air.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir pula ingin tahu, adakah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, model yang terbaik bagi pengurusan air negara. Sejak ditubuhkan dari tahun 1973, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA) telah melalui pelbagai proses daripada sebuah perbadanan kepada sebuah entiti swasta yang berdaya maju dalam aspek pengurusan bekalan air. Sepanjang tempoh berkenaan PBA telah membangunkan beberapa *best practices* yang boleh diguna pakai oleh syarikat pengeluar air yang lain.

- (i) mempunyai *customer contact centre* yang cekap untuk menerima dan mengambil langkah pembaikan terhadap sebarang aduan daripada pengguna;
- (ii) peratusan kutipan bil mencecah tahap hampir 98%;
- (iii) kadar NRW yang terendah di negara ini, iaitu 20%;
- (iv) memperkenalkan *revenue management system*; dan
- (v) meter *management system*.

Dedikasi PBA di dalam pengurusan air tidak dapat dipertikaikan lagi, di mana PBA merupakan syarikat pengeluar air utama di Malaysia yang menerima persijilan ISO 9001, 2001 dalam aspek pengurusan kualiti. Kecemerlangan PBA di dalam pengurusan bekalan air juga mendapat pengiktirafan badan-badan akreditasi antarabangsa seperti *United Kingdom Accreditation Services* (UKAS) dan *Agreed The arance Read* (DAR) dari German.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin juga ada menanyakan dari segi pemantauan ke atas stesen-stesen TV swasta.....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya diberi laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng** Terima kasih, sungguhpun ada banyak pujian telah dibuat kepada DBA, tetapi apa yang menjadi pokok pertanyaan rakan saya Yang Berhormat Dato' Musa ialah berkenaan dengan sama ada itu akan diguna sebagai satu model. Sungguhpun ada begitu banyak kebaikan tetapi apa yang kita ingin tahu, adakah dirancangkan supaya pengalaman-pengalaman itu akan diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan apabila tugas air itu dikongsi bersama dengan Kerajaan Pusat. Terima kasih.



**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Suka saya maklumkan di sini bahawa dalam menguruskan air negara, sebagaimana yang kita ketahui kerajaan dalam proses penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Maka apabila tubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini satu *bench mark* akan dapat menentukan dari segi kualiti air itu, dari segi tarif air yang akan dikenakan kepada pengguna dan juga bagaimanakah pengbilan yang akan dikenakan kepada pengguna.

Maka, melalui pengalaman-pengalaman sudah, pada masa ini, negeri Pulau Pinanglah merupakan negeri yang terbaik dari segi membekalkan air kepada pengguna, cara mereka teratur dan *Non-Revenue Water* (NRW) yang ada di Pulau Pinang adalah terendah jika hendak dibandingkan dengan negeri-negeri lain di negara ini, yang mana kalau kita tengok seperti Selangor, *non-revenue waternya* adalah lebih kurang 45%, kalau kita tengok di Sabah *non-revenue waternya* mencecah sehingga 65% yang menjadikan industri air ini, satu industri yang tidak mempunyai daya saing, tidak *sustainable*. Maka dengan itu kementerian ini mengharapkan serba sedikit pengalaman yang dilalui oleh negeri Pulau Pinang ini boleh dibahagikan sebahagian daripada untuk menentukan sebagai tanda aras kepada SPAN di masa yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan. Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin tadi menanyakan bahawa sekiranya ada pemantauan daripada pihak kementerian berhubung dengan iklan-iklan. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sentiasa memantau iklan-iklan yang disiarkan oleh stesen penyiar swasta. Syarikat stesen penyiar swasta adalah terikat dengan kod kandungan di samping perlu mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Penapisan Filem 1952 dan juga Akta Finas 1981.

Kesemua kandungan dan bahan yang disiarkan oleh stesen penyiar swasta termasuk iklan perlu ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem dan memperoleh sijil A sebelum ia boleh disiarkan. Ini merupakan satu syarat khas, lesen kepada pemegang-pemegang, dengan izin, *Content Application Service Provider* (CASP). Tindakan undang-undang akan diambil terhadap badan penyiar yang melanggar undang-undang yang berkaitan dengan penyiaran yang dikuatkuasakan.

Untuk pengetahuan Dewan juga bahawa Kementerian ini pernah mengenakan suatu tindakan mengkompaun satu stesen TV swasta kerana menyiarkan satu iklan minuman keras ketika perlawanan bola, maka Kementerian ini mengambil tindakan keras mengkompaun syarikat tersebut.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Apa yang saya kemukakan ialah mengenai *certificate MIM*, dengan izin, *made in Malaysia*, mengikut peraturan *certificate made in Malaysia*, dengan izin, mestilah mempunyai 80% bahan tempatan. Hanya dibenarkan 20% sahaja bahan luar untuk diluluskan oleh *certificate* itu, yang diterbitkan oleh FINAS, tetapi Kementerian Multimedia saya difahamkan ada di antara bahan-bahan iklan yang ditayangkan di stesen TV tidak mempunyai MIM. Mungkin ada kelonggaran dan ada *clause* yang membolehkan dengan izin, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi membenarkan mereka menayangkan filem-filem yang kebanyakannya dibuat di luar negara. Maka itu kita dapat melihat iklan-iklan ini tidak menampilkan budaya tempatan dan kebanyakan pelakon-pelakonnya juga kerana mereka membuat satu iklan serantau. Jadi, apakah pandangan Kementerian?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin, saya lihat Yang Berhormat seorang yang peka terhadap siaran TV. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kod pengiklanan yang ada di bawah Kementerian ini adalah merupakan satu kod yang sama-sama diguna pakai oleh Kementerian Penerangan dahulu. Pada ketika ini memang terdapat syarikat-syarikat stesen TV swasta terutamanya seperti ASTRO, kadang-kadang mereka menyiarkan iklan daripada luar negara yang tidak mencerminkan budaya rakyat negara ini, tetapi bagi syarikat-syarikat stesen TV swasta yang ingin menyiarkan iklan-iklan daripada luar negara ini, mereka terlebih dahulu perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian Penerangan barulah boleh dapat, tetapi kadang-kadang iklan-iklan ini mereka datang secara *package* bersama dengan *movie* itu dia termasuk, slot itu memang ada untuk iklan, maka iklan itu termasuk dalam siaran yang disiarkan di negara ini.

Walau bagaimanapun, mesti dapat kebenaran daripada Kementerian Penerangan terlebih dahulu. Terima kasih. Walau bagaimanapun, ada ketikanya iklan

asing disiarkan setelah mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Penerangan. Ini penjelasan yang ingin saya maklumkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya berjanji bahawa kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih di atas jawapan dan janji-janji Yang Berhormat tadi. Sekarang saya menjemput wakil Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

**3.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin satu-satunya Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan tentang perkara-perkara di bawah naungan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan semasa perbahasan Bajet 2005. Bagi pihak Kementerian ini saya akan menjawab dan memperjelaskan perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

Yang Berhormat membuat Usul supaya Dasar Perfileman Negara iaitu DFN digubal dengan segera untuk menentukan hala tuju industri perfileman negara untuk menjadikan industri perfileman negara setanding dengan negara-negara lain. Adalah dicadangkan juga diwujudkan satu jawatankuasa atau panel khas supaya dapat memantau industri perfileman dan penyelarasan tanggungjawab supaya tidak ada pertindihan antara lima kementerian yang terlibat, iaitu Kementerian Penerangan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan iaitu KKKW, sedang mengkaji semula dasar perfileman sedia ada dengan mengambil kira beberapa aspek

dalam memartabatkan industri filem negara setanding dengan negara-negara lain. DFN yang sedang digubal ini mengambil kira pertindihan bidang kuasa antara agensi dengan cadangan mewujudkan pusat sehenti atau *one stop agency*, dengan izin. Yang Berhormat juga mencadangkan pewujudan Arkib Filem sebagai pusat pemeliharaan, penyimpanan filem-filem keluaran negara ini sebagai warisan negara. Arkib Negara Malaysia sedang merancang untuk menubuhkan sebuah pusat pendokumentasian dan pemeliharaan bahan pandang dengar iaitu *audio visual*, dengan izin bagi menyimpan filem dan juga bahan-bahan *audio visual* yang lain.

Arkib Negara Malaysia telah mendapat khidmat pakar runding untuk membina pusat tersebut bagi menempatkan bahan-bahan *audio visual* mengikut piawaian penyimpanan arkib filem. Beberapa orang pegawai telah pun dihantar bagi mengikuti latihan khas dalam mengendalikan bahan-bahan tersebut. Arkib Negara Malaysia telah menjalankan kerja-kerja mengesan, mengumpul dan memelihara bahan-bahan filem dari dalam dan luar negara sejak awal penubuhannya. Sehingga kini sebanyak 7,028 gelendong iaitu *reels* dengan izin *of film* telah diperolehi dan disimpan. Buat masa ini bahan-bahan tersebut telah disimpan di *repository* Arkib Negara mengikut piawaian yang ditetapkan sementara.

Pusat pendokumentasian dan pemeliharaan bahan pandang dengar yang akan diusahakan, pembinaannya adalah pada Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya KKKW mengambil perhatian terhadap bangunan bersejarah negara ini supaya dapat dipelihara sebagai warisan negara.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ....

**Dato' Wong Kam Hoong:** ...bagi saya habiskan dahulu.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:**....bukan yang awal, saya hendak penjelasan jawapan yang sebelum itu. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Dato' Hamzah.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan, kita ada Arkib Negara yang hendak simpan bahan-bahan seperti beberapa *reels* filem-filem lama itu. Saya hendak tanya adakah filem-filem sahaja ataupun alat-alat yang digunakan atau pakaian yang digunakan, macam filem-filem Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin dahulu pernah berlakon, kita masih menyimpan masa filem James Bond dahulu, adakah lagi senapang atau pistol

yang digunakan? Jadi ini yang saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat itu adalah satu soalan yang baik. Arkib Negara Malaysia merupakan satu pusat pendokumentasian iaitu untuk dokumen-dokumen sahaja. Di samping itu juga, kementerian saya telah mengadakan sebuah rumah kecil di Jalan Pahang yang telah diubahsuaikan untuk dijadikan Muzium Perfileman Negara dan di muzium ini kita juga menyimpan alat-alat, filem-filem lama dan sebagainya termasuklah filem pertama Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin iaitu Panca Delima.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin. Saya dengan segala rela hati, saya mempunyai bahan kira-kira 1001 *items*, jikalau muzium itu disediakan, saya akan serahkan dengan percuma. [*Tepuk*]

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin. Saya berharap karyawan-karyawan yang lain juga mencontohi teladan Yang Berhormat dan rela hantar alat-alat yang bersejarah itu, berkenaan dengan perfileman, kementerian saya dan semua ini akan disimpan dengan baik. Terima kasih.

KKKW sentiasa memberi perhatian terhadap perlindungan, pemeliharaan dan penambahbaikan bangunan warisan negara melalui Akta Benda Purba 1976. KKKW juga sedang menggubal satu akta yang lebih komprehensif, iaitu Akta Warisan yang bukan sahaja akan melindungi dan memelihara bangunan warisan, tetapi lain-lain sumber warisan ketara iaitu *tangible heritage*, dengan izin dan warisan tidak ketara iaitu *intangible heritage*, dengan izin.

Berkenaan dengan cadangan beliau iaitu supaya bangunan Sultan Abdul Samad dijadikan sebagai pejabat KKKW sesuai dengan peranan kementerian ini sebagai pelindung budaya dan warisan negara. Saya amat mempersetujui dengan cadangan itu dan akan mengambil maklum cadangan Bangunan Sultan Abdul Samad dijadikan sebagai bangunan atau Kementerian KKW. Walaupun bangunan tersebut dibina oleh pemerintah Inggeris berdasarkan seni bina *morris* iaitu '*the ranch style*' dengan izin. Ia direka bentuk oleh tukang-tukang tempatan menggunakan teknologi dan bahan binaan tempatan.

Oleh itu bangunan ini merupakan warisan seni bina tempatan bagi zamannya atau tepat lagi zaman awal pembangunan Kuala Lumpur sebagai ibu kota moden

Malaysia. Oleh itu, amat bertepatan dan bersesuaian sekali bangunan warisan ini dijadikan ibu pejabat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebagai lambang kepada komitmen negara ini dalam memartabatkan warisan negara. Yang Berhormat juga menyentuh penamaan taman-taman perumahan, jalan-jalan dan sebagainya lebih berimej identiti tradisi dan warisan...

**Tuan Tan Bon You:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menanyakan kepada kementerian berkenaan dengan pemeliharaan warisan-warisan bercorak kemelayuan.. Adakah kementerian bercadang untuk memelihara warisan-warisan yang daripada kaum-kaum yang lain. Terima kasih

**Dato' Wong Kam Hoong:** Kalau kita katakan warisan iaitu warisan negara kita, ini merangkumi semua kaum di negara kita.

Beralih kepada taman-taman perumahan dan jalan-jalan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KKKW) akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam soal ini. Buat masa ini, wakil-wakil dari Muzium dan Persatuan Sejarah Malaysia dijemput duduk dalam Jawatankuasa Penamaan Nama-nama Taman dan Jalan Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan seperti di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah untuk memberi nasihat dan mengenal pasti nama-nama yang sesuai bagi sesuatu tempat dan jalan bagi menonjolkan sejarah tempatan, patriotisme dan imej Malaysia.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya sebuah fakulti khas di universiti atau kolej dikhaskan untuk penggiat filem. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) ditubuhkan bertujuan untuk pemuliharaan, pengembangan dan penerokaan seni tradisional dalam bentuk yang baru bagi menjamin kesinambungan warisan bangsa serta pengekal jati diri seni tanah air. Dasar Kebudayaan Kebangsaan memberi ruang untuk merealisasikan hasrat ini dan KKKW melalui ASK boleh memainkan peranan sebagai pendahulu dalam usaha ini. Oleh itu ASK amat bersesuaian dikekalkan di bawah KKKW bagi memastikan dasar tersebut dapat diperkukuhkan. Usaha-usaha yang dirancang adalah bagi memastikan sistem pembelajaran dan pengajian adalah selari dengan aspirasi nasional bagi memastikan seni tradisional sebagai teras kepada pembentukan seniman.

ASK telah diiktiraf oleh JPA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi seni persembahan yang melaksanakan pengajian bertaraf diploma dalam bidang teater, tari, muzik, penulisan kreatif dan sinematografi. Pengiktirafan yang diterima

mbolehkan para siswazah ASK berkhidmat di dalam perkhidmatan awam. Ketika ini, IPTA tempatan tiada mempunyai sebuah fakulti khas untuk pengajian filem. Ini adalah kerana bidang pengajian merupakan salah satu kursus atau jabatan yang ditawarkan di IPTA seperti UiTM, UNIMAS, USM, UM dan ASK di peringkat diploma, ijazah dan sarjana muda. Untuk tempoh jangka panjang, KKKW memang berhasrat untuk meningkatkan tahap pengajian ASK ke peringkat ijazah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya mempersilakan wakil daripada Kementerian Luar Negeri.

### 3.13 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2005 yang telah berlangsung di Dewan yang mulia ini dari 13 hingga 15 Disember yang lepas.

Seperti biasa, tidak ketinggalan ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu mengenai hubungan luar yang berkait rapat dengan tugas-tugas Kementerian Luar Negeri. Ini jelas menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat amat prihatin terhadap isu-isu sejagat dan serantau yang berlaku di sekeliling kita buat masa ini. Izinkan saya untuk memberikan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Antara isu-isu yang telah dibangkitkan termasuklah pencerobohan dan pencabulan hak asasi rakyat Iraq dan Palestin, situasi terkini berkenaan penahanan *Aung San Suu Kyi* oleh kerajaan Myanmar, kekerasan pasukan keselamatan kerajaan Thailand di Selatan Thai, pelantikan duta besar dari kalangan pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri dan isu dua hala antara Malaysia dengan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff pada 13 Disember 2004 telah meluahkan rasa simpati beliau terhadap nasib rakyat Iraq dan Palestin akibat tindakan-tindakan pencabulan hak asasi manusia oleh Amerika Syarikat dan Israel. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Kementerian Luar Negeri sebagai peneraju dasar luar Malaysia yang kini menjadi Pengerusi kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) turut sama berkongsi rasa simpati dan sememangnya memandang serius

terhadap tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Israel ke atas rakyat Palestin dan juga tindakan Amerika Syarikat terhadap rakyat Iraq.

Pencabulan hak asasi yang paling ketara ke atas rakyat Palestin adalah kesan daripada pembinaan tembok pemisah Israel di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat yang telah dikategorikan sebagai tidak sah di sisi undang-undang antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, pembinaan tembok haram tersebut telah mengakibatkan rakyat Palestin kehilangan sumber pendapatan apabila tanah subur yang mereka miliki dirampas oleh kerajaan Israel untuk membina tembok tersebut. Sekatan-sekatan yang dibina dan didirikan menghalang rakyat Palestin daripada bergerak bebas dalam negara sendiri.

Apabila jalan raya ditutup, ia dijaga dengan ketat oleh tentera Israel. Lebih teruk lagi, apabila tembok pemisah itu siap dibina kelak ia akan menghalang rakyat Palestin daripada menggunakan laluan dan jalan raya, mendapat sumber air, mengusahakan tanah pertanian mereka dan lain-lain perkhidmatan awam di negara Palestin sendiri. Selain daripada itu, sikap dan tindakan Israel yang menggunakan kekuasaan ketenteraan yang melampau untuk melakukan kekejaman dan pembunuhan ke atas rakyat Palestin terutamanya wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa adalah amat kejam dan tidak dapat diterima sama sekali.

Begitu juga di Iraq seperti Yang Berhormat kita telah sentuh, hak asasi rakyatnya sering dicabuli oleh golongan yang mendakwa diri mereka berjuang untuk membebaskan Iraq daripada rejim Saddam Hussein. Namun kita semua tahu apa yang sebenarnya berlaku. Contohnya, layanan tentera Amerika Syarikat terhadap rakyat Iraq dalam tahanan di Penjara Abu Ghraib yang didera dan dianiaya.

**Datuk Haji Karim Ghani:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Keadaan di Iraq juga sebenarnya tidak berubah .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Datuk Haji Karim Ghani minta laluan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap ya.

..... dengan adanya Tentera Bersekutu (*Coalition Force*) yang tidak mengendahkan dengan keadaan rakyat Iraq, di mana mereka sering mencabuli hak perlindungan orang awam serta memusnahkan rumah ibadat serta tempat suci.

Silakan Yang Berhormat.



**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian dan Menteri Luar Negeri kerana baru-baru ini saya terlihat di televisyen yang Marwan Barghouti telah bersetuju tidak bertanding dalam Pilihanraya Palestin yang akan datang. Saya tidak tahulah kalau Kementerian Luar Negeri ada cadangan campur tangan dalam hal ini atau ada usaha dalam perkara ini.

Saya berharap Kementerian Luar Negeri boleh mempengaruhi supaya kumpulan-kumpulan lain juga jangan bertanding. Kita tumpukan usaha kita untuk memastikan pilihan raya di Palestin itu berjalan dengan betul dan kepimpinan dipilih dari kalangan yang mendapat sokongan penuh supaya tumpuan dapat kita usahakan untuk membentuk negara Palestin. Ini yang harus diutamakan dahulu, yang lain-lain itu barangkali boleh kita uruskan kemudian. Mudah-mudahan ini berlaku di bawah kepimpinan Malaysia bahawa pilihan raya itu dapat dijalankan dengan baik dan kepimpinan mendapat sokongan kukuh oleh rakyat Palestin dan negara Palestin dapat diwujudkan. Kalau ini dapat ditumpukan, barangkali bukan sahaja masyarakat Palestin malahan masyarakat Islam seluruh dunia akan menyanjung tinggi usaha-usaha Malaysia ke arah menubuhkan negara Palestin.

Terima kasih. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di Palestin itu sendiri terdapat berbagai-bagai pihak dan kumpulan dan ramai sekali yang mengutarakan cadangan untuk menjadi Presiden. Kita sama-sama berharap supaya mereka dapat berkompromi sesama sendiri dan mendapat calon yang sesuai untuk semua pihak dan tidak ada perbalahan yang berat yang boleh berlaku hingga melihat suasana menjadi lebih buruk. Apabila semua mereka bersatu, saya yakin dan percaya kuasa-kuasa besar akan memandang suasana di situ sebagai lebih positif. Rakyat Palestin yang sentiasa bersatu dan kita harap dalam pilihan raya pada 9 Januari 2005 ini seorang yang bakal menggantikan Allahyarham Yasser Arafat dapat membawa Palestin ke puncak yang lebih bermakna dan diterima oleh masyarakat dunia.

Saya sambung, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Malaysia sebenarnya tidak berdiam diri. Kita telah mengancam dan mengutuk dengan keras tindakan mereka ke atas rakyat Iraq dan Palestin dan Malaysia akan tetap membangkitkan perkara ini agar hak asasi rakyat Iraq dan Palestin dipertahankan dan dibela dalam semua mesyuarat dan forum antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. S. 'Sivaratnam' pada 14 Disember 2004 menyentuh berkenaan tahanan Aung San Suu Kyi oleh Kerajaan Myanmar dan meminta agar perkara ini dibawa ke perhatian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Beliau melihat ASEAN seperti tidak berminat terhadap ketidakadilan yang berlaku dan menyatakan sokongan daripada Ahli-ahli Dewan agar pembebasan Aung San Suu Kyi dapat dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan ini, isu Myanmar ini sebenarnya telah pun dibincangkan di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Perhimpunan Agung dalam agendanya pada peringkat jawatankuasa ketiga pada 16 November 2004 telah sebulat suara tanpa mengundi meluluskan resolusi situasi hak kemanusiaan di Myanmar. Resolusi ini dijangka akan dibentangkan dalam sidang *plenary* pada minggu ini juga.

Di antara perenggan yang terpenting ialah menggesa Kerajaan Myanmar mengemukakan yang jelas dan terperinci ke arah demokrasi termasuk jangka masa serta penyertaan kesemua parti politik termasuk parti-parti politik yang mewakili rakyat berbilang kaum di Myanmar. Resolusi berkenaan juga menggesa agar Aung San Suu Kyi dibebaskan dan utusan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Tan Sri Razali Ismail dibenarkan untuk melawat Myanmar semula.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu Myanmar sentiasa dibangkit dan dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN semasa di peringkat Menteri atau pegawai kanan, semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 yang diadakan di Vientiane, Laos pada 29 hingga 30 November yang lalu, Myanmar telah memaklumkan bahawa persidangan kebangsaan akan diadakan pada bulan Februari 2005, manakala pilihan raya umum negara Myanmar pula akan diadakan pada tahun 2006.

Myanmar juga telah mengumumkan akan terus berpegang kepada proses demokrasi melalui pelan damai yang diumumkan pada 30 Ogos 2003. Ini merupakan satu jaminan dan kenyataan penting Kerajaan Myanmar yang diberikan untuk makluman semua pada mesyuarat yang diadakan di Vientiane, Laos minggu lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri berpendapat adalah tidak tepat untuk mendakwa ASEAN tidak berminat terhadap ketidakadilan yang berlaku di Myanmar. Walaupun negara-negara ASEAN mendukung prinsip tidak campur tangan atau dengan izin, *non-interference* dalam hal ehwal dalaman negeri Ahli-ahli ASEAN sentiasa menggesa dan menyarankan tentang pentingnya sistem pemerintahan demokrasi dikembalikan di Myanmar. ASEAN juga berharap agar Aung San Suu Kyi serta pemimpin parti *National Lead For Democracy* yang masih ditahan dibebaskan segera supaya mereka dapat menyertai proses demokrasi di Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Dato' 'Sivaratnam' pada 14 Disember dan Yang Berhormat Tuan...

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sila, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Pembetulan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Nama saya Vijayaratnam ya. 'Sivaratnam' itu nama ayah saya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya sebut betul itu, Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Sivaratnam. Betul ya, Yang Berhormat? Okey.

Dan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri pada 15 Disember 2004 mengenai tindakan keras yang diambil oleh pasukan keselamatan Thailand ke atas penduduk-penduduk di selatan Thai. Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara sahabat dan jiran kepada Thailand, Malaysia sentiasa prihatin mengenai perkembangan yang berlaku di kawasan selatan negara tersebut. Keadaan yang aman dan selamat di kawasan sempadan Malaysia-Thailand akan mendatangkan faedah kepada kedua-dua negara. Keamanan dan ketenteraman di selatan Thailand adalah penting bukan sahaja kepada negara tersebut tetapi juga kepada Malaysia.

Kekhawatiran Malaysia terhadap keadaan keselamatan di negara Thailand telah kerap kali disampaikan kepada negara tersebut semasa pertemuan dan perbincangan di antara pemimpin-pemimpin antara kedua negara. Di dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan, pihak Malaysia sentiasa menekankan kepada pihak Thailand betapa pentingnya masalah keselamatan di selatan Thailand diselesaikan

secara aman dan secara segera dengan menggunakan pendekatan memenangi hati dan perasaan penduduk...

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ...dengan izin, *hearts and minds* penduduk tempatan dengan mengambil kira sensitiviti...

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ... masyarakat Islam di wilayah tersebut. Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Berbalik kepada masalah yang berlaku di selatan Thailand ini, saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat, adakah Kerajaan Thailand benar-benar ikhlas untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku di selatan Thailand ini sedangkan kita lihat setiap peristiwa, deretan peristiwa pembunuhan ini berlaku bukan sekali tetapi berkali-kali sejak 1948 lagi di Kampung Dusun Nyior iaitu di Narathiwat satu masa dahulu.

Jadi kita lihat walaupun di peringkat awal rundingan dan kalau tidak ada perundingan yang tidak jujur yang dibuat oleh pihak British pada masa itu, sudah lama selatan Thailand bergabung dengan salah satu negeri di utara Semenanjung ataupun di Kelantan ataupun di Terengganu. Tetapi disebabkan British pada masa itu membuat rundingan lebih kepada untuk menghapuskan komunis, maka Melayu Pattani ini dijadikan *scape goat* ataupun kambing hitam untuk mereka menjaga kepentingan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini sebenarnya saya akan sentuh...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya mohon laluan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ...kemudian daripada teks saya ini.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Menyambung sedikit.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sila, Yang Berhormat Tuan Hassan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung apa yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya, kerana Yang Berhormat tadi memberitahu bahawa ada perbincangan-perbincangan dengan pihak Kerajaan Thai. Saya ingin tahu walaupun ikhlas ini, katanya kaedah ikhlas ini adalah rahsia di antara seseorang itu dengan Tuhan, kita payah hendak baca ikhlas.

Cuma dalam perkembangan perundingan itu, bagaimana kita melihat sambutan daripada pihak Thailand kerana kita banyak berbincang dan berunding, apa yang dapat digambarkanlah sekira-kira yang boleh digambarkan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat, sebenarnya saya tidak berkesempatan berunding dengan Yang Berhormat Perdana Menteri Thai, Thaksin, jadi saya tidak dapat melihat mata dan wajahnya waktu berunding tetapi saya dapat dimaklumkan bahawa pada peringkat awalnya beliau begitu keras mempertahankan dasar-dasar dan juga apa yang dilakukan oleh pasukan keselamatan Thailand, tetapi apabila masyarakat antarabangsa begitu keras sekali menceritakan tentang apa yang berlaku dengan video yang ditayangkan dan sebagainya, nampak ada sedikit kelembutan daripada apa yang beliau cakap sejak akhir-akhir ini dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, satu perkara yang cukup menarik iaitu kalau sesiapa yang boleh bercakap Siam ini, dia boleh tahulah, "*nokrada*".

"*Nokrada*" ini adalah simbol keamanan dan perpaduan yang telah dilepaskan sebanyak 120 juta ekor burung kertas yang berterbangan di selatan Thailand. Jadi kita harap dengan adanya "*nokrada*" yang melambangkan simbol keamanan dan perpaduan ini menunjukkan keikhlasan Thaksin untuk menyelesaikan masalah yang begitu lama terjadi di selatan Thailand seperti peristiwa Kampung Dusun Nyior yang diceritakan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim tadi. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga khuatir masalah keselamatan di selatan Thailand yang berlarutan dan menjadi bertambah buruk akan menjejaskan keamanan dan keselamatan Malaysia tetapi juga akan memberi kesan kepada hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand di masa akan datang. Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa mengambil pendirian dan pendekatan yang bersesuaian di dalam mengimbangi peranan kita di selatan Thailand dan hubungan kita dengan Thailand secara menyeluruh bagi memastikan kedua-dua negara akan sentiasa mengekalkan hubungan dan kerjasama yang rapat setiap masa.

Sejak tercetusnya kekacauan dan keganasan di selatan Thailand, Malaysia telah mempertingkatkan kerjasama dengan Thailand, khususnya dari segi keselamatan di kawasan sempadan, ketenteraman awam dan pembangunan sosioekonomi di

kawasan sempadan kedua-dua negara. Bagi mengelakkan wilayah selatan Thailand dari dijadikan sarang kepada anasir-anasir pengganas di rantau ini, kita telah bersama-sama dengan negara-negara ASEAN lain semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientiane pada 29 dan 30 November yang lalu mencapai kata sepakat untuk mempertingkatkan kerjasama antara satu sama lain di dalam menangani masalah keganasan di rantau ini termasuk di selatan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri juga mengambil maklum akan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam a/l Muthiah pada 15 Disember 2004 mengenai pelantikan Duta Besar dari kalangan pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, majoriti duta-duta besar kita yang dilantik pada masa sekarang sememangnya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri. Amalan ini telah dimulakan sejak lama dahulu. Daripada 78 duta-duta negara kita di luar negara, cuma 4 orang sahaja yang bukan daripada kakitangan pentadbiran dan diplomatik daripada Wisma Putra iaitu dua orang ahli politik yang bersara, seorang bekas tentera dan seorang bekas polis. Jadi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mungkin pada masa depan akan bersara masih ada harapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi pada 15 Disember 2004 telah membangkitkan isu terakhir iaitu berkenaan dengan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Singapura pada keseluruhannya adalah baik. Walau bagaimanapun kedua-dua negara sedar bahawa isu-isu tertunggak di antara kedua-dua negara telah sedikit sebanyak menjejaskan peningkatan hubungan baik yang sedia terjalin ini. Atas kesedaran yang demikian, kedua-dua pemimpin dalam pertemuan mereka telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah-masalah tertunggak dan mencari jalan penyelesaian berdasarkan semangat kejiranan dan setia kawan tentang prinsip bahawa sebarang penyelesaian tidak akan memudaratkan dan merugikan mana-mana pihak dan sebaliknya ia akan dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak, dengan izin, *any proposal must not disadvantage the other country and should be mutually beneficial to both countries.*

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebelum ini, kepimpinan baru Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk menyambung semula perbincangan mengenai penyelesaian masalah tertunggak.

Pihak Singapura telah melantik Menteri Kanan, Goh Chok Tong untuk berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana untuk membolehkan Perdana Menteri baru, Lee Hsien Loong mewujudkan satu permulaan baru dengan kata lain, *fresh start* dalam hubungannya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanpa dihalang atau dibayangi oleh isu-isu tertunggak tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah bersetuju terhadap cadangan pelantikan Menteri Kanan Singapura tersebut kerana beliau telah lama mengenali Menteri Kanan, Goh Chok Tong dan berasa selesa untuk berbincang secara terbuka dengan beliau bagi menyelesaikan isu-isu tertunggak demi untuk kepentingan bersama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ada tiga minit lagi. Perbincangan pertama di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Goh Chok Tong telah diadakan tiga hari lepas pada 13 Disember di Putrajaya. Di dalam perbincangan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kanan, Goh Chok Tong telah mengemukakan cadangan masing-masing mengenai penyelesaian isu-isu tertunggak serta garis panduan mengenainya. Kedua-dua pihak bersetuju untuk mengkaji dan menimbangkan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan akan diadakan perbincangan semula dalam tempoh dua bulan ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kanan Singapura telah menegaskan bahawa isu-isu tertunggak yang wujud selama ini tidak sepatutnya menghalang usaha-usaha kedua negara untuk mempertingkatkan lagi kerjasama yang erat di dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembinaan jambatan yang dibangkitkan dalam perbincangan ini, ingin dijelaskan bahawa sebenarnya kedua-dua cadangan mengenai pembinaan jambatan iaitu jambatan yang menggantikan separuh dari Tambak Johor, *Curve Bridge*, dengan izin dan jambatan yang menggantikan seluruh Tambak Johor, *Full Bridge* adalah dibuat oleh pihak Malaysia dan bukan dari pihak Singapura. Kerajaan telah pun secara rasmi mengemukakan cadangan pembinaan tersebut untuk menggantikan seluruh Tambak Johor kepada Kerajaan Singapura pada pertemuan di Putrajaya, 13 Disember yang lepas. Pihak Singapura juga telah berjanji untuk mengkaji dan menimbangkan cadangan pembinaan jambatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan selama tiga hari ini. Dalam perbicaraan saya sebelum ini, saya ada menyebut tentang Yasser Arafat, sebenarnya beliau adalah Allahyarham Yasser Arafat, kalau saya sebut lain, saya minta maaf, Allahyarham Yasser Arafat.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2005, yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Luar Negeri. Saya percaya semua perkara yang telah disentuh, telah pun dijawab.

Saya juga ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Luar Negeri akan mengambil perhatian ke atas semua pandangan, cadangan, usul-usul yang bernas, yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini semasa kementerian menggubal dan melaksanakan Dasar Luar Negara dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan itu. Seterusnya saya menjemput wakil daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

### **3.34 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam memberi banyak pandangan yang berguna dan idea-idea yang bernas serta persoalan-persoalan yang harus dikupas khususnya dalam perbahasan Bajet 2005.

Kementerian amat menghargai di atas minat dan usaha yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pembangunan sektor pertanian dan industri asas tani, yang mana sekarang ini diberi suntikan oleh kerajaan secara serius dan menyeluruh bagi menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Semua cadangan, pandangan dan kritikan yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat kepada kementerian ini amat berguna agar perubahan-perubahan yang positif dan dinamik dapat dibuat secara berterusan dan menyeluruh dalam



pembangunan pertanian dan industri asas tani ke arah yang cemerlang, gemilang dan terbilang di peringkat global. Kerjasama sedemikian ini nescaya dapat mencapai matlamat dan sasaran kita untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan para penternak, nelayan dan petani.

Saya percaya dan yakin kementerian ini dapat memikul tanggungjawab yang besar untuk melaksanakan cita-cita dan dasar-dasar pertanian negara. Kesungguhan dan iltizam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjayakan wawasannya bagi mencetuskan satu revolusi pertanian negara, iaitu dengan peruntukan yang begitu besar kepada sektor pertanian dan industri asas tani sebagai salah satu sumber baru penjana pertumbuhan ekonomi negara yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengagihkan peruntukan berjumlah RM1.3 bilion berdasarkan kepada lapan strategi perbelanjaan seperti berikut;

- (i) meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan pertanian;
- (ii) mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan masyarakat tani keseluruhannya;
- (iii) menarik pelaburan dan penyertaan swasta dalam sektor pertanian dan industri asas tani;
- (iv) memantapkan sistem penyampaian (*delivery system*) dengan izin;
- (v) memperluaskan khidmat sokongan dan pengembangan kepada kumpulan sasar;
- (vi) meningkatkan pematuhan amalan pertanian yang baik;
- (vii) meningkatkan rangkaian pemasaran tempatan dan memperoleh laluan pasaran global; dan
- (viii) membangunkan sumber pertumbuhan baru seperti industri asas tani, ikan hiasan, bunga-bunga dan industri tangkapan ikan laut dalam.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi laluan kepada saya. Apabila Yang Berhormat menyebut laut dalam, saya ingin tahu perkembangan ataupun *progress* yang telah dicapai setakat ini, hasil daripada pengeluaran lesen sebanyak 800 buah

yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha persendirian dan juga syarikat-syarikat yang bertaraf korporat kerana umum mengetahui pengeluaran 800 buah lesen ini sebenarnya tidak mencapai sasaran yang sebenarnya. Sebab itulah saya rasa, dalam usaha dan harapan serta komitmen yang begitu tinggi, yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha menjadikan industri ini sebagai sumber utama ekonomi negara, saya rasa biarlah sesuatu yang dirancang oleh kementerian tidak bersifat bermusim semata-mata, minta penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat yang menyentuh mengenai tangkapan ikan laut dalam. Memanglah Yang Berhormat, dari segi pengagihan lesen kepada 800 pengusaha ini memang kita ada satu *directory* mengenai mereka ini, dan mereka ini juga dipantau dari masa ke semasa dan beberapa *feed back* yang kami dapati khasnya dari segi ini, kalau masalah di Sarawak, mereka telah membangkitkan masalah nelayan *charter* atau yang *charter*, yang mana didapati bahawa mereka ini bukannya menangkap sendiri, tetapi telah menyewakan lesen-lesen ini kepada pengusaha-pengusaha asing khasnya pihak Thailand, yang banyaknya pihak Thailand dan juga Vietnam, tetapi kita juga memantau dan kita telah memberikan *dateline* dan khasnya untuk Semenanjung, sistem *charter* ini sudah dimansuhkan.

Kami di kementerian menggalakkan hanya pengusaha menangkap ikan laut dalam tempatan dan bagi Sabah dan Sarawak dilanjutkan sehingga tahun 2006, sebab memberi masa sedikit untuk mereka ini sama-sama mempelajari bagaimana untuk mengusahakan menangkap ikan laut dalam, tetapi terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim yang telah sedikit sebanyak mengingatkan kami di atas satu lagi, memang perusahaan besar-besaran iaitu penangkapan ikan laut dalam dan untuk makluman Yang Berhormat, memang Yang Berhormat Menteri memberi perhatian yang khusus dari segi segala masalah dan rungutan yang telah diberikan kepada kami khasnya mengenai penangkapan ikan laut dalam. Terima kasih Yang Berhormat.

Di antara aktiviti-aktiviti dan komponen keutamaan kementerian iaitu:

- (i) program khusus bagi mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan penternak, petani dan nelayan;
- (ii) mewujudkan infrastruktur dan peralatan pertanian;
- (iii) khidmat sokongan dan pengembangan;

- (iv) meningkatkan kecekapan, pemasaran dan perolehan laluan pasaran;
- (v) memberi latihan dan khidmat kepakaran; dan
- (vi) peningkatan kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abdul Samad iaitu berkenaan dengan skim pinjaman mikro untuk wanita di mana kemudahan ini diberi kepada golongan wanita dan disalurkan melalui agensi setempat. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya Bank Pertanian telah memberi pinjaman kepada 5,545 orang wanita yang layak di mana nilai pinjaman adalah berjumlah RM55.098 juta ringgit iaitu 31.5% dari bilangan peminjam skim ini dan 27.7% dari jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan. Bank Pertanian dengan 139 cawangannya di seluruh negara telah mampu melaksanakan program ini kepada semua kumpulan yang disasarkan termasuk kaum wanita. Sementara itu kementerian ini melalui Bank Pertanian juga menyediakan latihan serta bantuan kepada petani, penternak dan nelayan yang berminat meneroka bidang-bidang pertanian, penternakan dan perikanan supaya dapat meningkatkan produktiviti dalam menjayakan dasar pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani Tuan Pengiran Hajah Ahmad Rafae menyatakan tentang penghasilan produk-produk baru dari projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kementerian ini dan mengenai pertanian telah diiktiraf sebagai penjana ekonomi negara utama. Oleh yang demikian adalah penting kerjasama dan kesungguhan daripada semua pihak iaitu golongan sasaran hingga ke pegawai peringkat atasan bagi memastikan keberkesanan program atau projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Usaha untuk memajukan sektor pengeluaran makanan, pertanian sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara memerlukan kerjasama dan perkongsian pintar di kalangan kerajaan, masyarakat tani dan usahawan serta pelabur-pelabur tempatan. Peranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ialah untuk menyediakan sistem penyampaian dan khidmat sokongan termasuk insentif dan bantuan kewangan bagi mewujudkan dengan izin *business climate* bagi penglibatan petani, penternak dan nelayan serta usahawan tani bagi membangunkan sektor pengeluaran makanan

pertanian sebagai satu industri setanding dengan industri pembuatan dan perkhidmatan.

Di peringkat kementerian, rangka kerja kerjasama dan perkongsian pintar ini telah diwujudkan dengan penubuhan Panel Penasihat Pembangunan Pertanian. Jawatankuasa Pembangunan Akuakultur, Jawatankuasa Pembangunan Ternakan Negara dan Jawatankuasa Meningkatkan dan Mempelbagaikan Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kementerian ini telah mengadakan mesyuarat Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Yang Berhormat Exco-exco Pertanian bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan pembangunan pertanian negara.

Di bawah program sistem penyampaian dan khidmat sokongan, kementerian menumpukan kepada khidmat nasihat dan aktiviti pengembangan. Tujuan program tersebut adalah untuk meningkatkan pengetahuan kemahiran, pembentukan sikap positif, perubahan minda, memupuk budaya kerja ke arah pembentukan golongan sasaran yang berjaya dan moden dalam bidang pertanian agar ia mengamalkan pertanian baik dengan izin *good agricultural practices* dan sistematik dengan menggunakan teknologi terkini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, di bawah Jabatan Pertanian telah merangka dan melaksanakan projek industri asas tani dan pemprosesan makanan yang mana aktiviti ini telah meningkatkan nilai tambah dan pendapatan para petani secara cepat dan pada masa ini banyak projek sedemikian telah dilaksanakan dan di antaranya ialah projek jerami kompos, projek cendawan, projek sos cili, projek jeruk, projek kerepek ubi atau pisang dan projek kuih tradisional. Projek-projek yang dilaksanakan melibatkan latihan dan bengkel serta pinjaman peralatan bagi memastikan kualiti produk yang dikeluarkan sentiasa di tahap yang tinggi.

Di dalam perancangan tahun 2005 dan Rancangan Malaysia Kesembilan, aktiviti-aktiviti ini akan diberi tumpuan khusus dan dengan peruntukan yang lebih banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat ?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Bagi saya dalam 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau boleh tolong ringkaskan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Minta laluan Yang Berhormat ? Boleh minta laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Datuk Hajah Dayang Mahani, sila.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih kepada kementerian yang memberi jawapan yang panjang lebar dan saya mengucapkan tahniah atas banyak usaha tetapi saya ingin dalam perbincangan saya ada timbulkan tentang masalah tanah, apabila kita memerlukan pembangunan pertanian secara berskala besar yang timbul sekali lagi ialah masalah tanah. Saya ingin bertanya dan bukan saya ingin sahaja bertanya tetapi saya telah bahaskan dalam perbincangan bahawasanya boleh atau tidak tanah-tanah kerajaan yang belum dibangunkan oleh kerajaan disewakan untuk jangka masa yang bersesuaian yang boleh memberikan pulangan kepada pelabur dan mendapat keuntungan sebelum ia digunakan oleh kerajaan? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya itu memang ada di dalam....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Datuk Haji Karim Ghani:** Yang Berhormat... Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat sambung, saya ingin tahu pada ketika ini berjuta-juta hektar tanah yang ditanam dengan kelapa sawit dan boleh digunakan untuk memelihara ternakan. Apakah tidak boleh kerajaan membuat peraturan supaya tanah ini disewakan atau dibenarkan orang memelihara ternakan? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat selepas ini saya akan pergi kepada soal tanah sebenarnya sebab ramai yang bercakap soal tanah sebab itu saya bawa ke belakang sedikit. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh saya mencadangkan supaya jawapan-jawapan yang telah pun diberi semasa soalan lisan tidak perlu diulangi semasa menggulung.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof menyatakan usaha Kementerian Pertanian mengurangkan defisit imbalan perdagangan dalam sektor pemakanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada beberapa strategi yang telah kita rancang untuk kita menurunkan defisit pemakanan iaitu:

- (i) adalah mewujudkan *business climate* dengan izin yang menarik penyertaan dan pelaburan usahawan dan pelabur-pelabur dalam pengeluaran makanan pertanian dan industri asas tani;
- (ii) adalah untuk melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan tani daripada kalangan petani, penternak dan nelayan serta belia-belia;
- (iii) menyediakan kemudahan sistem penyampaian dan khidmat sokongan;
- (iv) meningkatkan laluan pasaran di peringkat antarabangsa bagi menambahkan eksport hasil pertanian negara;
- (v) membangunkan Malaysia sebagai Halal Food Hub dengan izin bagi menambahkan *market share* dalam pasaran makanan halal yang dianggarkan berjumlah US150 bilion.

Mengenai beberapa persoalan dan cadangan berkenaan tanah dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya akan ringkaskan mengenai tanah ini sebab memang sudah kita selalu jawabkan tetapi sebenarnya dan diyakinkan di sini bahawa masalah tanah ini adalah sebenarnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan walaupun demikian memang kita selalu mengadakan satu pakatan atau sinergi supaya kesemua pihak-pihak tertentu akan sama-sama memahami kehendak kementerian ini untuk kita mewujudkan satu kawasan untuk kita mengeluarkan makanan secara berterusan di dalam negara kita.

Jadi, untuk maklumat, memang kita tidak ada hak langsung untuk mengagihkan tanah kepada mana-mana pihak dan terima kasih atas cadangan beberapa Ahli Yang Berhormat tadi. Insya-Allah kita akan cuba menyampaikan melalui beberapa jawatankuasa yang kita telah wujudkan, tetapi ini adalah sebagai contoh.

Pada tahun 2003 Kerajaan Negeri Johor telah meluluskan sejumlah 3,499.49 hektar tanah di kawasan Kluang dan Batu Pahat untuk tujuan Projek Perdana atau projek pertanian moden yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Februari 2004.

Jadi, ini adalah beberapa contoh dan sebenarnya kita telah mengadakan beberapa MOU dengan kerajaan negeri supaya kita dapat beberapa bidang tanah dinamakan di bawah projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di mana kita

telah mengenal pasti 53,523.5 hektar tanah di seluruh negara di mana purata keluasan yang dicadangkan untuk TKPM ini adalah 200 hektar bagi tanaman makanan dan 500 hektar bagi kawasan pembangunan akuakultur. Jadi, ini sebenarnya melibatkan kerjasama tiga pihak iaitu kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga sektor swasta.

Pada masa ini ada 23 TKPM yang telah berjaya dibangunkan di seluruh negara dengan keluasan fizikal 1,849 hektar. Tetapi di antara TKPM yang berjaya, sebagai contoh untuk memberangsangkan kerajaan-kerajaan negeri, ialah di Sekijang, Johor di mana ia mengeluarkan buah-buahan dan sayur-sayuran, TKPM Lojing di Kelantan iaitu sayur-sayuran dan TKPM Serating di Terengganu iaitu buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan.

Mengenai teguran Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee iaitu di lereng bukit Cameron Highlands, jadi permohonan perlu diajukan kepada Pejabat Tanah Cameron Highlands dan kajian akan dibuat oleh pihak pejabat tanah sama ada sesuatu permohonan ini akan dipertimbangkan atau tidak dan penglibatan kementerian adalah setakat kita memberi ulasan daripada jabatan pertanian berdasarkan kesesuaian sesuatu kawasan itu.

Menjawab soalan dari Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu iaitu berkenaan dengan umur petani yang semakin meningkat dan transformasi pertanian negara perlu mengambil kira tumpuan kepada generasi muda, memanglah kita juga mengakui memang umur petani-petani kita meningkat dan pelbagai program telah kita susun untuk dilaksanakan. Antaranya ialah:

- (i) untuk memesatkan latihan belia di institusi pertanian di mana belia-belia yang telah menjalani kursus dua tahun di institusi pertanian seterusnya didedahkan dengan pengalaman *hands-on* di pusat-pusat inkubator yang menyediakan kemudahan teknologi tinggi dan mereka akan diberi keutamaan untuk menyertai dalam projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM);
- (ii) terdapat juga belia yang dipilih untuk mengikuti di bidang pertanian di negara Jepun melalui program kerjasama kedua-dua negara. Program yang dimulakan pada tahun 1985 ini telah melatih seramai 229 orang belia;

- (iii) penyediaan satu pelan induk bagi membangunkan Kolej Pembangunan Malaysia di Kedah. Pelaksanaan kolej ini nanti akan melahirkan usahawan tani dan tenaga kerja profesional di bidang pertanian;
- (iv) institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini akan diminta untuk sama-sama meneliti semula pengajian dalam bidang pertanian yang disediakan pada waktu ini supaya selari dengan keperluan pihak swasta dan organisasi awam; dan
- (v) usaha akan dipertingkatkan untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian sebagaimana mereka berminat menyertai sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Jadi kita ada beberapa program termasuklah mungkin mengadakan *game show* di TV dan tidak lama lagi kita akan mengadakan satu muzikal yang dinamakan muzikal tani. Kita mempelbagaikan untuk menarik minat golongan-golongan muda.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Sedikit sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila menyebut tentang program di TV, adakah kementerian terlibat di dalam pembikinan filem yang diberi nama "Mahligai Gading" yang ada kaitan dengan pertanian. Sekarang ini ada lebih dari 300 siri yang diterbitkan oleh Kementerian Penerangan. Jika itu benar adalah satu ruang yang terbaik untuk kementerian melibatkan diri memberikan fakta-fakta yang boleh kita angkat kementerian ini dalam program-program yang akan memakan masa, saya kira, tiga tahun untuk program ini. Kebetulan saya berlakon dalam filem ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin. Kita biasa melihat beliau di TV. Ini melihat secara hidup-hidup, *live [Ketawa]*. Saya tidak berapa pasti, Yang Berhormat Datuk, tetapi kalau itulah cadangan Yang Berhormat saya rasa itu adalah satu kepelbagaian yang kita harap-harapkan untuk kita mempromosikan lagi minat terhadap bidang pertanian. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri mengenai masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil kelapa yang telah membuat persiapan termasuk menebang pokok kelapa tua dan dijanjikan akan diberi bekalan benih oleh kerajaan, tetapi benih kelapa baru sehingga kini belum dibekalkan.



Mengenai petani-petani yang mempunyai tanah sawah tetapi tidak mendapat kemudahan pengairan dan kerjasama dari pihak tertentu, kepada Yang Berhormat, Jabatan Pertanian memberi tumpuan pemulihan kawasan kelapa di tiga daerah utama iaitu di Hilir Perak, Sabak Bernam dan Batu Pahat untuk dipulihkan dengan kelapa *hybrid* jenis matang. Pada peringkat awal program ini iaitu pada tahun 1999 hingga 2000 jabatan memang menghadapi masalah mendapatkan bekalan benih kelapa matang. Walau bagaimanapun, perjanjian bekalan anak benih kelapa ini telah ditandatangani dengan United Plantations untuk membekalkan 720 ribu anak benih kelapa matang dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan bekalan tiada bermasalah lagi.

Kementerian menyediakan peruntukan untuk pembangunan kemudahan pengairan bagi petani-petani mengusahakan tanah mereka untuk tanaman makanan. Peruntukan tersebut meliputi pembangunan sistem pengairan untuk tanaman padi di lapan kawasan jelapang padi negara dan juga di kawasan padi luar jelapang yang menukar tanaman dari padi kepada tanaman makanan lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan selaras dengan dasar kerajaan menumpukan pengeluaran padi di lapan jelapang padi utama.

Selain daripada itu ia juga disediakan kepada petani bagi melaksanakan aktiviti pertanian yang bercorak komersial yang mempunyai pelan pembangunan yang berdaya maju menerusi pelaksanaan secara MOA Incorporated. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM65 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan kemudahan pengairan dan dari jumlah itu sehingga tahun 2004 sebanyak RM2.9 juta telah diperuntukkan kepada projek-projek pengairan tersebut.

Menjawab persoalan atau cadangan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng untuk mengadakan kajian menyeluruh bagi mempergiatkan lagi aktiviti pertanian dan agar Malaysia menjadi pengeksport makanan utama. Terima kasih Yang Berhormat, itu adalah saranan yang begitu baik. Sebenarnya kita berkongsi bersama dengan pendapat Yang Berhormat, dan ada beberapa kajian yang telah kita jalankan untuk memantapkan lagi pembangunan pertanian.

Yang pertama kita membuat bancian pertanian secara besar-besaran untuk mewujudkan pangkalan data bagi sektor pertanian. Sebab apa-apa dari segi perancangan memerlukan pangkalan data yang menyeluruh. Keduanya kita mengadakan kajian pemodenan teknologi petani, penternak dan nelayan, iaitu untuk

kita mengenal pasti tahap penerimaan, pemindahan teknologi daripada petani, penternak dan nelayan, supaya mereka menggunakan *good agricultural practices*, *quality control*, mekanisasi..

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Mohon laluan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** pengurusan air...

**Timbalan Yang di-Pertuan:** Yang Berhormat, sila habiskan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Habis?.

Dan ketiga adalah kempen menggunakan *good agricultural practices*. Sebab kita hendak pengeluaran pertanian kita menepati satu standard yang diterima di luar negara. Selepas itu insya-Allah kita akan mengeluarkan buku hijau iaitu mungkin berteraskan buku merah dahulu.

Kita ada mengadakan kajian *competitiveness* iaitu untuk menentukan status negara kita dari segi daya saing kalau kita berbanding dengan negara-negara lain. Jadi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah banyak membantu kami dari segi memberi pandangan yang begitu baik dan bernas. Insya-Allah kita berharap bahawa dengan adanya pandangan ini kita sama-sama dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing produk pertanian kita selaras dengan harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Di atas persetujuan suka sama suka dengan Kementerian Penerangan, seterusnya saya menjemput Kementerian Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### **4.01 ptg.**

**Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan isu-isu yang telah dibawakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia sedang menggubal satu akta khas yang dipanggil Akta Pertubuhan Belia. Akta ini digubal dan akan dibentangkan pada tahun hadapan mengenai isu tentang belia-belie yang sepatutnya berada di dalam persatuan belia, sepatutnya berada di dalam umur di bawah 40 tahun. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian

sebenarnya tidak adalah bukti kukuh, bahawa antara sebab lesunya persatuan belia disebabkan ahli-ahli persatuan ada yang berumur lebih 40 tahun. Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, antara sebab kelesuannya persatuan-persatuan belia lebih kepada arah cabaran dan tarikan kepada golongan belia hari ini berbeza dengan belia pada 10 dan 20 tahun yang lepas.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, bagi pihak kerajaan kita menyedari jumlah belia yang ada di bawah umur 40 tahun ialah 9.8 juta orang. Daripada jumlah sedemikian, hanya 2.8 juta orang yang berminat untuk menjadi ahli persatuan belia, walhal 7 juta orang yang ada tidak berminat untuk menjadi ahli persatuan belia. Oleh sebab yang demikianlah, maka kewujudannya Program Rakan Muda adalah antara salah satu daripada cara untuk memberikan aktiviti kepada golongan belia kita terutama sekali kepada mereka yang berada di bawah umur 15 tahun hingga 25 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga tidak menafikan bahawa pejabat-pejabat belia dan sukan di daerah-daerah ada di dalam keadaan yang begitu daif. Perkara yang telah ditimbulkan ini, kementerian melihat adalah satu perkara yang amat penting untuk dilihat terutama sekali di dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan supaya program untuk meningkatkan taraf pejabat-pejabat belia dan sukan daerah perlu dijadikan *priority* pada kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 10 Ogos 2004, ialah satu pelan tindakan yang telah mengenal pasti 11 teras untuk dibangunkan, untuk memberikan kekuatan kepada belia yang tidak berpersatuan dan juga yang berpersatuan. Antara 11 teras tersebut adalah:

- 1) Teras Pembangunan Ekonomi.
- 2) Teras Pembangunan Sosial.
- 3) Teras Pembangunan Sumber Manusia.
- 4) Program Rakan Muda.
- 5) Teras Sistem Penyampaian.

- 6) Teras Peranan Media dan Komunikasi.
- 7) Teras Peranan Pertubuhan Belia.
- 8) Teras Pembangunan Belia Tidak Berpersatuan.
- 9) Teras Pembangunan Kepimpinan .
- 10) Teras Penyelidikan dan Pembangunan.
- 11) Teras Politik dan Integrasi Nasional.

Bagi pihak kementerian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita melihat belia adalah aset kepada negara dan kerajaan. Kementerian khasnya mengakui adalah perlu menjadi *priority* kementerian untuk memberikan program penekanan kepada aset negara ataupun dipanggil dengan izin, *human capital* iaitu belia-belia kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kementerian, dengan strategi kementerian yang akan datang ialah untuk menyusun beberapa tindakan utama yang akan memberikan impak yang meluas kepada program-program pembangunan belia. Antara tindakan yang penting yang sedang dilaksanakan ialah:

Yang pertama, penyusunan semula pembangunan belia di peringkat akar umbi. Penyusunan semula program ini melibatkan beberapa tindakan yang begitu drastik untuk memantapkan keberkesanannya pelaksanaan program-program kerajaan terutama sekali Program Rakan Muda. Antara usaha yang sedang dan akan dilaksanakan ialah kewujudan pasukan penggerak Rakan Muda. Mereka ini terdiri daripada generasi-generasi belia remaja kita yang di bawah umur 25 tahun, yang dilantik secara kontrak oleh pihak kementerian. Antara tujuan utama tugas-tugas mereka ialah untuk menjalankan program-program dengan izin, Tuan Yang di-Pertua digunakan ayat *catalysis* - pemangkin kepada generasi-generasi belia terutama sekali yang tidak berpersatuan. Bagi pihak kementerian kita melihat bahawa belia hari ini lebih bersemangat jikalau program-program dilaksanakan oleh orang muda untuk orang muda.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah kewujudannya pembangunan persatuan dan badan-badan belia yang berdaftar di bawah kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu Menterinya pun muda.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Oh! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak begitu muda Tuan Yang di-Pertua. Sudah umur 40 tahun, terpaksa meninggalkan Puteri UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan persatuan belia dan badan-badan belia yang berpersatuan sebenarnya yang didaftarkan. Dalam perancangan kerajaan Akta Pembangunan Belia yang diharap dibawakan sebagai rang undang-undang pada tahun hadapan ialah untuk mendaftarkan senarai semua persatuan belia di bawah Daftar Belia Kementerian. Ini adalah supaya isu-isu bahawa persatuan itu lesu ataupun persatuan disalahgunakan oleh individu-individu tertentu dapatlah dikawal dan ditegur pada peringkat yang begitu awal.

Keupayaan persatuan belia yang dimainkan oleh kementerian hari ini lebih kepada bantuan kewangan dan juga mengendalikan bersama program-program, tetapi seperti yang dinyatakan awal tadi hanya belia yang berpersatuan seramai 2.8 juta orang yang mendapat manfaat daripada program tersebut, walhal belia yang sebanyaknya 7 juta orang inilah sebenarnya jumlah belia yang sering kali tidak dapat dikesan dan tidak diketahui di mana mereka.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan kementerian juga adalah menentukan terutama sekali dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah supaya pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar diberikan kemahiran. Kemahiran mereka bukan sahaja dalam aspek pengurusan, tetapi kemahiran untuk menjalankan program secara teratur dan kemahiran untuk diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan persatuan.

Kementerian tidak menafikan terdapatnya bukti bahawa belia-belia di bawah persatuan belia adalah lebih berjaya daripada belia-belia yang tidak di dalam persatuan belia, tetapi sayang seribu kali sayang minat belia kita hari ini tidak pada persatuan belia.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang pembangunan kemahiran. Bagi pihak kementerian kami tertarik benar dengan apa yang disebut oleh wakil dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berkenaan dengan Program-program Belia Tani. Itu menjadi pendekatan kementerian pada hari ini juga terutama sekali kepada pendekatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan pertanian sebagai asas kepada pembangunan ekonomi negara kita. Walau bagaimanapun, kementerian mengakui tidak semua belia di luar sana

mempunyai lulusan seperti yang dituntut oleh akademi, universiti dan kolej-kolej swasta. Banyak belia kita di luar sana yang menganggur lebih kerana tidak mempunyai dengan izin, *passing rate* yang baik di lulusan SPM khasnya. Itu sebabnya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) telah dibina di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan pada tahun hadapan di segi bajet wujudnya bajet untuk mengemaskinikan belanjawan bagi pembinaan IKBN tersebut.

IKBN ini sebenarnya berjaya untuk memberikan kemahiran kepada belia-belia kita terutama sekali dalam aspek penguasaan teknologi-teknologi baru yang dituntut seperti teknologi-teknologi *source skill*, dengan izin dan juga dalam aspek *mechanical* dan *automotive*, dengan izin. Dalam hubungan ini kementerian melihat banyaknya penekanan kepada program-program kemahiran kepada belia, memberikan mereka minat yang begitu mendalam dan kursus-kursus yang ditawarkan oleh kementerian tidaklah begitu lama seperti kursus-kursus di universiti dan di kolej-kolej tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada tahun hadapan kementerian berhajat untuk mewujudkan IKBN yang akan dibina untuk diwujudkan dalam pendekatan menawarkan kursus-kursus pertanian, khasnya untuk mewujudkan belia tani seperti juga yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian.

Untuk maklumat tambahan, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Belia dan Sukan akan mengunjungi Kementerian Pertanian untuk menjalankan program bersama.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu sukan pula, kementerian ingin menyatakan kita mengucapkan terima kasih....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri yang hari ini datang dengan begitu cantik sekali *colour* yang dia pakainya.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya dengar pasal isu belia tadi, tadi Yang Berhormat ada sebut kebanyakan belia-belia inginkan program-program belia dijalankan di peringkat belia sendiri. Apa kriteria belia itu sendiri yang saya inginkan penjelasan kerana ada persatuan-persatuan yang dipimpin oleh bukan belia saya rasa. Saya pun tidak tahu apa maksud belia itu? Adakah umur itu yang menggariskan belia umur 40, 50 atau 60 ataupun belia yang maknanya asalkan orang itu berjiwa muda dia

boleh dipanggil belia. Jadi saya hendak tanya itulah, Yang Berhormat. Sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kategori dan definisi belia ini banyak kepada peringkat umur 40 tahun ke bawah dan ini sebenarnya kadang-kadang menjadi satu pertikaian sebab ada yang lebih 40 tetapi berjiwa belia, ada yang bawah 40 tahun tetapi berjiwa orang tua, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sebenarnya apa yang ditekankan oleh kementerian ialah kementerian mengakui antara cabaran yang paling besar, Tuan Yang di-Pertua, ialah pegawai-pegawai kementerian pun ramainya bukannya belia-belia pula. Mereka juga “belia-belia” yang pernah menjadi belia tetapi sekarang ini menjadi belia yang tua, Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, dengan wujudnya Institut Penyelidikan Negara dengan kebenaran Yang Amat Berhormat, ini adalah satu institut di mana kajian harus dilaksanakan oleh kementerian sebelum apa-apa program untuk program belia di laksanakan. Kementerian menyedari bahawa belia hari ini berbeza dengan belia 10 tahun yang lepas. Cabaran belia berbeza dengan cabaran belia yang dahulu. Itu sebabnya kajian-kajian akademik, *survey* ataupun *gallipoli*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, harus dilaksanakan. Kementerian menyedari bahawa cabaran kementerian yang paling besar adalah supaya program-program yang dikendalikan bukan dihadiri oleh belia-belia yang sama tetapi sebenarnya dihadiri oleh mereka yang berminat dalam semangat untuk menjadi belia berwawasan bagi negara.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ingin saya melanjutkan...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit. Saya ada dua soalan, pada Yang Berhormat Menteri yang hadir. Daripada keterangan Yang Berhormat bahawa persatuan belia itu menjadi lesu bukanlah daripada had umur seperti yang dikatakan tadi. Dua hari yang lepas saya telah membuat kenyataan bahawa umur merupakan salah satu faktor yang menjadikan persatuan belia itu lesu. Jikalau data serta *gallipoli* yang telah dibuat ataupun belum dibuat lagi telah pun diambil sebagai satu panduan, jadi saya memohon maaf dalam Dewan yang mulia ini kalau ianya merupakan satu benda yang tidak betul iaitu umur merupakan dan menyebabkan kelesuan sesuatu persatuan belia.

Soalan yang keduanya iaitu berkait sama dengan jumlah belia yang berpersatuan iaitu 2 juta lebih. Berapa peratuskah daripada bangsa-bangsa yang lain

selain daripada orang-orang Melayu yang menyertai di dalam persatuan belia ini? Kebanyakannya yang saya faham di kalangan orang-orang Melayu sahaja. Cara mana boleh dipertingkatkan penyertaan mereka ini? Sekian terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan, sekali jawab sahaja, boleh? Dalam penjelasan Yang Berhormat tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cumanya...minta Yang Berhormat Siti Zailah duduk dahulu. Cumanya saya ingin mengingatkan masih lapan belas kementerian belum menjawab. Kalau masing-masing mengambil masa 10 minit 180 minit, maka 3 jam dari sekarang, maka pukul 8 malam boleh kita tangguh. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja iaitu daripada penjelasan Yang Berhormat di antara strategi kementerian untuk pembangunan belia, saya tidak nampak dari segi pembangunan rohani untuk memantapkan jiwa belia, untuk memantapkan akhlak belia. Jadi di mana kedudukannya dalam perancangan belia setakat ini?

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bagi pihak kementerian berkenaan dengan umur yang dinyatakan pada awal tadi untuk penerangan secara khusus ialah kita tidak menafikan kemungkinan umur yang menyebabkan persatuan belia tadi diminati kerana kepimpinan tidak di bawah 40 tahun. Tetapi kementerian menyatakan bahawa pada hari ini tidak ada bukti kukuh atau kaitan begitu kukuh bahawa kerana umur kepimpinan di lebih 40 tahun yang menyebabkan persatuan itu lesu.

Itulah sebabnya institut pendidikan belia harus dilaksanakan dan kementerian telah mengarahkan institut untuk mengendalikan *survey*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin, kepada ahli-ahli belia-belia yang tidak berpersatuan dalam soal selidik termasuk pertanyaan apakah sebab tidak minat berpersatuan disebabkan oleh kepimpinan. Ataupun adakah disebabkan umur? Itu akan menjadi salah satu daripada soal selidik yang akan dipertekankan. Bagi kementerian sebelum Akta Belia harus di bawah ke Parlimen tahun hadapan, Tuan Yang di-Pertua, perlulah kita menjalankan kajian secara terperinci supaya kita tidak melusuhkan lebih persatuan belia, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan isu bangsa daripada 2.8 juta memang tidak dinafikan majoriti terdiri daripada orang Melayu yang minat berpersatuan. Walau bagaimanapun, persatuan-persatuan belia bukan Melayu yang ada pada hari ini pun



begitu aktif, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kadang-kadang aktif mereka mungkin tidak melalui persatuan belia tetapi juga melalui persatuan-persatuan kebajikan dan juga persatuan-persatuan sukan. Bagi pihak kementerian, kami berharap bila institut ini menjalankan kajian Insya-Allah soalan-soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dapatlah dikeluarkan secara terperinci.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat tentang isu rohani, memang ini dinyatakan menjadi keutamaan kementerian dalam mengendalikan program tentang akhlak. Antara kursus di Institut Kemahiran Belia Negara sebagai contoh, program akhlak adalah program yang diutamakan. Kementerian tidak pernah sama sekali dalam membenarkan belia mengendalikan aktiviti dibenarkan tanpa adanya garis panduan ke arah akhlak dan rohani yang mulia, Tuan Yang di-Pertua.

Diminta izin untuk menyambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Berkenaan dengan isu sukan, Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin menyatakan tentang sukan bola sepak. Ingin ditekankan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa mana-mana pemain ataupun jurulatih luar negara, pembiayaan gaji jurulatih-jurulatih tempatan sekali pun adalah diuruskan oleh persatuan Bola Sepak Malaysia ataupun FAM dengan pihak Kerajaan Negeri. Pihak kementerian tidak terlibat di dalam membiayai mana-mana pemain ataupun jurulatih terutama kalau mereka jurulatih import.

Bagi menjawab persoalan yang ditanya, Tuan Yang di-Pertua, kementerian dimaklumkan bahawa pemain-pemain profesional tempatan di dalam sesuatu Persatuan Bola Sepak dibayar gaji tidak melebihi RM8, 000 sebulan manakala bagi pemain-pemain dari luar dibayar gaji tidak melebihi RM20, 000. Ini ialah hubungan antara persatuan dengan pemain, Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian ingin memaklumkan bahawa usaha-usaha mencungkil bakat-bakat baru di dalam bidang sukan akan menjadi fokus kepada kementerian. Kementerian melihat terutama sekali penekanan Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri, penekanan bersama Kementerian Pelajaran dan Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan, untuk melaksanakan beberapa program-program khusus untuk mencungkil bakat anak-anak Malaysia pada hari ini. Program-program seperti program mengenal pasti bakat, program mencari bakat dan program latihan atlet

sentiasa dilaksanakan oleh kementerian. Kementerian ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini kementerian bercadang pada tahun hadapan untuk menyebarkan antara carian bakat-bakat baru kepada masyarakat Orang Asli memandangkan bagi kementerian mereka mempunyai kemahiran semula jadi yang dapat membantu atlet negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, saya mohon penjelasan mengenai adakah Yang Berhormat sedar hampir keseluruhan ahli-ahli sukan negara yang terserlah bakatnya dan kejayaan mereka berpunca sebahagian besar asuhan ibu bapa mereka, contohnya, keluarga Misbun Sidek, keluarga Roslin dan lain-lain termasuk perenang negara.

Jika Yang Berhormat sedar, pernahkah Yang Berhormat memanggil dan mengumpul mereka untuk mendapat pandangan dan pengalaman mereka bagi tujuan memajukan sukan negara? Terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak pernah menafikan peranan ibu bapa dalam perkembangan bakat-bakar baru, tetapi pada hari ini daripada laporan Majlis Sukan Negara, kebanyakan ibu bapa apabila ingin anak mereka pergi jauh kepada sukan, memikir dua tiga kali memandangkan bahawa karier di dalam sukan di negara kita tidaklah begitu menyerlah. Itu sebabnya Jawatankuasa Kabinet yang telah ditubuhkan baru-baru ini yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, keseluruhan 15 orang Menteri-menteri Kabinet bersetuju bahawa jikalau isu masa hadapan anak-anak kita tidak diselesaikan apabila mereka mahu beraktif dalam bidang sukan, Malaysia tidak akan mempunyai atlet-atlet baru.

Walaupun ibu bapa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah ibu bapa yang dilihat sebagai mempunyai sikap yang terbuka dan ingin menyokong anak mereka, ibu bapa tersebut adalah dalam kategori yang minoriti. Saya sendiri sebagai Menteri Belia dan Sukan sering mendapat surat daripada mereka menyatakan bahawa mereka memerlukan lebih banyak bantuan kewangan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya kerajaan ingin menekankan, kita harus pergi kepada bakat-bakat baru, bukan bakat-bakat baru pergi kepada persatuan. Apa yang hendak dirancang ialah kewujudannya kelab-kelab sukan di peringkat akar umbi. Ini dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan bahawa Sukan

Malaysia yang dikendalikan setiap dua tahun di setiap negeri di mana 13 negeri mempertandingkan sukan-sukan, tidak mencukupi untuk mendapat atlet-atlet baru kerana sukan itu hanya dua tahun sekali dan jenis-jenis sukan yang tertentu. Itulah sebabnya Kabinet mengarahkan kementerian melihat kepada kewujudannya pertandingan sukan di dalam daerah, pertandingan sukan di peringkat antara daerah, pertandingan sukan di dalam negeri dan pertandingan sukan di antara negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ini bererti, jikalau jumlah Parlimen kita 219 dan jumlah Dewan Undangan Negeri kita yang begitu banyak dan jumlah daerah-daerah yang kita ada, kementerian yakin di luar sana adanya bakat-bakat baru. Yang diperlukan ialah bantuan daripada kementerian untuk membantu mereka dalam mewujudkan kelab-kelab sukan dan diadakan pertandingan supaya kita mencari bakat-bakat mereka.

Memang kita tidak menafikan ibu bapa memainkan peranan yang penting, tetapi ibu bapa ini perlu diperkenalkan kepada budaya sukan, yang ada tidak mencukupi. Kerana kalau ibu bapa tidak memahami budaya sukan mereka tidak akan menggalak anak mereka untuk bersukan sama ada bagi diri sendiri ataupun bagi negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Sedikit lagi kalau tidak ditanya, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin menyatakan bahawa Jawatankuasa Kabinet yang telah diwujudkan menekankan kepada beberapa perubahan untuk pembangunan sukan. Antaranya ialah:

- (i) program sukan untuk semua demi kecergasan kesihatan dan perpaduan diwujudkan melalui Majlis Kecergasan Kebangsaan yang adanya hubungan antara tiga kementerian dan satu jabatan. Kementerianya ialah Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perdana Menteri di Bahagian Jabatan Perpaduan. Konsep Majlis Kecergasan Kebangsaan ialah untuk mewujudkan budaya sihat, cergas dan bersatu bagi semua rakyat Malaysia;
- (ii) kewujudan kedua ialah pendekatan Pembinaan Kompleks Sukan Komuniti. Kompleks Sukan Komuniti akan dibina di semua

Dewan Undangan Negeri dan Kawasan-kawasan Parlimen di dalam perekeran tidak lebih daripada 2.5 ekar. Objektifnya Kompleks Sukan Komuniti ini jika di bina dengan banyaknya akan memberikan peluang bagi atlet-atlet di kawasan luar bandar untuk menyerlah berbanding dengan membina stadium-stadium besar di dalam sesebuah negeri yang memakan belanja beratus juta tetapi tidak dapat menampung seluruh rakyat dalam negeri tersebut;

- (iii) kewujudan Akademi Sukan - kerjasama antara kementerian, Majlis Sukan Negara dan kerajaan negeri. Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar tidak mencukupi untuk menampung bakat-bakat baru. Oleh sebab itu kementerian melihat bahawa Akademi Sukan perlu diwujudkan di setiap negeri kerana adanya bakat-bakat di negeri dan tak payahlah anak-anak dihantar luar daripada negeri tersebut;
- (iv) penyediaan "*Blue Print*", dengan izin. "*Blue print*" baru pembangunan sukan, yang dinyatakan dengan penekanan kepada kegunaan *sports science*, dengan izin kepada pembangunan sukan. *Sports science* ini ialah di mana Institut Sukan Negara akan menggunakan lebih ramai pakar-pakar dalam bidang sains disebabkan kejayaan banyak atlet di Sukan Olimpik Athens baru-baru ini disebabkan perubahan sains dan teknologi. Kemungkinan kemahiran kita ada tetapi disebabkan pendekatan baru di dalam sains yang kadang-kadang menyebabkan atlet kita ketinggalan; dan
- (v) penstrukturan semula Majlis Sukan Negara ialah supaya adanya wakil Majlis Sukan Negara di setiap negeri supaya dapat menentukan pembangunan sukan oleh Majlis Sukan Negeri dengan kerjasama Majlis Sukan Negara dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, Kementerian Belia dan Sukan berpendapat bahawa Bajet 2005 adalah suatu bajet yang praktikal. Kementerian Belia dan Sukan akan berusaha memenuhi hasrat yang telah digariskan dan kerjasama

daripada semua pihak amatlah dialu-alukan demi memartabatkan belia sebagai tiang negara dan pemimpin masa hadapan negara.

Kementerian juga berharap sukan yang akan diletakkan dalam pendekatan yang baru ini akan memberikan kejayaan kepada rakyat Malaysia bukan sahaja menyebabkan generasi belia kita cemerlang kepada sukan tetapi, membuatkan negara Malaysia di sanjung dunia sebagai sebuah negara yang Cemerlang, yang Gemilang dan juga Terbilang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sumber Manusia.

**2.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff telah membangkitkan isu pengangguran siswazah serta ingin mengetahui apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia bagi mengurangkan pengangguran di kalangan siswazah yang dikatakan meningkat sehingga 70,000 orang serta sebab-sebab kerajaan membenarkan import tenaga kerja daripada luar negara.

Pertamanya, saya ingin bertanya balik kepada Yang Berhormat Senator, di manakah angka 70,000 itu didapati? Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah.....

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Terus, ya? Angka ini saya dapat daripada jawapan Dewan Negara dalam persidangan sesi ini.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sebab yang saya tanya tadi membawa maksud yang berdaftar dengan kita atau keseluruhannya?

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Keseluruhannya.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Baik, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah pengangguran terutama di kalangan

siswazah. Antaranya ialah pertamanya, mengadakan pendaftaran dan penempatan pencari kerja. Pada masa ini aktiviti dilaksanakan secara *on-line* melalui sistem penjodohan kerja di bawah projek *Electronic Labour Exchange* (ELX). Melalui kaedah ini pencari kerja boleh membuat pendaftaran dari rumah melalui internet. Di samping itu, penganggur juga boleh hadir di mana-mana pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan untuk membuat pendaftaran.

Di samping itu, kementerian ini juga melalui Jabatan Tenaga Kerja menganjurkan "Pesta Pekerjaan" (*Job Fair*) Pesta ini bertujuan membantu pencari kerja memperolehi pekerjaan dengan cepat di mana pihak majikan akan mengadakan temu duga secara terus pada hari pesta dianjurkan.

Kementerian ini sedar akan peranan yang boleh dimainkan oleh agensi pekerjaan swasta dalam usaha untuk mendapatkan pekerjaan kepada pencari kerja. Oleh itu Jabatan Tenaga Kerja telah mengeluarkan lesen kepada agensi pekerjaan swasta bagi membolehkan mereka menjalankan pendaftaran dan penempatan pencari kerja secara aktif. Pada masa ini terdapat sebanyak 1,640 agensi pekerjaan swasta yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

Sehubungan itu, Jabatan Tenaga Kerja juga sedang dalam perbincangan bagi mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat, agensi-agensi pekerjaan swasta dalam usaha penempatan pencari kerja supaya ia dilakukan dengan lebih berkesan lagi. Selain daripada itu, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja juga merancang untuk menganjurkan Program Bimbingan Diri kepada pencari kerja dari segi keterampilan termasuk golongan siswazah. Program ini dijangka dapat meningkatkan *value* dan imej pencari kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad juga telah melaksanakan Skim Latihan Graduan mulai 25 November 2001 dengan peruntukan sebanyak RM140 juta. Skim latihan ini bertujuan untuk membantu dan melengkapkan para graduan yang menganggur dengan kemahiran yang diperlukan oleh majikan. Setakat ini kementerian telah melatih lebih 21,000 orang graduan.

Para graduan yang mengikuti latihan di bawah skim ini dilatih dalam bidang-bidang kemahiran seperti berikut:

<b>Kemahiran</b>	<b>Pencapaian (%)</b>
Program Pembangunan Eksekutif	18
Bahasa Inggeris	29
Jualan dan Pemasaran	1
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	37
Perisian Komputer	17
Perakaunan dan Perniagaan	2

Bahasa pengantar yang digunakan adalah Bahasa Inggeris. Di samping bidang-bidang kemahiran utama yang dinyatakan di atas, latihan juga diberikan di bawah skim latihan ini, memberi tumpuan kepada kemahiran bekerja yang diperlukan oleh majikan seperti kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris yang pada masa ini digunakan secara meluas di sektor swasta. Kemahiran menganalisis, keterampilan dan keyakinan diri pada graduan. Kemahiran-kemahiran ini telah memberi nilai tambah dan kelebihan yang besar kepada para graduan kerana ia berupaya meningkatkan keyakinan mereka untuk bekerja di sektor swasta. Majikan-majikan juga memerlukan pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran tersebut dan ini boleh meningkatkan peluang graduan mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 2 Ogos 2004, sebagai satu projek perintis bagi melatih graduan dalam bidang teknologi maklumat, seramai 118 orang graduan IT telah dipilih untuk mengikuti latihan dalam bidang pembangunan perisian yang diberi nama PSMB, *Aptech Certified Computer Professional*, dengan bantuan kewangan sejumlah RM1.98 juta. Para graduan akan diberi latihan praktikal di tempat kerja selama tiga bulan selepas menamatkan latihan. Setelah menamatkan latihan para graduan ini berupaya membangun perisian komputer. Sambutan yang diterima daripada majikan sangat menggalakkan dan hampir keseluruhan daripada pelatih-pelatih ini telah pun dipilih oleh majikan berkenaan bagi latihan di tempat kerja dan seterusnya akan mengambil mereka bekerja. Oleh itu program ini akan dilanjut dan diteruskan pada masa-masa akan datang dengan lebih luas dan besar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa memantau perkembangan dan mobiliti pekerja dalam negara. Ini bertujuan memastikan tidak berlaku limpahan pekerja asing sehingga menjejaskan peluang pekerja tempatan. Pantauan ini dibuat boleh dikatakan saban minggu. Kementerian sentiasa memastikan bahawa kemasukan pekerja asing adalah berdasarkan keperluan kemasukan pekerja asing, adalah disebabkan keperluan bagi menjalankan aktiviti-

aktiviti ekonomi dan pembangunan negara terutama dalam sektor yang berintensifkan buruh. Antara sektor utama yang berintensifkan buruh sebagaimana yang saya sebut dalam jawapan di Dewan yang mulia ini adalah:

- (i) pembuatan;
- (ii) perladangan;
- (iii) pembinaan; dan
- (iv) perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, negara menghadapi kekurangan tenaga kerja tempatan yang sanggup bekerja dalam sektor yang dikategorikan sebagai 3D iaitu:

- (i) *dangerous*;
- (ii) *dirty*; and
- (iii) *difficult*.

Yang membawa maksud bahaya, kotor dan juga susah seperti sektor-sektor yang telah saya sebutkan tadi. Ini menyebabkan sebahagian besar pekerja binaan adalah terdiri daripada pekerja-pekerja asing, begitu juga pekerja dalam bidang perladangan, dalam bidang pembinaan dan juga perkhidmatan. Kajian yang dijalankan, kementerian mendapati tenaga kerja tempatan tidak begitu berminat untuk bekerja dalam sektor ini dan memilih untuk bekerja dalam sektor lain. Oleh hal yang demikian boleh dikatakan lebih daripada 80% pekerja-pekerja asing adalah terlibat dalam bidang ini yang mencecah angka hampir sejuta orang.

Tuan Yang di-Pertua, pihak KSM juga akan berbincang dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha memastikan penawaran kursus di kolej-kolej, di universiti-universiti selari dengan kekosongan kemahiran, kepakaran sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahajalah, bagi Ahli-ahli Senator yang lain, yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia.....

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Minta laluan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, sila.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak minta penjelasan. Kami tahu bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa prihatin mengenai soal nasib pekerja negara. Apakah ada jaminan dan usaha



untuk para pekerja senantiasa dilindungi dari aspek keselamatan dan aspek kesihatan? Apakah negara kita masih dianggap di bawah kawalan, dengan izin, *under control* dalam soal kemalangan industri ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. soalan itu adalah merupakan soalan yang cukup baik. Ya, sebenarnya pihak Kementerian Sumber Manusia, Kerajaan Malaysia ini sentiasa memberikan perhatian dan juga keprihatinannya kepada pekerja-pekerja di Malaysia ini. Pekerja-pekerja di negara kita lebih kurang 10.2 juta orang, dan mereka yang berdaftar dengan PERKESO ialah sebanyak 4.4 juta orang. Oleh hal yang demikian, beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil. Di antaranya kita mewujudkan satu skim yang dinamakan Skim PERKESO, iaitu Skim Insurans Kemalangan, sama ada kemalangan dengan ini, dalam bentuk kekal ataupun separuh kekal, mahupun meninggal dunia ataupun mati.

Kita juga mewujudkan satu badan, satu jabatan yang dikenali ataupun dinamakan sebagai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, di mana soal-soal kesihatan dan juga keselamatan ini merupakan satu aspek yang cukup penting dan kita mempunyai pegawai penguat kuasa lebih daripada 600 orang bagi memastikan majikan-majikan ini akan mematuhi prosedur ataupun peraturan-peraturan keselamatan dan pekerjaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar kemalangan pekerjaan di negara kita adalah agak rendah, di mana 1,000 orang kadar kemalangannya tujuh. Walhal di setengah negara-negara ASEAN yang lain 1,000 orang kadar kemalangannya lebih daripada 20 ataupun lebih daripada itu. Namun demikian, kita sedang berusaha agar kemalangan ini setanding dengan negara-negara maju seperti Sweden, Eropah, Korea, Jepun, di mana kadar kemalangan bagi seribu orang jatuh kepada nisbah 3 mahupun 4.

Selain daripada itu, ada majlis negara bagi kesihatan dan juga keselamatan dan di samping itu juga, kita ada NIOS yang memastikan agar kesihatan dan pekerjaan di negara ini berada dalam keadaan yang baik. Dalam hal yang demikian, tidak timbul masalah kita tidak prihatin dan yang berlaku sekarang ini, kita akan membenteng beberapa rang undang-undang di Dewan ini, iaitu Rang Undang-undang Buruh Sabah, Rang Undang-undang Buruh Sarawak, PERKESO dan beberapa rang undang-undang yang lain bagi memastikan bahawa kepentingan pekerja baik dari segi cuti, baik dari segi gaji, baik dari segi keistimewaan, baik dari segi hak-hak yang lain akan terjamin.

Oleh itu negara Malaysia pada hari ini dikenali sebagai suatu negara yang mempunyai hubungan perusahaan yang cukup harmonis dan di antara yang terbaik dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada semua yang bertanya saya rakamkan bagi pihak Kementerian Sumber Manusia setinggi tahniah dan syabas, insya-Allah kita akan berjumpa lagi di lain masa dan di lain waktu. Sekian, wabillahitaufiq walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat-Yang Berhormat forum Dewan Negara ini boleh jadi satu forum khutbah, forum syarahan, forum taklimat, forum penerangan dan forum perbahasan. Apabila dibuka untuk dibahas, disebut "dibahaskan". Maka sudah tibanya waktu untuk menjawab dan menggulung. Jawab dan gulung perbahasan. Jadi saya berharap semua pihak peka. Jawab dan gulung. Jangan khutbah, jangan bersyarah, jangan beri taklimat, jangan beri penerangan.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

#### **4.41 ptg**

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 di Dewan Negara pada 13 hingga 15 Disember 2004 yang telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak tujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia tadi, saya cuma bagi peringatan umum. Saya berharap beliau jangan sensitif terhadap panduan saya tadi, terima kasih .

**Datuk Tan Chai Ho:** ...yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Mengikut catatan saya, Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah telah membangkitkan persoalan mengenai pemberian imbuhan atau insurans kepada anggota-anggota ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) yang terpaksa bergadai nyawa dalam menjalankan operasi-operasi penangkapan. Walaupun anggota-anggota RELA berkhidmat secara sukarela, tidak dapat dinafikan bahawa skim perlindungan insurans adalah amat penting sekali demi menjaga kebajikan mereka yang majoritinya adalah bekerja sendiri dan juga bekerja dengan pihak swasta.

Hampir 5.5% daripada ahli-ahli RELA telah mendapat perlindungan insurans atas tanggungan mereka sendiri. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kementerian sedang mempertimbangkan untuk menanggung bayaran caruman premium skim insurans berkelompok khususnya bagi anggota yang akan terlibat dalam operasi penguatkuasaan pendatang tanpa izin mulai Januari 2005 akan datang.

Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid ada mencadangkan supaya ahli-ahli RELA diberikan *uniform* untuk melaksanakan tugas-tugas mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa selama ini pakaian seragam adalah dibeli sendiri oleh anggota RELA dan sebahagiannya pula ditaja dan dibiayai oleh pihak-pihak tertentu yang lazimnya oleh wakil-wakil rakyat yang prihatin.

Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, pihak kerajaan telah mula membekalkan pakaian seragam kepada pegawai dan anggota RELA yang aktif dan dilantik menyandang jawatan Ketua Perhubungan RELA mukim dan ketua platon. Selain itu, anggota-anggota yang telah menghadiri kursus asas, kursus platon kawalan pantai dan kursus platon keselamatan daerah juga turut diberikan pakaian seragam. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 100 pasang pakaian seragam bagi kegunaan operasi dibekalkan kepada setiap daerah sebagai *pool* bagi anggota-anggota RELA yang akan terlibat dalam operasi menangkap pendatang tanpa izin mulai Januari 2005 yang akan datang.

Kementerian akan membekalkan kepada mereka sekurang-kurangnya dalam bentuk *half jackets* atau *vests* untuk dipakai semasa operasi dijalankan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid juga ada menyentuh beberapa isu berkaitan RELA. Antaranya adalah berkenaan alat kelengkapan untuk anggota RELA menjalankan operasi demi menjamin keselamatan anggota-anggota yang akan menjalankan operasi di samping menjamin kelancaran operasi yang akan diadakan tidak lama lagi. Bantuan logistik dan kenderaan serta kemudahan pengangkutan yang mencukupi adalah diperlukan. Bagi tujuan ini pihak kementerian telah mengenal pasti kelengkapan asas yang diperlukan dan proses pemberian peralatan serta kenderaan sedang dibuat untuk diagihkan kepada RELA.

Dari skim latihan pula sehingga kini, sebanyak 20 jenis kursus telah dijalankan untuk semua peringkat anggota RELA bagi meningkatkan pengetahuan, kebolehan dan keupayaan mereka. Bagi persediaan operasi besar-besaran, memburu dan menangkap PTI yang akan diadakan mulai 1 Januari 2005, kursus yang sesuai

berkaitan penguatkuasaan Imigresen telah dijalankan dan akan berterusan sehingga semua pegawai dan anggota yang terlibat dengan operasi ini dapat dilatih sepenuhnya.

Mengenai pemberian elaun pula, kementerian merasakan anggota-anggota RELA yang terlibat menyumbang tenaga menangani masalah negara harus dibayar elaun atas justifikasi-justifikasi berikut:

- (i) sebagai insentif dan rasa penghargaan kerajaan kepada keikhlasan dan ketaatan anggota RELA;
- (ii) majoriti mereka bekerja sendiri dan pendapatan mereka terjejas apabila mereka keluar bertugas;
- (iii) mereka hilang mata pencarian;
- (iv) memandangkan kekurangan anggota-anggota penguatkuasaan agensi-agensi kerajaan tertentu, di mana kehadiran anggota RELA memenuhi kekurangan tersebut yang mana kerajaan lebih jimat di dalam pembayaran gaji dan upah;
- (v) mengelakkan berlaku atau wujud unsur dan elemen penyelewengan; dan
- (vi) mengekalkan dan meningkatkan moral anggota pada sebilang masa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek telah membangkitkan isu berkenaan pelaksanaan projek besar kuarantin Kastam dan Imigresen iaitu CIQ di Serikin dan Lubok Antu yang menjadi tempat kemasukan pendatang tanpa izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek CIQ ini telah pun dimulakan dengan proses pengambilan tanah oleh kementerian dan projek ini akan bermula pada tahun 2005.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam dan Datin Hajah Sharifah Azizah telah membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan pembantu rumah asing. Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk menangani MOU baru berkaitan skim gaji baru pembantu rumah. Mengenai kemungkinan kesempatan yang akan diambil oleh sindiket pembantu rumah asing akibat program pengampunan, Kementerian berharap perkara ini akan dapat dibanteras dengan pelaksanaan operasi besar-besaran mulai Januari 2005 nanti iaitu sebaik sahaja program pengampunan berakhir.

Mengenai isu perbezaan agama antara pembantu rumah dengan majikan, pihak kementerian amat prihatin dan sentiasa mengambil berat mengenai perkara ini. Kementerian pada lazimnya akan memberikan nasihat dan galakan kepada agen-agen pembantu rumah untuk meletakkan pembantu rumah beragama Islam dengan majikan yang juga beragama Islam dan begitu juga sebaliknya.

Mengenai bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh agen-agen pembantu rumah kepada majikan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya pohon Yang Berhormat duduk sebentar untuk saya berucap sekejap. Terima kasih.

Sekarang ialah masa untuk kerajaan pertimbangkan kerana masih ada 16 kementerian yang belum dapat menjawab dan menggulung. Sama ada pihak kerajaan hendak teruskan persidangan Dewan sehingga tamat semua menjawabnya ataupun sama ada Dewan akan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang yang mana kementerian-kementerian yang belum menjawab akan terus menjawabnya pada hari Isnin. Keputusan ini adalah terletak kepada kerajaan, di bawah kuasa-kuasa saya, hanya boleh menyambung hingga 5.45 petang. Sekiranya kerajaan berkehendakkan menghabiskan semua kementerian maka kerajaan perlulah kemukakan usul supaya Dewan ini tidak ditangguhkan sehingga selesai semua kementerian menjawab dan menggulung.

Sila teruskan, dan sementara itu bolehlah barisan kerajaan memikirkan sama ada hendak mengemukakan Usul ataupun tidak. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Tan Chai Ho:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh agen-agen pembantu rumah kepada majikan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak menetapkan sebarang jumlah untuk dibayar kepada pihak agen. Ia bergantung kepada persetujuan antara agen dengan majikan dan harga yang dikenakan adalah di luar kawalan kementerian kerana ia terserah kepada persetujuan antara kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani telah membangkitkan isu berkenaan kemasukan pendatang tanpa izin yang tidak dapat dikesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah disebabkan oleh kemasukan mereka melalui pintu masuk yang tidak sah. Walau bagaimanapun,

kementerian berharap operasi besar-besaran yang akan dijalankan pada awal tahun 2005 nanti akan memberikan kesan yang lebih baik dalam menangani masalah ini.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berpuluh tahun sudah saya dengar masalah pendatang tanpa izin pekerja asing tetapi belum sekali saya mendengar apa rancangan kita untuk mengganti orang ini dengan rakyat Malaysia. Bolehkah sedikit diperjelaskan? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada permintaan dari beberapa sektor iaitu sektor pembinaan, perladangan, perkhidmatan, perkilangan di mana memerlukan ramai tenaga kerja dan terdapat juga rakyat tempatan yang tidak berminat untuk bekerja di sektor-sektor yang saya sebutkan tadi.

Oleh yang demikian, kerajaan membenarkan pekerja asing yang sah masuk ke Malaysia untuk bekerja di sektor-sektor yang dibenarkan. Kerajaan juga telah memulakan beberapa program untuk menggalakkan pihak pengilang supaya mengurangkan tenaga kerja khususnya tidak menggaji lebih ramai pekerja asing. Mereka digalakkan untuk melaksanakan sistem automasi supaya mereka tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing.

Jadi ini adalah satu tindakan yang telah diambil dan dalam sektor perkhidmatan di mana *self-service*, perkhidmatan layanan sendiri juga telah dilaksanakan. Ini akan mengurangkan sedikit-sebanyak pergantungan pihak majikan kepada lebih ramai pekerja asing. Jadi masih ada beberapa tindakan yang sedang dirancang dan saya rasa pada masa yang akan datang memanglah kita boleh mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, kementerian juga akan mengupayakan rakyat melalui RELA dan Rukun Tetangga untuk menangani masalah PTI ini melalui operasi besar-besarkan yang akan dilaksanakan nanti di mana diharap tidak hanya pendatang tanpa izin yang dapat ditangkap malah sindiket-sindiket yang terlibat juga dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad telah mencadangkan supaya semua NGO yang tidak berdaftar perlu didaftarkan agar segala pergerakan pertubuhan dapat dipantau. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu, pada masa sekarang, semua pertubuhan yang didefinisikan di bawah seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 adalah dikehendaki berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran

Pertubuhan Malaysia. Mana-mana pertubuhan yang tidak berdaftar dan menjalankan pergerakan aktiviti-aktiviti adalah dianggap sebagai pertubuhan haram. Pemegang-pemegang jawatan pertubuhan tersebut boleh didakwa di mahkamah dan dikenakan denda jika disabitkan kesalahan. Ini bermakna semua NGO tidak terkecuali dari keperluan untuk mendaftarkan organisasi masing-masing dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak kementerian akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya menjemput Kementerian Pelajaran, saya mohon maklumkan bahawa saya belum menerima apa-apa cadangan daripada kerajaan untuk kemukakan satu usul supaya masa Dewan bersidang dilanjutkan. Maka saya akan menggunakan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Peraturan Mesyuarat untuk hanya menyambung persidangan sehingga 5.45 petang. Selepas itu kementerian-kementerian yang belum menjawabnya bolehlah menggulung dan menjawab pada hari Isnin nanti. Silakan Kementerian Pelajaran.

**4.59 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak seluruh warga pendidikan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Bajet 2005. Ternyata isu-isu pendidikan terus mendapat perhatian di sepanjang perbahasan di Dewan yang mulia ini. Saya amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan, saranan, malah teguran membina demi menambah baik Sistem Pendidikan Negara.

Sektor pendidikan sentiasa mengalami perubahan sejajar dengan arus kemajuan yang pesat dan globalisasi. Sehubungan itu kerajaan telah memutuskan Kementerian Pendidikan dipecahkan kepada dua kementerian agar peranannya lebih

berfokus. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff yang membangkitkan perkara ini, sejak pemisahan ini dilaksanakan, fungsi kedua-dua kementerian tersebut berjalan dengan baik. Kementerian Pelajaran sedar akan adanya permintaan sesetengah pihak agar nama Kementerian Pelajaran dikembalikan kepada nama asal seperti yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seperti yang kita sedari, kini kemajuan di peringkat global berkembang begitu pantas sekali menyebabkan dunia pendidikan turut mengalami perubahan demi perubahan agar kita tidak ketinggalan. Dengan pemecahan kementerian, tumpuan dapat diberikan kepada dua aspek penting dalam pendidikan iaitu di peringkat prasekolah hingga lepasan menengah dan juga di peringkat tinggi. Dengan penumpuan yang khusus ini, matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang mampu menyaingi perkembangan pesat dalam dunia pendidikan yang sewajarnya dapat direalisasikan.

Dalam hubungan ini juga, memang menjadi keutamaan kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari masa ke semasa Kementerian Pelajaran berusaha menambah baik sistem yang sedia ada mengikut keperluan semasa dan Rancangan Pembangunan Pendidikan 2001 hingga 2010 adalah bukti bahawa kementerian ini sentiasa akan turut memberi penekanan kepada *access*, ekuiti dan juga kualiti dalam pendidikan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi yang telah menyokong langkah kementerian mengkaji semula sistem pendidikan dengan tidak berorientasikan peperiksaan semata-mata seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini. Kementerian akan mengkaji secara menyeluruh sistem pendidikan pada tahun depan, tahun 2005 supaya sistem pendidikan negara tidak lagi berorientasikan peperiksaan semata-mata dan sebaliknya memberi juga penekanan kepada aktiviti kokurikulum. Kajian ini akan melibatkan kira-kira sembilan kementerian lain supaya satu perubahan baru dapat direalisasikan. Kajian semula ini adalah penting kerana sebarang perubahan dalam sistem pendidikan negara akan melibatkan pelbagai perkara.

Menyentuh tentang penguasaan teknologi tinggi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Fuad Zarkashi, perkara tersebut telah menjadi agenda kementerian. Pelbagai program yang diwujudkan seperti konsep sekolah bestari,



makmal komputer, program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dan program-program celik ICT serta pelbagai mata pelajaran teknikal adalah bertujuan untuk mendedahkan sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dalam bidang ICT dan juga teknologi.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, untuk mewujudkan sekolah khusus bagi pelajar Tingkatan Enam dan sistem pelajaran seperti universiti, Kementerian berpendangan belum ada keperluan untuk mewujudkan sekolah-sekolah khas untuk Tingkatan Enam. Ini memandangkan sekolah-sekolah harian yang sedia ada masih berupaya menampung keperluan kelas-kelas Tingkatan Enam di setiap daerah. Lulusan STPM bukan sahaja diiktiraf di IPTA tempatan malahan juga di universiti-universiti luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato Seri Empiang Jabu dan Yang Berhormat Puan Hajah Shamsiah binti Shamsudin membangkitkan masalah kekurangan bilik darjah, tenaga pengajar dan rumah guru. Bagi mengatasi kekurangan bilik darjah, Kementerian sentiasa merancang supaya bilik darjah ditambah melalui pembinaan sekolah baru, gantian dan tambahan bagi menampung penambahan bilangan pelajar bagi setiap rancangan lima tahun lebih daripada 10,000 buah bilik darjah bagi sekolah rendah dan menengah dibina.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, contohnya, kerajaan merancang membina 12,490 buah bilik darjah di sekolah rendah dan 8,000 buah bilik darjah di sekolah menengah. Pada masa ini, Kementerian sedang dalam penelitian mengenai keperluan pertambahan bilik darjah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan pertambahan pembinaan bilik darjah ini Kementerian Pelajaran mensasarkan agar saiz kelas dapat dikurangkan kepada 30 murid dalam satu kelas.

Peluasan pendidikan teknikal, vokasional dan kemahiran tetap menjadi keutamaan Kementerian Pelajaran kerana ia penting bagi melahirkan tenaga mahir dan separa mahir. Saya menghargai cadangan Yang Berhormat Dato Seri Empiang Jabu agar ditubuhkan sekolah-sekolah teknik di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak enam buah sekolah menengah teknik ataupun SMT telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu SMT Beaufort, Sabah, SMT Kuala Berang, Terengganu, SMT Mersing, Johor, SMT Pekan, Pahang, SMT Changkat Jering, Perak dan SMT Sabak Bernam, Selangor dan akan dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pertambahan bilangan SMT ini akan dapat menampung pelajar-pelajar sama ada dari bandar atau luar bandar bagi setiap negeri. Pada masa yang sama kementerian akan memperluaskan mata pelajaran vokasional ataupun MPV di sekolah-sekolah menengah harian bagi pelajar-pelajar yang mempunyai kecenderungan dalam bidang-bidang kemahiran dan seterusnya membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi seperti politeknik, kolej komuniti ataupun memasuki pekerjaan serta menjadi usahawan.

Mengenai pembinaan rumah guru, kementerian telah dan akan terus melaksanakan program pembangunan rumah guru sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar merujuk kepada prestasi perbelanjaan Rancangan Malaysia Kelapan. Di bawah pelaksanaan program rumah guru di seluruh negara sehingga 30 Jun 2004 sebanyak RM1.07 bilion telah dibelanjakan. Bagi program di negeri Sarawak sahaja rumah guru yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah sebanyak 3,652 unit dan yang telah siap sebanyak 3,509 unit yang menelan belanja sebanyak RM352.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, isu disiplin pelajar telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Empiang Jabu, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff. Kementerian Pelajaran amat memandang serius terhadap kes-kes salah laku, disiplin dan juga jenayah yang melibatkan pelajar. Walaupun mengikut statistik, jumlah salah laku sepanjang tahun 2003 sekitar hanya 1% dari jumlah kira-kira 5 juta pelajar sekolah, kementerian tidak akan berkompromi dalam hal ini dan akan memastikan tindakan yang tegas diambil agar gejala salah laku pelajar ini dapat dihapuskan sehingga ke akar umbi.

Kementerian mahu pelajar-pelajar merasa selamat dan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran mereka. Sebenarnya terdapat pelbagai mekanisme pencegahan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Sebagai langkah segera, kementerian telah mengumumkan penyediaan saluran terus aduan awam melalui hotline, email, faksimili dan sistem pesanan ringkas (SMS). Sehingga 30 November 2004 sebanyak 299 aduan salah laku telah diterima. Kementerian Pelajaran juga telah membentuk Jawatankuasa Petugas Khas menangani gejala salah laku murid yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Pelajaran

sendiri dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran dan Polis Diraja Malaysia.

Melalui Jawatankuasa Petugas Khas Kementerian Pelajaran seterusnya mewujudkan sekretariat tetap untuk menangani masalah salah laku murid agar menjadi lebih berkesan dan jawatankuasa bertindak ini diwakili oleh pelbagai jabatan dan bahagian di Kementerian Pelajaran, wakil daripada kementerian dan agensi kerajaan yang lain serta wakil-wakil dari kalangan badan bukan kerajaan dan masyarakat.

Langkah-langkah lain oleh Kementerian Pelajaran termasuklah menggerakkan kerjasama yang lebih erat dengan pasukan Polis Diraja Malaysia, mewujudkan Program Sekolah Selamat dan juga Program Permuafakatan Sekolah, di mana kerjasama dibentuk bagi menjalinkan dan memperkukuhkan hubungan di antara pihak sekolah dengan ibu bapa, guru, komuniti, alumni, agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk bekerjasama mengatasi masalah gejala salah laku di kalangan murid.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung saranan Ahli Yang Berhormat berkaitan profesion perguruan perlu diberikan perhatian seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, Yang Berhormat Dato Seri Empiang Jabu dan juga Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin, tidak dinyatakan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin agak lebih manis dalam perbahasan kalau sebelum Yang Berhormat menjawab dan menggulung, menoleh ke atas dan lihat, siapa yang tidak hadir, tidak usah sebut namalah.

**Puan Komala Devi:** *[Ketawa]* Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak dinafikan bahawa kejayaan sistem pendidikan negara sebahagian besarnya bergantung kepada guru-guru. Guru yang berkualiti mampu menjadi *role model* untuk membentuk generasi yang berguna pada masa yang akan datang. Oleh itu Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha memperkasakan profesion perguruan seperti mendorong guru-guru mempertingkatkan ilmu pengetahuan melalui kursus jangka pendek dan jangka panjang yang dianjurkan oleh kementerian, dan diberi juga galakan dan peluang kepada guru, melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, menyediakan pelbagai insentif termasuk tambahan elaun kepada guru Matematik, Sains dan bahasa Inggeris serta memberi pengiktirafan di atas kecemerlangan yang telah dihasilkan oleh para guru.

Menyentuh bayaran insentif 10% kepada guru opsyen Sains, Matematik dan bahasa Inggeris seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada?

**Puan Komala Devi:** Hadir Tuan Yang di-Pertua. Syarat-syarat kelayakan pemberian elaun tersebut meliputi;

- (i) mempunyai opsyen subjek berkenaan;
- (ii) mengajar subjek tersebut sekurang-kurangnya tiga tahun secara berterusan atau; dan
- (iii) diperakui oleh Ketua Jabatan yang guru tersebut mempunyai kemahiran dan berkemampuan untuk mengajar subjek tersebut serta telah menghadiri kursus berkaitan pengajaran dan pembelajaran subjek Sains atau Matematik atau bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran, atau institusi lain yang diiktiraf oleh kerajaan dan mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mengikut peruntukan waktu minimum pengajaran seminggu.

Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu dan Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin telah membangkitkan mengenai pendidikan prasekolah. Saya berasa bangga kerana kesedaran terhadap pentingnya pendidikan prasekolah semakin meningkat kerana ia merupakan asas yang penting, kesediaan kanak-kanak memasuki alam persekolahan. Kementerian Pelajaran belum bercadang mewajibkan pendidikan di peringkat prasekolah dan pada masa ini kerajaan hanya mewajibkan pendidikan di peringkat rendah terlebih dahulu, tetapi sebagaimana yang telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelajaran telah mewajibkan semua prasekolah mengguna pakai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan mulai Januari 2003 bersama-sama dengan pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, boleh jawab.

**Puan Komala Devi:** Dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab yang Puan Siti Zailah sahajalah.

**Puan Komala Devi:** *[Ketawa]* Telah menimbulkan tentang hala tuju pendidikan Islam, tumpuan kepada sekolah-sekolah agama dan keadaan Sekolah-sekolah Agama

Rakyat yang tidak dapat bantuan kerajaan. Kepentingan pendidikan Islam memang tetap menjadi keutamaan kementerian ini dan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Haruslah budi pekerti kalau kita bertanya, kita sedia dengar bila orang menjawab. Sila, teruskan Yang Berhormat.

**Puan Komala Devi:** Kepentingan pendidikan Islam memang tetap menjadi keutamaan Kementerian Pelajaran dan sehubungan dengan itu langkah-langkah menambah baik dan memperkasa pendidikan Islam terus diambil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak, tidak usah tanya kalau tidak mahu dengar.

**Puan Komala Devi:** Ini adalah sejajar dengan Konsep Islam Hadhari sebagai usaha kerajaan untuk mengembalikan umat Islam bermula dari peringkat persekolahan ke asas menurut Al-Quran dan Hadis yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam. Langkah terbaru kementerian ialah memperkenalkan J-QAF iaitu yang memberi penekanan kepada kebolehan murid menguasai Jawi, membaca Al-Quran dengan baik dan betul, memahami dan menguasai bahasa Arab dan juga menghayati dan mempraktikkan Fardu Ain dalam kehidupan seharian.

Berikutan keputusan memberhentikan bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), kerajaan telah membuat tawaran kepada guru dan pelajar SAR untuk menyertai sekolah aliran perdana ataupun sekolah kebangsaan. Sehingga kini daripada 406,398 murid SAR seluruh negara, seramai 3,902 orang telah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Puan Komala Devi:** Dua tiga helai lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat sunting? Edit?

**Puan Komala Devi:** Okay. Seramai 3,902 orang telah menyertai sekolah aliran perdana dan kerajaan akan menyalurkan bantuan kepada SAR yang menerima tawaran kerajaan untuk menjadi sekolah bantuan kerajaan sama seperti sekolah-sekolah yang pada masa ini berstatus sekolah bantuan kerajaan.

Bagi SAR, tidak sepenuh masa iaitu pelajar terdiri dari murid sekolah kebangsaan yang belajar secara sambilan di sebelah petang ataupun pagi, Kementerian Pelajaran masih meneruskan bantuan kewangan secara sumbangan. Bagi SAR sepenuh masa yang tidak menerima tawaran kerajaan untuk menjadi sekolah bantuan kerajaan pada masa ini, Kementerian Pelajaran tiada cadangan untuk memberi sebarang bentuk bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah tersebut dan

sebab-sebab secara terperinci penarikan balik bantuan ini telah pun dijelaskan dengan panjang lebarnya di Dewan yang mulia ini pada sesi-sesi Parlimen yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan kepada pelajar *down syndrome*, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, tidak hadir?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, terserahlah kepada Yang Berhormat, hendak sunting, tidak mahu jawab, tidak usah jawab, beliau tidak ada.

**Puan Komala Devi:** Bagi, minta.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau baik hati jawab, kalau keras sedikit tidak usah jawab.

**Puan Komala Devi:** *[Ketawa]* Saya minta izin untuk teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sila.

**Puan Komala Devi:** Mengenai pendidikan kepada pelajar *down syndrome* yang kurang diberi perhatian, ingin ditegaskan bahawa kelas-kelas bagi kanak-kanak tersebut buat masa ini diletakkan di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah-sekolah biasa. Walau bagaimanapun, ibu bapa boleh membuat pilihan sama ada untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah di bawah Kementerian Pelajaran atau pusat-pusat yang dikendalikan oleh NGO seperti KIWANIS.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin. Kementerian sedang mengkaji semula syarat-syarat pemberian SPBT tersebut dan berhubung dengan dakwaan Skim Baucar Tuisyen (SBT) tidak mencapai matlamat adalah tidak benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mohon sedikit laluan untuk mengganggu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sedar bahawa dengan keputusan kita tadi, maka mungkin ada Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang agak terperangkap, yang tidak dapat hadir di Dewan pada hari Isnin untuk menggulung dan menjawab. Saya tiada kuasa untuk mengubah giliran melainkan di antara Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri membuat perubahan suka sama suka, seperti mana yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan tadi. Jadi, bolehlah beri kerjasama di antara kawan dengan kawan. Inilah tanda saat-saat diuji setia kawan. Jadi, sila teruskan Yang Berhormat.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berhubungan dengan dakwaan bahawa Skim Baucar Tuisyen (SBT) tidak mencapai matlamat adalah tidak benar. Laporan yang diterima dari sekolah-sekolah yang menjalankan SBT menyatakan terdapat peningkatan dari segi prestasi akademik murid yang menerima tuisyen. Untuk makluman ahli Yang Berhormat bantuan *one off* masih diberi kepada murid-murid yang layak. Walau bagaimanapun, pemberian bantuan ini telah disalurkan di bawah bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ataupun KWAPM.

Berhubungan dengan kehilangan kertas SPM 2004 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Nik Azizah Nik Yahaya, kementerian sedang menyiasat kes kehilangan 200 set kertas jawapan Bahasa Melayu 1 SPM di Kota Bharu. Siasatan ini dilakukan dengan kerjasama polis, kita akan menunggu hasil siasatan tersebut. Adalah tidak wajar kita membuat tuduhan kepada mana-mana pihak termasuk pegawai pelajaran ataupun guru itu sendiri kerana insiden ini berlaku bukan disengajakan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja.....

**Puah Hajah Samsiah binti Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, diminta laluan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah hendak tutup sudah Yang Berhormat, setakat ini sahaja, masih lagi hendak laluan?

**Puah Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ya, terlambat, setahu saya Tuan Yang di-Pertua minta maaf.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat belum diberi laluan.

**Puah Hajah Samsiah binti Samsudin:** Boleh?

**Puan Komala Devi:** Saya ingat saya ingin teruskan penggulungan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah, Yang Berhormat pun diberi perhatian banyak tadi.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang digemburkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Yang

Berhormat yang terus memberi sokongan kepada usaha-usaha Kementerian Pelajaran demi mencapai kecemerlangan pendidikan negara, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**5.22 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Bajet 2005. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu yang telah dibangkitkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Utamakan mereka yang ada di depan Yang Berhormat dahulu.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Hanya dua orang sahaja, Tuan Yang di-Pertua ada dua orang ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr Chin Fook Weng telah menyentuh tentang mengkaji semula dasar dan insentif menggalakkan syarikat menambahkan semula aktiviti perkilangan ke kawasan yang digalakkan serta kajian impak penurunan duti. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Bajet 2005 kerajaan telah memperkenalkan galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan kali kedua kepada syarikat yang sedia ada yang menambahkan semula aktiviti perkilangan ke kawasan yang digalakkan. Namun begitu ini tidak bermakna syarikat sedia ada perlu memberhentikan operasi dan menambahkan semula ke kawasan yang digalakkan untuk menikmati galakan kali kedua. Syarikat sedia ada yang menjalankan projek pembesaran, pelbagaian di kawasan yang digalakkan, ada juga layak menikmati galakan kali kedua tanpa perlu memindahkan operasi mereka.

Selain daripada menyediakan insentif, kerajaan juga dari masa ke semasa mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menggalakkan pelaburan di negeri-negeri berkenaan. Antara perkara-perkara yang diberi penekanan



termasuk penyediaan kemudahan infrastruktur yang efisien dan baik, kos menjalankan perniagaan yang kompetitif, sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap dan dasar pelaburan yang kondusif dan mesra pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menjalankan kajian impak ke atas industri-industri sedia ada sebelum sebarang langkah mengurangkan atau menghapuskan duti import dilaksanakan. Kajian dijalankan antara lain mengambil kira;

- (i) sama ada produk berkenaan dikeluarkan atau tidak dikeluarkan di dalam negara;
- (ii) duti import yang dihapuskan atau dikurangkan tidak akan menjejaskan industri tempatan termasuk industri kecil dan sederhana;
- (iii) anomali antara duti import bahan mentah, komponen dengan barangan siap yang tidak dikenakan sebarang duti import untuk menggalakkan pengeluaran barangan siap di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Siti Zailah Mohd Yusof membangkitkan isu supaya tanah khas pembangunan dan promosi produk halal diperuntukkan kepada negeri-negeri yang mempunyai minat dan potensi mengembangkan sektor pertanian dan penternakan. Untuk makluman Yang Berhormat tanah khas pembangunan dan promosi dan produk halal sebanyak RM10 juta ringgit bertujuan untuk membiayai:

- (i) kajian perancangan perniagaan;
- (ii) pembangunan teknologi dan pasaran;
- (iii) peningkatan produktiviti dan kualiti.

Tanah ini akan disalurkan kepada syarikat-syarikat tempatan yang ingin membangun dan mempromosikan produk halal termasuklah produk pertanian dan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada isu-isu penting yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih ke atas teguran dan pandangan yang

tidak sempat dijawab buat masa kini dan perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kalau Yang Berhormat mengambil masa kurang 10 minit berpeluang rakan Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga menggulung, terima kasih.

### 5.27 ptg

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Saya akan cuba. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah Abdul Samad, Kementerian melalui perundangan dan dasar negara, kerajaan telah menyediakan kemudahan pencen terbitan kepada baru yang berkahwin semula. Sementara itu kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan faedah pencen terbitan selain daripada gratuity kepada ibu atau bapa anggota perkhidmatan awam yang meninggal dunia sebelum bersara seperti yang telah dibentangkan dalam Bajet 2004 yang lalu.

Berhubungan isu mengenai wang caruman KWSP bagi pencaharum yang beragama Islam, pembahagian dijalankan mengikut hukum *fara'id*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Fara'id*.

**Puan Chew Mei Fun:** Manakala bagi pencaharum bukan Islam ianya mengikut sistem penamaan. Bagaimanapun, jawatankuasa peringkat menteri mengenai isu-isu KWSP yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Masyarakat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sedang mengkaji kemungkinan untuk menjadikan wang caruman KWSP sebagai harta sepencarian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha-usaha untuk mempergiatkan lagi kempen-kempen kesedaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, daripada Yang Berhormat cepat....lebih baik Yang Berhormat menyunting dengan tenang dan jawab kepada mereka yang hadir dahulu, yang tidak hadir Yang Berhormat boleh pura-pura lupa....

**Puan Chew Mei Fun:** Saya tidak pasti, siapa yang hadir dan siapa yang tidak hadir, tiga orang sahaja. *[Ketawa]* Saya akan cuba, saya akan teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih manis kita mendengar Yang Berhormat berhujah daripada ....prap prap prap prap prap

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*] *slow* sedikit, *slow* sedikit!

**Puan Chew Mei Fun:** Okey, mengenai dengan usaha-usaha untuk mempergiatkan lagi kempen-kempen kesedaran bagi membendung keganasan terhadap wanita, kementerian melalui JPW telah mengambil pelbagai langkah melibatkan penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan program-program kesedaran dan pengukuhan institusi kekeluargaan telah dan sedang dilaksanakan sebagai usaha mencegah dan mengatasi masalah keganasan. Di antara program-program yang dilaksanakan ialah kempen meningkatkan kesedaran masyarakat terutama dalam isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Kempen organisasi wanita membanteras keganasan iaitu OMBAK telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai gejala keganasan dan menggerakkan semula ahli masyarakat terutama wanita agak turut menyumbang kepada usaha untuk membanterasnya. Kempen ini diteruskan dari masa ke semasa bagi meningkatkan keberkesannya.

Kementerian juga telah menubuhkan unit kaunseling untuk membantu wanita menghadapi pelbagai masalah termasuk gejala keganasan. Di samping itu memberi khidmat kaunseling oleh para kaunselor, segala aduan mangsa keganasan disalurkan kepada jabatan berkaitan seperti JKM, Biro Bantuan Guaman dan Polis Diraja Malaysia untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

Di negeri-negeri, kementerian telah menubuhkan Pusat Khidmat Wanita atau dikenali dengan nama 'Rumah Nur' untuk memberi khidmat bantuan dan pra kaunseling kepada mangsa deraan suami di negeri-negeri. Dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan pihak NGO, pihak kementerian telah dapat memberikan perlindungan kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Kementerian juga sedang dalam usaha untuk menubuhkan rumah perlindungan khas untuk mangsa keganasan di beberapa buah negeri selaras dengan keputusan jawatankuasa kabinet mengenai kesaksamaan *gender*. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam mengendali dan menangani kes-kes keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak seperti Polis Diraja Malaysia, JAKIM dan NGO khususnya seperti pertubuhan pertolongan wanita dan *All Women's Action Society*. Usaha dan kerjasama seperti ini akan terus ditingkatkan melalui

jawatankuasa bersama dengan kumpulan kerja yang telah ditubuhkan sama ada oleh kementerian ataupun pihak-pihak lain.

Bagi pinjaman mikro pula, untuk maklumat Yang Berhormat kaum wanita merupakan sasar yang diberikan keutamaan. Skim mikro kredit ini disalurkan oleh kementerian kewangan melalui Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional. Kementerian ini bersama Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia telah mengadakan latihan *mentor-mentee* untuk wanita yang berminat dengan skim ini bagi tujuan bermula atau mengembangkan perniagaan mereka.

Setakat ini jumlah wanita yang memohon melalui National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia (NAWEM) adalah seramai 4,543 orang dan 3,162 daripadanya telah berjaya mendapatkan pinjaman yang berjumlah antara RM5,000 hingga RM20 seorang.

Berkenaan program perancangan 2005 kementerian untuk membina masyarakat penyayang, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara bercadang melancarkan satu program ke arah pembentukan masyarakat berperibadi mulia dan menitikberatkan nilai penyayang dalam masyarakat, menghormati, bertanggungjawab, kasih sayang, kerjasama dan jujur.

Program LPPKN seperti latihan dan pendidikan melalui modul kasih yang dijalankan di seluruh negara akan diteruskan dan dipertingkatkan dari segi pengisian program, strategi pelaksanaan, pemantauan dan sebagainya. Menyentuh tentang pakej *smart start* yang diharuskan kepada kaum lelaki iaitu suami akan hadir bersama-sama kaum wanita atau isteri, untuk makluman Yang Berhormat kursus *smart start* adalah program pendidikan pra-perkahwinan untuk pasangan yang bakal dan baru berkahwin.

Oleh itu kedua-dua lelaki dan wanita dan pasangan suami isteri perlu hadir. Kursus tidak akan dijalankan jika kedua-duanya tidak hadir. Kementerian sedang berbincang dengan badan-badan bukan kerajaan untuk menggalakkan penyertaan kursus-kursus pra-perkahwinan di kalangan pasangan bukan Islam.

Bagi menjawab Yang Berhormat Senator Dato' Rhina Bhar pihak kementerian mengambil maklum akan saranan dan pandangan Yang Berhormat Senator.

Pada masa ini pelbagai usaha telah dilancar dan dilakukan oleh kementerian kami bagi memastikan penyertaan 30% wanita dari kumpulan pembuat keputusan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator pihak kerajaan telah menubuhkan

jawatankuasa kabinet mengenai kesaksamaan *gender* yang juga akan membincangkan penyertaan wanita dalam kumpulan pembuat dasar. Walaupun demikian, kelayakan seseorang untuk menjawat jawatan utama dalam pelbagai sektor adalah bergantung kepada kelayakan dan kebolehan individu tanpa mengira jantina.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan Yang Berhormat Senator Hajah Samsiah binti Samsudin mengenai cuti bersalin bergaji penuh diberikan kepada wanita bekerja tanpa mengehadkan kepada lima orang anak sahaja. Pihak kementerian akan memajukan usul-usul tersebut kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan selanjutnya.

Menjawab soalan kepada Yang Berhormat Senator Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya mengenai bilangan NGO yang bekerjasama dengan pihak kementerian ialah sebanyak 97 buah dengan peruntukan RM12 juta dianggarkan bahawa seramai 28,121 orang peserta mendapat manfaat daripada program pembangunan wanita dan keluarga yang telah diluluskan ini untuk tahun 2004 sehingga bulan Oktober.

Dengan ini sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kalau Yang Berhormat tidak habiskan Yang Berhormat terpaksa datang hari Isnin untuk meneruskan. Silakan Yang Berhormat

**5.36 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kami Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun ringkasnya MOSTI mengambil maklum dan sangat berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi yang telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian. Masa depan ekonomi negara kita sangat bergantung kepada sejauh manakah kita dapat menerapkan input sains, teknologi dan inovasi dalam budaya kerja, seterusnya dalam semua sektor ekonomi. Usaha ini sangat memerlukan sokongan, minat dan gandingan semua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Empiang Jabu daripada Sarawak mengenai bantuan ataupun peruntukan *grant* IRPA ataupun *Intensification of Research in Priority*

Areas kepada industri di Sarawak terutamanya di dalam permohonan bidang bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah merancang pelbagai program dan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (P&P) di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sehinggalah Rancangan Malaysia Kelapan. Sebelum ini pengurusan geran-geran P&P disalurkan terus daripada Kementerian Kewangan kepada institusi-institusi penyelidikan kerajaan yang berkaitan.

Di antara geran-geran P&P yang diuruskan oleh MOSTI ialah geran di bawah program yang saya nyatakan tadi sebagai IRPA. Program IRPA merangkumi tiga kategori penyelidikan iaitu:

- *Experimental Applied Research (EAR)*;
- *Priority Research (PR)*; dan
- *Strategic Research (SR)*.

Ketiga-tiga kategori ini mengandungi pelbagai bidang keutamaan di mana hasil penyelidikannya boleh dikomersialkan bagi membantu menjana ekonomi negara. Di antara bidang-bidang keutamaan yang telah dikenal pasti di bawah IRPA ialah bidang bioteknologi. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan bagi Negeri Sarawak sahaja peruntukan bagi geran di bawah program IRPA yang diluluskan untuk bidang bioteknologi sehingga bulan November 2004 adalah sejumlah RM1.6 juta. Kebanyakannya adalah di bawah kategori *Experimental Applied Research (EAR)*. Geran yang dikhususkan untuk P&P dalam bidang bioteknologi bukan hanya diperuntukkan di bawah program IRPA sahaja. Geran ini juga boleh berada di bawah program bioteknologi yang diuruskan oleh direktorat bioteknologi kebangsaan MOSTE. Oleh itu permohonan untuk mendapatkan geran-geran dalam bidang bioteknologi untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan boleh dipohon melalui program IRPA dan juga program bioteknologi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff yang menyentuh isu produk halal. MOSTI telah membangunkan satu standard halal iaitu MS.1500 bertajuk Makanan Halal - Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan iaitu garis panduan umum di bawah sistem Pembangunan Standard Kebangsaan yang diterajui oleh Jabatan

Standard Malaysia (DSM). Standard ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 Ogos 2004 yang lalu. Untuk makluman, Standard Halal ini iaitu MS.1500/2004 adalah yang pertama pernah dibangunkan di bawah Sistem Standardisasi Kebangsaan sesebuah negara. Standard ini sedang diguna pakai oleh semua termasuk JAKIM di dalam menjalankan proses persijilan halal di Malaysia. Tambahan lagi di dalam usaha menyokong industri produk halal di Malaysia, Jawatankuasa Teknikal di bawah naungan DSM ini telah dan sedang mengenal pasti senarai standard secara komprehensif yang perlu dibangunkan bagi produk halal termasuk untuk barang kosmetik.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan saranan kepada fungsi-fungsi yang dimainkan oleh kementerian ini. Kementerian mengambil maklum dan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang Rang Undang-undang Perbekalan Bekalan 2005. Kementerian ini juga memberikan jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat jika ada sebarang isu yang perlu mendapat penjelasan dan keterangan yang lebih lanjut.

Sebagai yang terakhir kita dan kementerian ini akan menjadikan hasil teknologi sebagai satu sektor yang boleh menghasilkan produk untuk eksport di pasaran global yang boleh menjana pendapatan negara. Untuk mencapai matlamat ini rakyat disarankan supaya bersama-sama membantu usaha kerajaan dengan mempunyai jiwa dan semangat yang besar. Rakyat tidak sepatutnya merasa rendah diri terkebelakang dan melihat sahaja teknologi sebagai satu yang asing. Sebaliknya kita sama-sama turut serta menyumbang kepada perkembangan teknologi secara global. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pengangkutan boleh buat mukadimah.

**5.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua dapat mengizinkan mungkin dapat saya menghabiskan jawapan kerana ada hanya seorang Yang Berhormat Senator ada menyentuh mengenai....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua minit lagi.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ok. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae yang telah membangkitkan mengenai perkara menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat seperti jawapan saya di Dewan yang mulia ini pada 7 Disember 2004, kerajaan telah membuat keputusan untuk menaik taraf lapangan terbang sedia ada. Objektifnya adalah untuk yang sedia ada untuk menampung keperluan trafik sehingga tahun 2016 yang diramalkan akan mempunyai jumlah penumpang sebanyak 8.5 sehingga 9 juta.

Skop-skop kerja naik taraf lapangan terbang sedia ada yang akan melibatkan pertama pemanjangan landasan dari 2,988 meter kepada 3,780 meter untuk menampung operasi P747 dan 400 dan Airbus 380. Kedua, pembesaran *apron* sedia ada dan *teksi way*. Ketiga, peningkatan bangunan terminal dari 20,654 meter persegi yang sedia ada kepada 54,000 meter persegi untuk pengendalian penumpang 9 juta setahun. Keempat, menaik taraf kekuasaan *air.side*. Kelima, *aerodrome ground letting*, dengan izin, untuk pemanjangan landasan dan *teksi way* termasuk kategori 1 *position approach lighting system* untuk kedua-dua landasan baru untuk kedua-dua landasan dan semuanya. Keenam, menaik taraf bangunan *airport fire rescue system* bagi memenuhi operasi kategori 10.

Setelah kerja-kerja peningkatan ini selesai, LTKK akan dapat mengendali pesawat B747 tanpa sekatan dan A380. Jumlah pengendalian penumpang dapat dipertingkatkan sehingga 9 juta manakala pengendalian penumpang semasa waktu puncak dapat ditingkatkan dari 1,200 penumpang sekarang sehingga 3,200 penumpang sejam.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara yang saya hendak jawab dan apa-apa perkara lain kita.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan. Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin pada pukul 10.00 pagi dan Kementerian Wilayah Persekutuan bolehlah menyambung.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang***